UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ANALISIS AMALAN PENGAJARAN GURU DAN TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB MURID KAFA DI DAERAH JELEBU

MOHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN MOHD YUSMAN

MA

Ogos 2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ANALISIS AMALAN PENGAJARAN GURU DAN TAHAP PENGUASAAN BAHASA ARAB MURID KAFA DI DAERAH JELEBU

MOHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN MOHD YUSMAN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Sarjana Pengajian Islam Kontemporari

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Ogos 2026

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA

Saya sahkan bahawa Panel Pemeriksa yang telah bermesyuarat pada 24 April 2026 untuk mengendalikan peperiksaan akhir Mohammad Amirul Ashraf bin Mohd Yusmanbagi tesis Sarjana yang bertajuk "Analisis Amalan Pengajaran Guru dan Tahap Penguasaan Bahasa Arab Murid KAFA di Daerah Jelebu" berdasarkan Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Panel Pemeriksa telah mencadangkan pelajar tersebut layak dianugerahkan ijazah yang tersebut. Panel Pemeriksa adalah seperti berikut

Afiffudin Mohammed Noor,PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pengerusi)

Mohamad Khairul Izwan Rifin, PhD
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA
(Pemeriksa Dalam)

Muhammad Imran Ahmad, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor
(Pemeriksa Luar)

PROFESSOR DR HJH ZURAEDA IBRAHIM
Dekan
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi MARA
Tarikh: 14 Ogos 2026

DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar	:	Mohammad Amirul Ashraf bin Mohd Yusman
No. Pelajar	:	2023504171
Program	:	Sarjana Pengajian Islam Kontemporari – IC780
Fakulti	:	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Choose an item	:	Analisis Amalan Pengajaran Guru dan Tahap Penguasaan Bahasa Arab Murid KAFA di Daerah Jelebu
Tandatangan Pelajar	:	
Tarikh	:	Ogos 2026

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pelaksanaan pengajaran Pendidikan Bahasa Arab dalam sekolah-sekolah KAFA di Daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama iaitu untuk mengkaji struktur kurikulum subjek Bahasa Arab di sekolah KAFA, menganalisis tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA serta menilai amalan pengajaran Bahasa Arab oleh guru-guru KAFA di daerah tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual bersama guru-guru KAFA serta analisis dokumen kurikulum. Data yang diperoleh dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola, tema dan isu utama yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab di sekolah KAFA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa struktur kurikulum Bahasa Arab KAFA memberikan penekanan kepada penguasaan kemahiran asas bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Walau bagaimanapun, tahap penguasaan murid didapati berada pada tahap sederhana, khususnya dalam kemahiran menulis dan bertutur. Berdasarkan sudut amalan pengajaran, kajian mendapati bahawa guru-guru KAFA mengaplikasikan gabungan kaedah tradisional seperti syarahan dan terjemahan dengan kaedah kreatif dan berpusatkan murid seperti nyanyian, permainan bahasa serta penggunaan bahan visual seperti kad imbas. Namun, pelaksanaan amalan pengajaran ini masih berhadapan dengan beberapa kekangan seperti keterbatasan bahan bantu mengajar yang sesuai serta tahap penglibatan aktif murid yang tidak konsisten. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa keberkesanan pengajaran Bahasa Arab di sekolah KAFA sangat bergantung kepada kualiti amalan pengajaran guru dan sokongan yang berterusan terhadap pelaksanaan kurikulum. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak sekolah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) secara khusus, serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara umumnya dalam usaha menambah baik mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA, khususnya dalam Negeri Sembilan.

ABSTRACT

This study aims to examine the implementation of Arabic Language Education teaching in KAFA schools in the Jelebu , Negeri Sembilan. This study has three main objectives: to examine the curriculum structure of the Arabic Language subject in KAFA schools to analyze the level of Arabic language proficiency among KAFA school students and to evaluate the Arabic language teaching practices of KAFA teachers in Jelebu. This study uses a qualitative approach with interview methods with KAFA teachers and analysis of curriculum documents. The data obtained are analyzed thematically to identify patterns, themes and key issues related to the implementation of Arabic language teaching in KAFA schools. The study findings indicate that the KAFA Arabic Language curriculum structure emphasizes the mastery of basic language skills like reading, writing, listening and speaking. However, the students' proficiency level was found to be at a moderate level, particularly in writing and speaking skills. From the perspective of teaching practices, the study found that KAFA teachers apply a combination of traditional methods such as lectures and translation with creative and student-centered methods such as singing, language games and the use of visual materials like flashcards. However, the implementation of these teaching practices still faces several constraints such as the limitation of suitable teaching aids and the inconsistent level of active student engagement. In conclusion, this study proves that the effectiveness of Arabic language teaching in KAFA schools is highly dependent on the quality of teachers' teaching practices and continuous support for curriculum implementation. The implications of this study are expected to serve as a guide and reference for school authorities, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) specifically and the Ministry of Education Malaysia (KPM) generally, in efforts to improve the quality of Arabic language teaching and learning in KAFA schools, especially within Negeri Sembilan.

PENGHARGAAN

Segala puji dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin, rahmat dan inayahNya, penulisan tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tanpa limpahan kurnia kekuatan, kesabaran dan ketabahan daripadaNya, sudah pasti usaha ini tidak akan dapat direalisasikan dengan baik.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada penyelia utama iaitu Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf dan penyelia bersama iaitu Dr. Nabilah Huda binti Zaim atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang berterusan sepanjang tempoh penyelidikan dan penulisan tesis ini. Penghargaan ini turut ditujukan kepada pihak pentadbiran Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, serta seluruh warga Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang telah memberikan ruang, kemudahan dan sokongan sepanjang pelaksanaan kajian ini dilaksanakan. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pihak pengurusan sekolah KAFA, para guru serta murid-murid yang terlibat, atas kesudian memberikan kerjasama dan maklumat sepanjang proses pengumpulan data dijalankan. Tanpa komitmen dan sokongan daripada semua pihak, penyelidikan ini tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.

Tidak dilupakan, setulus penghargaan dan kasih sayang dititipkan kepada kedua-dua ibu bapa tercinta iaitu En. Mohd. Yusman bin Mohd. Yusof serta]
] dan seluruh ahli keluarga yang sentiasa menjadi sumber kekuatan, memberikan doa, dorongan dan sokongan moral yang berterusan sepanjang tempoh pengajian ini. Segala pengorbanan dan pengertian mereka merupakan motivasi yang amat bermakna dalam menyempurnakan amanah ilmu ini.

Seterusnya, penghargaan turut ditujukan kepada sahabat-sahabat seperjuangan, saudara-mara serta warga Darul Hasani Jelebu yang sentiasa memberikan sokongan moral, bantuan, dorongan dan doa sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Segala perhatian, semangat serta kata-kata motivasi yang diberikan amat dihargai dan menjadi sumber kekuatan dalam menghadapi setiap cabaran sepanjang tempoh pengajian ini.

Akhir kata, penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama memberikan semangat serta perkongsian idea sepanjang kajian ini dilaksanakan. Semoga segala jasa baik, bantuan dan sumbangan semua pihak ini mendapat ganjaran dan balasan yang sebaik-baiknya daripada Allah SWT.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA **ii**

DEKLARASI PENULIS **iii**

ABSTRAK **iv**

ABSTRACT **v**

PENGHARGAAN **vi**

ISI KANDUNGAN **vii**

SENARAI JADUAL **xi**

SENARAI RAJAH **xiii**

SENARAI SINGKATAN **xiv**

SENARAI TRANSLITERASI **xv**

BAB 1 PENGENALAN **1**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.2.1 Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia 2

1.2.2 Kebimbangan Terhadap Penguasaan Bahasa Asing 5

1.2.3 Cabaran Menguasai Bahasa Arab 7

1.2.4 Isu Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah KAFA 9

1.3 Pernyataan Masalah Kajian 10

1.4 Persoalan Kajian 19

1.5 Objektif Kajian 19

1.6 Limitasi dan Skop Kajian 20

1.7 Kerangka Kerja Teoritikal dan Konseptual Kajian 20

1.7.1 Kerangka Teoritikal 20

1.7.2 Kerangka Konseptual 21

1.8 Kepentingan Kajian 22

1.9 Definisi Operasi Kajian 23

1.9.1 Tahap Penguasaan 24
1.9.2 Subjek Bahasa Arab 24
1.9.3 KAFA 24
1.9.4 Pelajar Sekolah 24
1.10 Kesimpulan 25

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 26
2.1 Pengenalan 26
2.2 Pendidikan Bahasa Arab 26
2.2.1 Misi 26
2.2.2 Visi 27
2.2.3 Kepentingan Bahasa Arab 28
2.3 Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) 30
2.3.1 Visi 30
2.3.2 Misi 30
2.3.3 Objektif 31
2.4 Amalan Pengajaran 31
2.4.1 Model Pengajaran dan Pembelajaran (PdP 31
2.4.2 Konsep Pendekatan Dalam PdP Bahasa Arab 33
2.4.3 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 35
2.5 Kajian Bahasa Arab 36
2.6 Kajian Amalan Pengajaran 38
2.7 Kajian Pelaksanaan KAFA 43
2.8 Kesimpulan 47

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 48
3.1 Pengenalan 48
3.2 Reka Bentuk Kajian 48
3.3 Lokasi Kajian 48
3.4 Populasi dan Sampel Kajian 49
3.5 Metodologi Kajian Setiap Objektif 49
3.5.1 Mengkaji struktur kurikulum subjek Bahasa Arab di sekolah KAFA 49

3.5.2 Menganalisis tahap penguasaan subjek Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu 49
3.5.3 Menilai amalan pengajaran Bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA di daerah Jelebu 50
3.6 Instrumen Kajian 50
3.7 Prosedur Kajian 53
3.7.1 Fasa Perancangan 53
3.7.2 Fasa Pemilihan Responden 54
3.7.3 Fasa Pengumpulan Data 54
3.7.4 Fasa Pengurusan Data 54
3.7.5 Fasa Analisis Data 54
3.8 Etika Kajian 56
3.9 Kesimpulan 56

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN 57
4.1 Pengenalan 57
4.2 Struktur Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah KAFA 57
4.2.1 Silibus Tahun 1 58
4.2.2 Silibus Tahun 2 64
4.2.3 Silibus Tahun 3 70
4.2.4 Silibus Tahun 4 74
4.2.5 Silibus Tahun 5 80
4.2.6 Kesimpulan Silibus Tahun 1 Hingga Tahun 5 83
4.3 Tahap Penguasaan Pelajar di Daerah Jelebu 84
4.4 Amalan Pengajaran Guru KAFA 85
4.4.1 Latar Belakang Responden 86
4.4.1.1 Guru A 86
4.4.1.2 Guru B 87
4.4.1.3 Guru C 87
4.4.1.4 Guru D 87
4.4.2 Amalan Pengajaran 88
4.4.3 Ciri-ciri Pengajaran Yang Baik 95
4.4.4 Pandangan dan Cadangan 96

4.5 Kesimpulan 97

BAB 5 RUMUSAN KAJIAN 98

5.1 Pengenalan 98

5.2 Rumusan Kajian 98

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 101

5.3.1 Perbincangan Dapatan Bagi Objektif Pertama: Mengkaji Struktur Kurikulum Subjek Bahasa Arab Di Sekolah KAFA 101

5.3.2 Perbincangan Dapatan bagi Objektif Kedua: Menganalisis Tahap Penguasaan Subjek Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid KAFA Di Daerah Jelebu 103

5.3.3 Perbincangan Dapatan Bagi Objektif Ketiga: Menilai Amalan Pengajaran Bahasa Arab Guru-guru Di Sekolah KAFA Di Daerah Jelebu. 105

5.4 Amalan Pengajaran Bahasa Arab Terbaik 106

5.5 Implikasi Kajian 108

5.5.1 Implikasi Teori 108

5.5.2 Implikasi Amalan 108

5.5.3 Implikasi Polisi 109

5.6 Cadangan Kajian Akan Datang 109

5.7 Kesimpulan 110

RUJUKAN 112

APENDIK 126

PROFIL PENULIS 136

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.1	Statistik GPMP Peringkat Nasional bagi Subjek Bahasa Arab Untuk Calon SPM tahun 2023 dan 2024	4
Jadual 3.1	Soalan Temu Bual	52
Jadual 4.1	Subtopik Pertama Tahun 1	59
Jadual 4.2	Subtopik Ke-2 Tahun 1	60
Jadual 4.3	Subtopik Ke-3 Tahun 1	61
Jadual 4.4	Subtopik Ke-4 Tahun 1	62
Jadual 4.5	Subtopik Ke-5 Tahun 1	63
Jadual 4.6	Keseluruhan Subtopik Tahun 1	64
Jadual 4.7	Subtopik Pertama Tahun 2	65
Jadual 4.8	Subtopik Ke-2 Tahun 2	66
Jadual 4.9	Subtopik Ke-3 Tahun 2	66
Jadual 4.10	Subtopik Ke-4 Tahun 2	67
Jadual 4.11	Subtopik Ke-5 Tahun 2	67
Jadual 4.12	Subtopik Ke-6 Tahun 2	68
Jadual 4.13	Subtopik Ke-7 Tahun 2	68
Jadual 4.14	Subtopik Ke-8 Tahun 2	69
Jadual 4.15	Subtopik Pertama Tahun 3	71
Jadual 4.16	Subtopik Ke-2 Tahun 3	71
Jadual 4.17	Subtopik Ke-3 Tahun 3	72
Jadual 4.18	Subtopik Ke-4 Tahun 3	72
Jadual 4.19	Subtopik Ke-5 dan 6 Tahun 3	73
Jadual 4.20	Subtopik Ke-7 Tahun 3	73
Jadual 4.21	Subtopik Pertama Tahun 4	75
Jadual 4.22	Subtopik Ke-2 Tahun 4	76
Jadual 4.23	Subtopik Ke-3 Tahun 4	76
Jadual 4.24	Subtopik Ke-4 Tahun 4	77
Jadual 4.25	Subtopik Ke-5 Tahun 4	78
Jadual 4.26	Subtopik Ke-6 Tahun 4	78

Jadual 4.27	Subtopik Ke-8 Tahun 4	79
Jadual 4.28	Subtopik Pertama Tahun 5	81
Jadual 4.29	Subtopik Ke-2 Tahun 5	82
Jadual 4.30	Subtopik Ke-3 Tahun 5	82
Jadual 4.31	Analisis Keputusan UPKK	84
Jadual 4.32	Amalan Pengajaran Responden	94
Jadual 5.1	Dapatan Kajian Objektif Pertama	102
Jadual 5.2	Dapatan Kajian Objektif Kedua	104
Jadual 5.3	Dapatan Kajian Objektif Ketiga	105
Jadual 5.4	Amalan Pengajaran Terbaik	107

SENARAI RAJAH

Rajah	Tajuk	Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	22
Rajah 3.1	Analisis Data	55

SENARAI SINGKATAN

Singkatan	Kenyataan
ACIS	Akademi Pengajian Islam Kontemporari
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JHEAINS	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan
KAFA	Kelas al-Quran dan Fardu Ain
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PPPI	Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UPKK	Ujian Penilaian Kelas KAFA

SENARAI TRANSLITERASI

a) Huruf Konsonan

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	’	سأل	sa’ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	Raḥmān
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarāb
ش	sh	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	ᶜ	عبد	ᶜabd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	kaʾs
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣala
ي	y	يسار	yasār

b) Vokal

i) Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contah Asal	Contoh Transliterasi
ـَ	a	فَعَلَ	faᶜala
ـِ	i	حَسِبَ	ḥasiba
ـُ	u	كُتِبَ	kutiba

ii) Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contah Asal	Contoh Transliterasi
ـَا ، ى	ā	كاتب , قضي	kātib, qaḍā
ـِي	ī	كريم	karīm
ـُو	ū	حروف	ḥurūf

c) Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contah Asal	Contoh Transliterasi
ـَوْ	aw	قَول	qawl
ـَيْ	ay	سَيف	sayf
ـِيّ	iyy/ī	رَجعِي	rajᶜiyy, rajᶜī
ـُوّ	uww/ū	عدُو	ᶜaduww, ᶜadū

d) Pengecualian

i) Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada ‘a’ bukan kepada ’. Contoh: أكبر , transliterasi: akbar bukan ’akbar.

ii) Huruf Arab ة (tā’ marbūṭah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada ‘t’. Contohnya: وزارة التعليم, transliterasi: wizārat al-taclīm, bukannya wizārah al-taclīm. Tetapi seandainya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, tā’ marbūṭah ditransliterasikan kepada h.

	Contoh:	Transliterasi:
1.	الأهلية المكتبة	al-Maktabah al-Ahliyyah
2.	قلعة	qalᶜah
3.	دار وهبة	dār Wahbah

BAB 1
PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membentangkan gambaran awal tentang kajian yang dijalankan berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di daerah Jelebu. Pada permulaannya, bab ini mengetengahkan pengenalan umum terhadap kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan kedudukannya dalam pendidikan Islam di Malaysia. Seterusnya, dibincangkan latar belakang kajian yang menjelaskan secara terperinci tentang peranan KAFA serta isu-isu berkaitan tahap penguasaan bahasa Arab murid. Bahagian pernyataan masalah pula menghuraikan isu dan jurang yang wujud, iaitu tahap penguasaan bahasa Arab yang masih sederhana serta perbezaan pendekatan 'Pengajaran dan Pembelajaran' (PdP) antara sekolah cemerlang dan kurang cemerlang. Hasil daripada pernyataan masalah tersebut, kajian ini merumuskan persoalan kajian dan objektif kajian yang menjadi panduan utama sepanjang proses penyelidikan.

Seterusnya, bab ini juga membincangkan kepentingan kajian yang menekankan sumbangan penyelidikan ini terhadap aspek teori, amalan pengajaran dan dasar pendidikan Islam. Diikuti dengan kerangka kerja teoritikal dan konseptual yang menerangkan asas teori pembelajaran yang menjadi sandaran kajian serta hubungan antara kurikulum, PdP dan tahap penguasaan murid. Selain itu, skop kajian turut dijelaskan bagi menghadkan fokus kepada lokasi, responden dan aspek yang dikaji. Kemudian, diberikan definisi operasional bagi istilah-istilah penting seperti penguasaan bahasa Arab dan amalan PdP guru agar tidak berlaku kekeliruan dalam tafsiran.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pendidikan Bahasa Arab di Malaysia

Pada masa kini, terdapat lebih daripada 422 juta penutur bahasa Arab di seluruh dunia. Bahasa ini dianggap sebagai bahasa kelima paling berpengaruh dan dituturkan di peringkat antarabangsa (Mohd, Adnan, Yusof, Ahmad & Kamal, 2019). Ia juga merupakan bahasa rasmi bagi 22 buah negara Arab. Minat mempelajari bahasa Arab semakin meningkat, terutama selepas tragedi 11 September 2001 (Jusoh & Abdullah, 2020). Hakikatnya, murid yang berumur lebih muda lebih mudah mempelajari bahasa asing kerana pada usia ini, mereka lebih bersedia untuk belajar serta mengambil bahagian dengan semangat dalam pelbagai subjek, termasuk bahasa Arab (Shafie, Yusoff & Baharudin, 2019). Jika diberikan pendedahan awal tentang beberapa strategi asas yang mudah didekati, tidak mustahil pelajar bukan Islam juga akan lebih berminat untuk belajar bahasa ini (Arifin, Bakar, Ridzwan & Jamsari, 2021).

Bahasa Arab mempunyai keistimewaannya tersendiri. Kedudukannya tinggi terutama dalam kalangan masyarakat Melayu, lebih-lebih lagi apabila ia dipelajari untuk memahami al-Quran itu sendiri (Ismail, et al., 2022). Keunikan bahasa ini juga dapat dilihat pada penggunaan tulisan jawi yang diambil daripada abjad Arab sebelum merdeka dan ianya masih digunakan secara meluas sehingga kini. Selain itu, bahasa Arab bukan sahaja menjadi bahasa keagamaan, malah ia turut digunakan dalam pelbagai bidang pendidikan di peringkat antarabangsa (Rahmawati, Sulaikho & Naba, 2021).

Di Malaysia, pendidikan bahasa Arab menunjukkan perkembangan yang positif kerana diterima dalam kalangan penduduk Tanah Melayu sebelum merdeka. Penerimaan ini jelas apabila subjek ini diangkat sebagai subjek utama dalam kurikulum sekolah-sekolah pondok dan institusi madrasah agama sejak abad ke-18 Masihi (Daud, Wong, Ghani & Ramli, 2021). Bahasa Arab diajar dalam pelbagai peringkat pengajian, termasuk peringkat awal pendidikan kanak-kanak, sekolah rendah, menengah dan universiti (Osman, Hamzah, Rouyan & Noor, 2021) menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan yang bersesuaian dengan objektif dan tujuan (PdP) di setiap peringkat (Islaieh, Jailani, Zainuddin, Kamaruddin & Zakaria, 2020).

Pelaksanaan kaedah ini bergantung pada tahap pengajian pelajar, sukatan pelajaran dan tujuan akademik institusi. Memandangkan kebanyakan negeri

menggunakan dua sistem akademik iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah agama, bahasa Arab menjadi subjek konvensional di sekolah rendah. Sekolah agama menawarkan bahasa Arab sebagai subjek utama dan PdP bagi subjek ini tidak dapat dipisahkan daripada Pendidikan Islam kerana ia merupakan medium utama untuk pemerolehan ilmu dalam bidang tersebut (Ali, Rahman, Awang, Rahman & Embong, 2023). Melalui platform agama, Bahasa Arab berkembang pesat di Malaysia, menjadikan PdP bahasa Arab sebagai elemen penting pendidikan yang diharap dapat menyediakan pelajar menjadi modal insan berilmu dan berkemahiran serta mampu menguasai bahasa asing mengikut keperluan pasaran semasa (Asbulah, Deris & Rushdi, 2022).

Bahasa Arab juga mempunyai tempat istimewa dalam sistem pendidikan Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Akta Pendidikan 1996 meletakkan Bahasa Arab sebagai bahasa asing utama yang boleh ditawarkan di sekolah rendah berdasarkan empat kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, menulis dan membaca (Zainuddin, Ramlan, Masrop, Sahrir & Abdullah, 2021). Ia diajar kepada murid berlatar belakang berbeza, bukan sahaja untuk murid Islam, malah turut dipelajari oleh murid bukan Islam (Shafie & Baharudin, 2021). Penguasaan bahasa Arab bergantung pada pelaksanaan PdP yang bersistematik, serasi dan fleksibel supaya guru dapat membantu pencapaian murid (Hussain & Mamat, 2019).

Pelaksanaan PdP bahasa Arab di sekolah termaktub dalam Peraturan Pendidikan (Kurikulum Pendidikan) 1997. Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan sebagai subjek tambahan, manakala bahasa Arab Tinggi sebagai subjek elektif (Hamidin, 2020). Sekurang-kurangnya enam waktu seminggu diperuntukkan untuk Bahasa Arab Komunikasi, manakala empat waktu bagi Bahasa Arab Tinggi, setiap satu 40 minit. Namun, kajian menunjukkan bahawa murid di sekolah beraliran agama kurang berminat dengan subjek ini (Juryatina & Amrin, 2021) kerana ramai berpendapat ia lebih sukar dipelajari berbanding Bahasa Inggeris. Paradigma ini menyebabkan kurangnya minat dan semangat untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mendalam. Statistik Kementerian pelajaran Malaysia (KPM) menunjukkan penurunan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang lulus bahasa Arab pada tahun 2024 berbanding 2023. Jadual 1.1 memperlihatkan perbandingan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi bahasa Arab di peringkat nasional bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan 2024.

Jadual 1.1
Statistik GPMP Peringkat Nasional bagi Subjek Bahasa Arab Untuk Calon SPM tahun 2023 dan 2024

Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
		Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus D,E	A+→E	Gagal		
Bahasa Arab	2024	37.1	37.8	18.0	92.9	7.1	27,606	4.00
	2023	33.3	39.1	19.0	91.4	8.6	27,950	4.27
	Beza	3.8	-1.3	-1.0	1.5	-1.5	-344	-0.27

Sumber: Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2025

Dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023, prestasi subjek bahasa Arab mencatatkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) sebanyak 4.27 dan prestasinya kekal sama pada tahun 2024, menunjukkan tiada perubahan ketara dalam keberhasilan calon bahasa Arab antara dua tahun tersebut. Secara keseluruhan, pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 mencatatkan prestasi terbaik dalam 11 tahun dengan Gred Purata Kebangsaan (GPK) 4.49 berbanding 4.60 pada tahun 2023. Ini mencerminkan peningkatan kualiti pencapaian calon secara umum, meskipun bahasa Arab mengekalkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) yang stabil.

Bilangan calon cemerlang meningkat pada 2024 dengan 14,179 calon mendapat semua A (A+, A, A−), meningkat daripada 11,713 calon pada tahun 2023, menunjukkan peningkatan pencapaian peperiksaan secara umum walaupun bahasa Arab Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) adalah stabil. Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bahasa Arab yang sekitar 4.27 hingga 4.00 menurut beberapa sumber menunjukkan subjek ini masih dalam kategori prestasi sederhana jika dibandingkan dengan subjek lain yang mempunyai Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) lebih rendah, misalnya bahasa Kadazandusun (2.15) dan bahasa Punjabi (2.84). Ini menunjukkan ruang untuk peningkatan dalam prestasi bahasa Arab dengan penekanan lebih kepada pembelajaran dan latihan calon untuk meningkatkan penguasaan bahasa tersebut.

Analisis ini menyimpulkan bahawa walaupun prestasi bahasa Arab calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dan 2024 agak stabil dan tidak menunjukkan peningkatan signifikan, pencapaian keseluruhan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meningkat. Fokus pada program pembelajaran bahasa Arab boleh membantu menurunkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) untuk subjek ini pada masa depan,

sejajar dengan prestasi peningkatan keseluruhan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dicapai pada tahun 2024.

Kajian mengenai penguasaan bahasa Arab perlu dijalankan kerana walaupun keputusan keseluruhan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) meningkat, prestasi yang stabil dalam subjek bahasa Arab menunjukkan terdapat cabaran dalam penguasaan bahasa ini. Ini memberi bukti bahawa usaha dan strategi pengajaran bahasa Arab masih perlu dipertingkat bagi membantu pelajar menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik. Faktor-faktor seperti sikap pelajar, kaedah pengajaran, dan sumber pembelajaran perlu dikaji supaya pengajaran bahasa Arab dapat lebih efektif dan pelajar dapat mencapai keputusan yang lebih cemerlang.

Mengaitkan dengan data Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) ini, kajian penguasaan bahasa Arab menjadi kritikal untuk mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan prestasi tidak mengalami peningkatan dan mencari intervensi yang sesuai. Melalui kajian ini, dasar pendidikan dan strategi pengajaran Bahasa Arab boleh diperbaiki untuk menurunkan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) subjek tersebut, seiring dengan peningkatan prestasi subjek lain dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024. Dengan ini, peningkatan penguasaan bahasa Arab bukan sahaja dapat memperbaiki skor peperiksaan, malah memperkukuh pemahaman pelajar terhadap agama dan budaya melalui bahasa tersebut.

1.2.2 Kebimbangan Terhadap Penguasaan Bahasa Asing

Kebanyakan manusia menggunakan lebih daripada satu bahasa untuk bekerja dan berkomunikasi antara satu sama lain (Zaidi, Nadeem & Gill, 2019). Namun, mereka biasanya kurang mahir dalam menggunakan bahasa kedua berbanding bahasa pertama. Kesannya, mereka sering ragu-ragu untuk berkomunikasi secara aktif apabila menggunakan bahasa kedua dalam kehidupan harian. Kebimbangan terhadap penguasaan bahasa asing bukanlah isu baru dalam kajian pendidikan kerana masalah ini sentiasa wujud dan tidak pernah hilang begitu sahaja (Mokhtar & Haron, 2021). Pakar psikolinguistik mendapati bahawa sebahagian besar pelajar yang mempelajari bahasa asing mengalami kebimbangan yang menyebabkan mereka gagap atau tidak lancar semasa berkomunikasi, walaupun hanya dalam kalangan mereka sendiri (Malik, Qin & Ahmed, 2020). Isu ini mendapat perhatian ramai ahli bahasa dan penyelidik di seluruh dunia kerana ia tidak dapat dielakkan.

Kebimbangan yang dirasai oleh pelajar semasa mempelajari bahasa kedua merupakan isu penting kerana ia boleh melemahkan pencapaian bahasa yang dipelajari. Menurut Gawi (2020), kebimbangan terhadap penguasaan bahasa asing dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah kebimbangan peribadi dan interpersonal yang dialami oleh pelajar, kepercayaan pelajar terhadap proses pembelajaran, serta keyakinan guru dalam melaksanakan pengajaran bahasa. Selain itu, interaksi antara guru dan pelajar turut memainkan peranan penting dalam menentukan tahap keyakinan pelajar untuk berkomunikasi. Faktor lain yang tidak kurang penting ialah prosedur bilik darjah yang digunakan, serta bentuk dan tahap kesukaran ujian bahasa yang dihadapi pelajar. Kesemua faktor ini secara langsung atau tidak langsung mempengaruhi tahap kebimbangan dan seterusnya pencapaian pelajar.

Konsep kebimbangan terhadap penguasaan bahasa asing telah diketengahkan oleh Horwitz, Horwitz dan Cope pada tahun 1986 untuk memahami masalah yang mengganggu penguasaan bahan linguistik oleh seseorang individu (Nassif, 2019). Konsep ini menjelaskan bahawa kebimbangan merujuk kepada kemampuan pelajar KAFA mengenali perkataan dan menyimpannya dalam ingatan jangka pendek, serta masa yang diperlukan untuk menguasai maklumat tersebut. Secara ringkasnya, kebimbangan ini melibatkan perasaan, sikap, tingkah laku dan persepsi diri yang kompleks akibat ketidaksamaan dalam menguasai proses pembelajaran bahasa yang berbeza (Raffi, Ghazuddin, Rusdi, Suparia & Abdullah, 2022). Oleh itu, kebimbangan ini boleh memberi kesan negatif kepada pelajar KAFA dan menunda penguasaan keseluruhan proses pembelajaran bahasa.

Kebimbangan terhadap penguasaan bahasa asing boleh ditakrifkan sebagai sensasi ketegangan, kegelisahan, kereaktifan emosi dan kebimbangan yang berkaitan dengan pemerolehan bahasa kedua atau asing. Ia sering menjadi topik kajian dalam pendidikan kerana pelajar KAFA mungkin gagal berkomunikasi dengan berkesan dan yakin, tidak kira di dalam mahupun di luar bilik darjah (Mokhtar & Haron, 2020). Peranan guru dan suasana pembelajaran juga boleh menjadi punca berlakunya kebimbangan ini (Oteir & Al-Otaibi, 2019; Bensalem, 2019). Sebagai contoh, memberikan peluang kepada pelajar KAFA untuk menyesuaikan diri tanpa ditekan untuk bercakap secara mengejut dapat mengurangkan kebimbangan mereka. Oleh sebab itu, guru KAFA digalakkan mengurangkan tahap kebimbangan murid dalam PdP bahasa asing termasuk bahasa Arab (Mokhtar, 2020). Kekurangan minat mungkin

berlaku disebabkan tiada motivasi, tidak menyedari kelebihan mempelajari bahasa tersebut atau menganggap ia terlalu sukar (Zaid, 2020).

Banyak KAFA juga kurang berkeyakinan untuk bertutur lancar kerana bahasa tersebut bukan bahasa pertama mereka. Malah, ada di kalangan mereka takut melakukan kesilapan yang boleh mengundang gurauan daripada rakan-rakan. Oleh itu, mereka cenderung mengelak daripada bertutur dalam bahasa Arab, walaupun ia cara terbaik untuk menguasainya. Pencapaian akademik dalam kemahiran bertutur boleh diperbaiki dengan mengurangkan tahap kebimbangan ini. Apabila kebimbangan, ketakutan dan kegelisahan berkurang, keyakinan murid akan meningkat semasa menyampaikan ucapan menggunakan bahasa Arab baik di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Kebimbangan terhadap penguasaan bahasa Arab boleh dikurangkan melalui beberapa pendekatan praktikal. Contohnya, guru KAFA perlu lebih mesra dengan menggunakan kaedah yang memberi ganjaran dan galakan kepada murid semasa PdP bahasa Arab. Dengan cara ini, murid lebih berani mencuba, bertutur dan menguasai bahasa tersebut secara efektif. Pendekatan mesra sebegini membantu mengurangkan tekanan dan membuat pelajar lebih yakin untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Arab.

1.2.3 Cabaran Menguasai Bahasa Arab

Bahasa Arab dianggap sebagai salah satu bahasa yang sukar dipelajari (Selim, 2019). Terdapat dua jenis bahasa Arab yang biasa digunakan. Pertama ialah ‘Bahasa Arab Klasik’ yang kini dikenali sebagai ‘Bahasa Arab Standard Moden’ (Omar & Aldawsari, 2022). Kedua ialah ‘Bahasa Arab Dialek Tempatan’ yang biasanya dituturkan dalam komuniti masing-masing. Bahasa Arab Standard Moden digunakan secara formal dalam pendidikan, akhbar dan surat-menyurat, manakala bahasa Arab Dialek Tempatan lebih kepada komunikasi tidak formal. Menariknya, kedua-duanya mempunyai perbezaan daripada segi perbendaharaan kata, sintaksis, morfologi dan juga struktur ayat, walaupun kadang-kadang pelajar KAFA keliru untuk membezakan kedua-duanya.

Perkembangan bahasa Arab di sekolah memerlukan guru KAFA yang berkebolehan, berkemahiran dan cekap. Guru profesional merujuk kepada guru yang berpendidikan, terlatih dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang masing-masing (Sanusi, Mubarak & Al-Rawafi, 2022). Profesionalisme guru KAFA akan terserlah

melalui setiap tugasan yang dilaksanakan, sama ada daripada segi penyediaan bahan pengajaran atau kaedah pengajaran itu sendiri. Guru KAFA juga perlu mempunyai penanda aras profesionalisme dengan menguasai bahan dan strategi PdP yang boleh menggalakkan pelajar untuk menekuni pembelajaran secara serius. Sebagai contoh, guruKAFA) perlu lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran dan tidak hanya bercakap di depan kelas sahaja, ianya juga boleh dilakukan dengan kaedah yang melibatkan pergerakan dan interaksi dua hala.

Di luar waktu rasmi sekolah arus perdana, banyak sekolah tambahan atau kelas tuisyen menawarkan pembelajaran bahasa Arab bagi pelbagai peringkat umur (Soliman & Khalil, 2022). Subjek seperti kejuruteraan, perniagaan, seni bina dan sains biasanya diajar dalam bahasa Inggeris. Manakala bahasa Arab digunakan untuk perbincangan agama, kesusasteraan dan tatabahasa Arab (Daquila, 2020). PdP bahasa Arab sering menggunakan kaedah pengajaran konvensional dengan bantuan alat seperti papan putih, pita perakam dan kad imbasan (Nandang & Nasrudin, 2019). Contohnya, guru Kelas KAFA menunjukkan pembelajaran secara grafik yang dipaparkan di layar, tetapi kadang-kadang murid kurang memberi perhatian kerana ia terlalu teknikal.

Dalam konteks ini, peningkatan kompetensi guru KAFA juga penting. Kini PdP bahasa Arab turut menggunakan pendekatan sosio-budaya dan sosio-linguistik yang mengaitkan penggunaan bahasa pertama dengan bahasa asing. Situasi ini berlaku kerana bahasa Arab dianggap membosankan bagi sesetengah murid sekolah rendah (Hassan, Sitompul & Nurjati, 2021). Selain itu, membaca bahasa Arab sukar kerana perkembangan kemahiran membaca lebih perlahan berbanding bahasa lain, terutamanya apabila murid menggunakan dua bahasa yang berbeza-beza (Langsten, Abdelkhalek & Hassan, 2022). Masalah ini juga timbul kerana tulisan bahasa Arab dari kanan ke kiri dengan 28 huruf, sesetengahnya digunakan sedikit berbeza dalam bahasa lain seperti Urdu dan Parsi (Kah & Lakhouaja, 2020). Menulis huruf Arab mempunyai seni tersendiri kerana huruf boleh diubah secara estetik dan saiz fon kecil atau bentuk huruf yang tidak jelas turut menyukarkan pembacaan.

Kesukaran awal yang dihadapi KAFA dalam aspek asas bahasa Arab seperti kosa kata, tatabahasa dan kefahaman bahan pembelajaran menjadi punca utama masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA. Kelemahan asas ini menyebabkan mereka sukar memahami teks al-Quran dan bahan pengajaran lain, sekaligus menjejaskan motivasi serta minat untuk belajar dengan berkesan. Masalah

asas ini jika tidak ditangani boleh berterusan dan memberi kesan negatif terhadap pencapaian pembelajaran KAFA.

Oleh itu, penguasaan awal bahasa Arab yang kukuh adalah sangat penting. Guru KAFA perlu memberi perhatian serius terhadap aspek ini bagi memastikan keberhasilan program KAFA di peringkat nasional. Dengan pendekatan PdP yang betul, murid bukan sahaja dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih baik, malah motivasi dan minat mereka dalam pembelajaran juga dapat ditingkatkan. Ini akan menghasilkan pelajar yang lebih berkeyakinan dan mampu menggunakan bahasa Arab secara efektif di dalam mahupun di luar bilik darjah.

1.2.4 Isu Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Rendah KAFA

Pelaksanaan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) memberi penekanan terhadap beberapa faktor utama bagi memastikan matlamat pendidikan Islam dapat dicapai dengan berkesan. Antara aspek yang ditekankan dalam pelaksanaannya termasuklah penetapan objektif yang jelas, pelaksanaan sistem peperiksaan yang teratur, penyusunan kurikulum yang sesuai serta kaedah pelaksanaan kurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kesemua aspek ini dilihat penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan KAFA dalam membentuk penguasaan ilmu dan amalan agama dalam kalangan murid (Siti Maria Ibrahim, 2017).

Terdapat tiga objektif dalam pelaksanaan KAFA antaranya adalah menghasilkan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam membaca al-Quran dan mengaplikasikan perkara-perkara fardu yang telah diajarkan apabila tamat pengajian sekolah rendah. Selain itu, pelajar dapat menguatkan lagi perkara-perkara asas dalam penghayatan hidup islam yang dipelajari sepanjang pengajian sekolah rendah. Akhir sekali, dapat mewujudkan satu sistem KAFA yang lebih efektif dan teratur. Dalam sistem penilaian KAFA pula satu peperiksaan telah diwujudkan dalam melihat penguasaan pelajar dari tahun 1 sehingga tahun 5. Penilaian itu disebut sebagai ‘Ujian Penilaian Kelas KAFA’ iaitu singkatannya yang disebut sebagai Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK). Penilaian ini adalah ingin melihat tahap kemahiran, kebolehan dan penghayatan murid dalam setiap silibus kurikulum yang dipelajari pelajar (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM], 2005; Siti Maria Ibrahim, 2017).

Setiap sekolah KAFA di Malaysia telah menggunapakai kurikulum yang sama yang disediakan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara subjek

yang dipelajari adalah Tilawah al-Quran, ‘Ulum al-Syari’ah, Sirah, Lughat al-Qurʾān, Jawi dan Khat, dan Adab. Oleh itu, penyediaan kurikulum yang seragam ini adalah dapat melatih dan menghasilkan pelajar yang mahir dalam pelbagai bidang asas pendidikan islam.

Farrah Wahida Che Ros, Zamri Arifin dan Shamsul Azhar Yahya telah menulis jurnal yang bertajuk ‘*Tinjauan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Sekolah Rendah KAFA: Prospek Pembangunan Bahan Bantuan Mengajar di Era Revolusi Industri 4.0 (2022)’ dalam ‘BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*’ menyatakan bahawa terdapat banyak perkara atau faktor yang menyebabkan pelajar-pelajar sekolah rendah KAFA mengalami masalah dalam melaui proses pembelajaran bahasa Arab KAFA. Antara yang menjadi faktor adalah melalui cara pengajaran guru itu sendiri yang mana setiap guru itu perlu lebih kreatif dan inovatif dalam menarik minat pelajar untuk lebih fokus semasa proses pengajaran dan pembelajaran KAFA menjadi lebih efektif dan menarik. Hal ini bukan sahaja dapat menarik minat pelajar malah pelajar lebih mudah mengingati perkara yang dipelajari dengan lebih baik.

Selain itu, penulis juga telah menyatakan faktor pemahaman pelajar juga akan berkait rapat dengan cara guru berinteraksi dengan pelajar iaitu tidak wujudnya interaksi dua hala antara pelajar dan guru. Hal ini akan dapat membuat pelajar lebih suka mengacau dan bermain dengan rakan sekelasnya yang lain. Implikasinya, pelajar lain juga akan hilang tumpuan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung (Farrah Wahida, Zamri Arifin dan Syamsul Azhar, 2022).

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Tinjauan awal ke atas pengajaran subjek bahasa Arab, khususnya yang dikenali sebagai Lughat al-Qurʾān dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di Sekolah Kebangsaan Datuk Undang Abdullah, Jelebu, Negeri Sembilan, telah dijalankan melalui pemerhatian semasa proses PdP, semakan latihan pelajar serta analisis terhadap kertas soalan pertengahan tahun dan percubaan peperiksaan KAFA tahun 2022 bagi subjek tersebut. Hasil tinjauan mendapati bahawa pelajar menghadapi pelbagai kesukaran dalam memahami topik yang diajarkan. Berdasarkan analisis awal tersebut, didapati bahawa hanya sekitar 20% pelajar yang mampu menguasai teknik pembentukan ayat yang betul daripada perkataan yang diberikan. Kajian awal ini

menunjukkan bahawa kelemahan utama pelajar adalah dalam aspek kemahiran membaca, menulis dan memahami soalan, yang menjadi punca utama masalah penguasaan bahasa Arab dalam pembelajaran KAFA (Mohd Shafie & Norhayati Fatmi Talib, 2018; Noor Shamshinar Zakaria et al., 2017).

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor sebenar yang mempengaruhi kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA, khususnya dari sudut amalan pengajaran guru. Kajian ini juga penting untuk meneliti sama ada kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar serta pendekatan PdP yang digunakan mampu membantu meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengajaran bahasa Arab di sekolah KAFA agar tahap penguasaan pelajar dapat dipertingkatkan dengan lebih berkesan.

Menurut statistik peperiksaan akhir tahun dan peperiksaan pertengahan tahun Lughat al-Qurʾān bagi tahun 2022, setiap skor markah yang diperoleh adalah sangat tidak memuaskan dan hampir 50% pelajar memperoleh peratusan gagal dalam peperiksaan Lughat al-Qurʾān (Sekolah Kebangsaan Datuk Undang Abdullah, 2022). Hal ini adalah sangat membimbangkan kerana ianya jelas menampakkan penguasaan yang lemah pelajar dalam subjek Lughat al-Qurʾān ini. Berdasarkan latarbelakang pengalaman-pengalaman secara langsung tersebut, pengkaji berusaha untuk meneliti beberapa kajian serta dapatan beberapa pengkaji lain dalam mengenalpasti kaitan terhadap beberapa pernyataan masalah, keperluan kajian, objektif, metodologi serta dapatan yang boleh memberikan impak dan solusi kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah rendah KAFA, khususnya dalam konteks daerah Jelebu di Negeri Sembilan. Ini kerana pengkaji mendapati tahap penguasaan pelajar terhadap subjek bahasa Arab ini bukan sahaja menjadi isu di sekolah tinjauan awal dilakukan, bahkan ia menjadi polemik dalam kesemua sekolah di daerah Jelebu itu sendiri.

Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA masih berada pada tahap yang kurang memuaskan dan memerlukan perhatian yang serius, khususnya dalam aspek memahami serta menggunakan bahasa Arab dengan betul. Masalah ini bukan sahaja memberi kesan terhadap pencapaian akademik pelajar dalam subjek Lughat al-Qurʾān, malah turut menjejaskan penguasaan asas bahasa yang penting dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kelemahan tersebut, khususnya dari aspek amalan pengajaran guru,

kaedah PdP dan tahap penguasaan pelajar. Kajian ini juga penting untuk mencari pendekatan pengajaran yang lebih berkesan agar penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA di daerah Jelebu dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

Siti Saudah Mohd Ghani et al. (2023) dalam kajian mereka bertajuk '*Persuasive E-Learning Portal for Arabic Language: ArabKafa3'* dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjelaskan bahawa pada masa kini, pendekatan KAFA turut memberikan penekanan terhadap subjek bahasa Arab dan Tulisan Jawi. Sekolah rendah yang melaksanakan KAFA merupakan medium pertama untuk membangunkan generasi sarjana yang mempunyai kepakaran dalam bidang bahasa Arab. Namun, tahap penguasaan pelajar yang membimbangkan terhadap subjek bahasa Arab masih lagi sering diperkatakan. Beberapa faktor yang menjurus ke arah itu diteliti seperti infrastruktur sistem pendidikan yang tidak mencukupi, tempoh masa yang singkat dan latarbelakang pendidikan tenaga pengajar yang kebanyakkannya daripada sistem pendidikan akademik yang sederhana. Ini secara tidak langsung memberikan impak kepada tahap penguasaan pelajar terhadap modul pembelajaran KAFA itu sendiri.

Siti Saudah Mohd Ghani et al. (2023) turut mencadangkan agar kajian-kajian lanjutan selepas ini meneliti isu yang dibincangkan berdasarkan faktor-faktor yang telah dikenal pasti dalam kajian mereka. Sehubungan itu, pengkaji akan meneruskan kajian tersebut dengan memberi tumpuan kepada penilaian aspek infrastruktur, tempoh masa pengajaran serta latar belakang pendidikan tenaga pengajar dalam menentukan kaedah pembelajaran yang paling berkesan. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada usaha meningkatkan kemenjadian pelajar KAFA yang cemerlang.

Menurut Khairani Zakariya @ Abd Hamid, Amanisah Shuib, Md. Saufi Abdul Hamid, Norarbainah Shafie (2023) dalam kajian mereka yang bertajuk *'Peranan Guru Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran KAFA Menengah di Pulau Pinang: Suatu Kajian Kes'* menyatakan bahawa guru merupakan elemen yang amat penting dalam proses PdP subjek bahasa Arab di sekolah rendah KAFA. Guru di sekolah rendah KAFA perlu mempunyai kemampuan dan kemahiran yang baik untuk mengajar bahasa Arab. Justeru, mereka bertanggungjawab untuk meningkatkan kemahiran bahasa Arab masing-masing. Namun realitinya, kebanyakan guru bahasa Arab di sekolah rendah KAFA masih kekurangan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar bahasa Arab kerana mereka mempunyai latar belakang akademik yang tidak mencukupi dalam mempelajari bahasa Arab secara profesional di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Sebelum guru KAFA dipilih untuk mengajar di sekolah, mereka sepatutnya mempunyai

persediaan untuk berpengetahuan dan berkemahiran dalam subjek bahasa Arab itu sendiri. Apabila pengetahuan dan kemahiran berbahasa Arab lemah, ia akan mendorong kepada kurangnya motivasi dan keyakinan diri guru-guru di sekolah KAFA. Ini turut akan menjejaskan PdP para pelajar di sekolah KAFA dan tidak dapat mencapai objektif dan matlamat sekolah KAFA. Justeru, mereka mencadangkan agar isu berkenaan diteliti dan pengkaji cuba mengetengahkannya dalam kajian ini agar penyelesaian terhadap kompetensi latar belakang pendidikan bahasa Arab guru terhadap subjek bahasa Arab dapat ditangani dengan lebih baik.

Ini diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Bani Hidayat Mohd Shafie dan Norhayati Fatmi Talib dalam *'Jurnal Penyelidikan Pendidikan'* (2018) melalui tajuk *'Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesionalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) JAKIM'*, terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan bahawa kelemahan guru di sekolah KAFA dalam penguasaan bahasa Arab adalah berpunca daripada kekurangan asas akademik bahasa Arab yang kukuh, sehingga akan membataskan dan menghadkan keupayaan guru untuk mengajar, walaupun tempoh masa mengajar yang diperuntukkan adalah mencukupi. Pembelajaran pelajar akan terjejas kerana ilmu yang diperoleh mungkin tidak tepat atau berkembang. Tambahan lagi, guru-guru di sekolah KAFA kurang mendapat latihan dan kursus yang mendalam untuk mengajar bahasa Arab itu sendiri.

Bahkan, Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Angela Chan Nguk Fong, Zukhuriatul Mhd Yusof dari Universiti Selangor (Unisel) dalam National Pre University Seminar 2017 melalui kajian mereka yang bertajuk *'Analisa Keperluan Latihan Guru-guru Sekolah Rendah Agama di Selangor'* (2017) menyatakan bahawa kebanyakan guru KAFA tidak mempunyai latarbelakang opsyen pengajian dalam bidang bahasa Arab. Sedangkan, keperluan tersebut amat mendesak bagi memastikan tahap penguasaan terhadap subjek bahasa Arab ini lebih baik. Kekurangan guru bahasa Arab di sekolah KAFA adalah kerana kekurangan graduan bahasa Arab yang menyebabkan guru bukan opsyen pengajian dalam bidang bahasa Arab di sekolah KAFA terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran. Namun, atas rasa tanggungjawab, mereka terpaksa menggalas tugas pengajaran subjek bahasa Arab tersebut, walaupun sebahagian mereka rasa terpaksa untuk mengajar subjek yang bukan dalam bidang mereka sendiri (Nas Norziela Nasbah, 2023).

Kajian ini perlu dilakukan kerana terdapat isu kekurangan guru KAFA yang mempunyai latar belakang opsyen Bahasa Arab, menyebabkan guru bukan opsyen

terpaksa mengajar subjek tersebut. Situasi ini boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran serta tahap penguasaan pelajar terhadap Bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini penting untuk menilai sejauh mana faktor latar belakang pendidikan guru mempengaruhi kualiti pengajaran dan membantu menambah baik pelaksanaan pengajaran Bahasa Arab dalam konteks KAFA.

Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul 'Azmi dan Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi (2018) dalam e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (Pasak III 2018) melalui kajian mereka yang bertajuk *'Kesediaan Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Pengajaran Mikro Mata Pelajaran Bahasa Arab'* menyatakan bahawa tahap penguasaan pengajaran guru KAFA turut menjadi penanda aras kepada kefahaman pelajar tentang subjek bahasa Arab di sekolah KAFA. Latar belakang akademik atau pendidikan guru-guru yang mengajar KAFA yang tidak mempunyai asas atau mempelajari bahasa Arab secara profesional menjadi cabaran utama terhadap proses PdP. Ini kerana latar belakang guru-guru KAFA ini kebanyakkan menjurus kepada opsyen 'Pendidikan Islam' secara umum sahaja. Majoriti guru Pendidikan Islam bersetuju bahawa mereka sukar untuk memahami dan menguasai bahasa Arab atas faktor latar belakang pendidikan bahasa Arab mereka sebelum ini. Guru Pendidikan Islam memberikan maklum balas bahawa kesukaran mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar itu dapat dilihat pada bahagian pengajaran dalam membina struktur ayat dan ilmu sintaksis. Bahasa Arab memerlukan tahap kefahaman yang tinggi kerana apabila berlaku kesalahan dalam menyebut sesuatu ayat atau perkataan, maka ia akan memberi maksud atau makna yang berbeza-beza pula. Ini menyebabkan guru Pendidikan Islam yang mengajar subjek bahasa Arab mengatakan kelemahan yang utama ialah untuk memahami dan mengajar bahasa Arab kepada pelajar itu sendiri.

Tambahan lagi, Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain dan Mohd Hilmi Hamzah (2017) melalui kajian mereka yang bertajuk *'Permasalahan Dalam Perlaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Di Daerah Pendang, Kedah'* menyatakan bahawa perkataan yang dihafal dalam bahasa Arab tidak dapat diingati dengan baik mejadikan bahasa Arab sukar difahami dan di ajar dengan baik kepada pelajar di sekolah. Walaubagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa walaupun ia sukar bahasa Arab adalah bahasa al-Quran maka kesukaran itu dijadikan motivasi untuk mereka mempelajari bahasa Arab walaupun tiada latar belakang akademik dalam subjek bahasa Arab semasa di universiti.

Noor Shamshinar Zakaria, Zetty Nurzuliana Rashed dan Mohd Kamal Din (2015) dalam kajian mereka yang bertajuk '*Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Terhadap Guru Pelatih Diploma Perguruan Pendidikan Islam Di KUIS*' menyatakan bahawa kekurangan ilmu dan kemahiran menguasai kosa kata bahasa Arab dengan baik turut menjadi cabaran untuk mengajar bahasa Arab dengan baik kepada pelajar yang diperakui majoriti responden. Ini dibuktikan apabila sesi temu bual kajian dijalankan dan ujian telah dilakukan kepada responden. Kesemua responden adalah guru dengan opsyen Pendidikan Islam, apabila dilaksanakan ujian kosa kata bahasa Arab didapati kesalahan ditemui dalam ujian yang dijalankan. Latar belakang akademik guru turut menjadikan penguasaan yang lemah atau rendah kepada kemahiran-kemahiran bahasa Arab yang lain.

Hairun Najuwah Jamali, Awatif Abdul Rahman, Ku Fatahiyah Ku Azizan dan Siti Nurhajariah Md Isa (2018) menyatakan dalam jurnal mereka yang bertajuk *'Pemantapan Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab Melalui Kajian Tindakan'* bahawa kemahiran-kemahiran lain yang perlu ada seperti menulis, mendengar, membaca dan berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah lemah. Sebagai contoh, responden mempunyai masalah pemahaman apabila ayat dalam perkataan bahasa Arab didengari atau diungkapkan oleh orang lain sama ada secara informal atau formal. Ini melibatkan masalah dalam kemahiran mendengar dalam bahasa Arab. Hal ini dibuktikan apabila responden meminta pengkaji bertanya dalam bahasa Melayu dan ada responden menyatakan tidak faham soalan yang ditanya oleh pengkaji. Responden turut mengakui bahawa bahasa Arab kurang digunakan untuk berkomunikasi sesama rakan sekerja mahupun dengan pelajar di sekolah.

Selain itu, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Haslina Hamzah, Julia Madzalan dan Syed Mohd Najib Syed Yahya (2017) menerusi jurnal mereka yang bertajuk *Cabaran Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen: Kajian Terhadap Guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah Agama (SRA) Daerah Hulu Langat, Selangor,* menyatakan bahawa persekitaran yang kurang memberangsangkan untuk bertutur dalam bahasa Arab turut diakui oleh responden. Ini melibatkan masalah dalam kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab. Kamus adalah alat penting kepada responden semasa membaca perkataan atau ayat untuk aktiviti membaca bahasa Arab. Responden turut mengakui bahawa kadang kala pelajar menghadapi masalah mencari perkataan yang ingin dialih bahasa Melayu kepada bahasa Arab.

Ini melibatkan masalah dalam kemahiran membaca dalam bahasa Arab. Responden turut mengakui bahawa penguasaan yang lemah dalam pembinaan struktur ayat bahasa Arab iaitu ilmu Nahu serta pengaruh bahasa Melayu mengganggu fokus dalam penulisan. Satu responden menyatakan bahawa gangguan tabiat untuk bahasa Arab ditulis satu persatu melalui aktiviti penterjemahan daripada bahasa Melayu. Tambahan lagi, satu responden turut menyatakan bahawa permulaan ayat dengan Jumlah Ismiyyah (ayat kata nama) menyebabkan ketidakpastian Mufrad (bilangan tunggal) dan Jama' (bilangan ramai) yang akan digunakan.

Menurut Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee, Ainon Wazir, Muafah Sayed (2020) dalam penulisan mereka yang bertajuk *'Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Malaysia',* mereka menyatakan bahawa ketiadaan latar belakang akademik dalam bahasa Arab menyebabkan guru-guru berasa rendah diri dan kurang yakin mengajar pelajar. Majoriti responden bersetuju bahawa keyakinan diri yang rendah menyebabkan kekurangan untuk mengambil peluang untuk mengajar bahasa Arab. Majoriti responden turut berpendapat kemahiran, penguasaan dan kesukaran subjek bahasa Arab menyebabkan mereka kurang menawarkan diri dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah. Walaubagaimanapun, terdapat responden yang mengambil cabaran ini untuk mengajar subjek bahasa Arab dengan menyatakan dengan sukarela akan mempelajari ilmu bahasa Arab sebagai persediaan mengajar pelajar di sekolah. Latar belakang akademik yang lemah dalam bahasa Arab turut mempengaruhi motivasi guru-guru.

Menurut kajian Mohammad Haafiz Ahmid, Mohd Khairuddin Abdullah dan Khalid Johari (2018) dalam jurnal mereka yang bertajuk *'Pengajaran Guru dan Kepercayaan Motivasi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah'* menulis bahawa guru merasakan ketiadaan motivasi untuk diri sendiri jika belajar secara sendiri bahasa Arab. Ini turut diakui oleh majoriti responden bahawa beberapa halangan seperti masa yang terhad, sibuk dengan aktiviti kerja hakiki dan menguruskan hal rumah tangga serta kekurangan masa untuk memasuki kelas intensif atau tambahan bahasa Arab. Responden merasa tiada peluang untuk memperbaiki kemahiran dan penguasaan bahasa Arab yang mendorong penurunan motivasi untuk mengajar bahasa Arab.

Selain itu, sumber rujukan secara ilmiah berkaitan bahasa Arab kurang didapati sumber rujukan dan bacaan di sekolah atau perpustakaan awam serta secara atas talian merendahkan motivasi responden untuk belajar sendiri bahasa Arab (Nor Azhan Norul

‘Azmi, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Salihin Hafizi Fauzi et al., 2018). Walaubagaimanapun, terdapat responden yang berfikiran dengan positif dan akan memotivasikan diri sendiri untuk belajar dengan lebih mendalam subjek bahasa Arab (Nor Azhan Norul’ Azmi et al, 2018). Latar belakang akademik yang lemah dalam bahasa Arab turut menghadkan peluang guru-guru untuk mengajar bahasa Arab di sekolah. Hal ini disebabkan oleh pihak pengurusan sekolah yang kurang memberi kepercayaan kepada guru-guru untuk diberi peluang mengajar pelajar (Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah & Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy, 2017).

Ini turut diakui oleh sesetengah responden bahawa walaupun sudah lama mengajar subjek Pendidikan Islam, responden tidak pernah diarahkan untuk mengajar subjek bahasa Arab (Nazilah et al., 2017). Tambahan lagi, menurut Mohammad Rusdi Ab. Majid dan Zawawi Ismail (2017) dalam jurnal mereka yang bertajuk *‘Kreativiti Pengajaran Guru Bahasa Arab di Malaysia’,* menyatakan bahawa kekurangan daya persaingan sesama guru bagi peningkatan kerjaya adalah kurang. Guru-guru berasa selesa memegang opsyen pendidikan yang sama.

Selain itu, Ruzaimah Zainol Abidin, Azman Md Zain dan Mohd Hilmi Hamzah (2017) dalam tesis mereka yang bertajuk *‘Permasalahan Dalam Perlaksanaan Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Daerah Pendang, Kedah’* menyatakan bahawa guru-guru kekurangan motivasi untuk keluar daripada zon selesa dalam pengajaran dan mencuba mengajar subjek lain. Ini diakui oleh responden bahawa pertambahan subjek untuk diajar akan melalui proses kursus dan latihan semula bagi subjek baharu. Tambahan lagi, terdapat guru opsyen Pendidikan Islam yang memegang jawatan seperti guru penolong kanan tidak dapat menambah beban kerja untuk mengajar subjek bahasa Arab kerana sibuk dengan urusan pentadbiran sekolah.

Seterusnya, penguasaan Lughat al-Qurʾān menjadi keperluan yang mendesak dalam pembelajaran Islam kontemporari kerana bahasa Arab al-Quran tidak hanya sebagai medium wahyu, tetapi juga penyumbang utama terhadap perkembangan sastera dan pemahaman mendalam ayat-ayat suci al-Quran (Ondeng, 2024). Kajian terkini menegaskan bahawa kelemahan bertutur dalam bahasa Arab menyebabkan pemahaman al-Quran yang sangat lemah, sehingga pembelajaran Lughat al-Qurʾān ini harus dititik beratkan dalam kurikulum untuk meningkatkan penghayatan Islam secara mendalam (Mufadhol, 2025). Hubungan yang sangat berkait rapat antara bahasa Arab dengan al-

Quran menjadikannya medium yang baik bagi umat Muslim dalam menghindari salah faham tafsiran dan memperkuatkan lagi pekerjaan ibadah sehari-hari (Anonim, 2025).

Kajian mengenai amalan pengajaran guru KAFA bahasa Arab perlu dilaksanakan kerana guru sering menghadapi pelbagai cabaran yang mempengaruhi keberkesanan PdP bahasa tersebut. Antara masalah utama adalah penguasaan kosa kata yang rendah dalam kalangan guru, pemilihan bahan bantu mengajar yang kurang tepat dan kurang menarik, serta kekangan masa sesi pengajaran yang memberi kesan negatif terhadap motivasi dan tumpuan pelajar dalam kelas KAFA.

Selain itu, status dan kedudukan bahasa Arab dalam sistem pendidikan turut menimbulkan cabaran yang memerlukan perhatian khusus bagi memastikan pengajaran bahasa Arab dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan berdaya saing. Oleh itu, kajian amalan pengajaran guru KAFA bahasa Arab sangat penting untuk mengenal pasti masalah sebenar yang dihadapi serta menyediakan strategi dan intervensi yang sesuai untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA secara menyeluruh.

Justeru, kajian terhadap penguasaan pelajar dalam bahasa Arab serta amalan pengajaran guru KAFA amat wajar dan penting dijalankan kerana hasil daripada kajian tersebut dapat memberikan maklumat yang komprehensif mengenai kelemahan dan cabaran utama yang dihadapi pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab, termasuk kekurangan kemahiran asas seperti kosa kata, tatabahasa dan kefahaman membaca, selain daripada masalah yang berpunca daripada kaedah pengajaran yang kurang berkesan serta bahan bantu mengajar yang tidak sesuai, seterusnya menjadi landasan awal dalam merancang program pembelajaran dan intervensi yang lebih efektif bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab secara menyeluruh dan berkesan dalam kalangan pelajar serta memperkukuh keberkesanan amalan pengajaran guru di peringkat KAFA bagi memastikan matlamat penguasaan bahasa Arab dapat dicapai secara optimum.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa isu kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA telah banyak dikaji, terutamanya berkaitan latar belakang akademik guru, kekurangan latihan, kekangan masa pengajaran dan tahap motivasi guru. Namun begitu, kajian yang meneliti secara khusus amalan pengajaran guru KAFA bahasa Arab di dalam bilik darjah masih terhad terutamanya bagi subjek Lughat al-Qurʾān di peringkat sekolah rendah.

Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu dijalankan di negeri seperti Selangor, Pulau Pinang dan Kedah, manakala kajian yang memfokuskan daerah Jelebu, Negeri Sembilan masih sangat kurang sedangkan dapatan awal menunjukkan tahap penguasaan pelajar di daerah ini berada pada tahap yang membimbangkan. Hal ini mewujudkan jurang kajian dari segi konteks setempat yang belum diterokai secara mendalam.

Di samping itu, walaupun kelemahan pelajar sering dikaitkan dengan faktor guru, hubungan secara langsung antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan pelajar dalam pembentukan ayat bahasa Arab masih kurang diperincikan. Kebanyakan kajian hanya menilai masalah secara umum tanpa melihat bagaimana kaedah dan strategi pengajaran guru mempengaruhi kefahaman pelajar.

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi meneliti amalan pengajaran guru KAFA bahasa Arab (Lughat al-Qurʾān) di daerah Jelebu, khususnya dari segi kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar dan pengurusan PdP agar dapat dikenal pasti amalan yang lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab pelajar KAFA.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

a) Apakah struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA di daerah Jelebu?

b) Bagaimanakah tahap penguasaan subjek bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu?

c) Bagaimanakah amalan pengajaran bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA di daerah Jelebu?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

a) Mengkaji struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA.

b) Menganalisis tahap penguasaan subjek bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu.

c) Menilai amalan pengajaran bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA di daerah Jelebu.

1.6 Limitasi dan Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada amalan pengajaran guru KAFA bahasa Arab di sekolah-sekolah terpilih di daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Skop kajian ini terhad kepada sekolah-sekolah yang mempunyai tahap prestasi yang berbeza dalam subjek bahasa Arab, iaitu Lughat al-Qurʾān berdasarkan pencapaian Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi tempoh tahun 2022 hingga 2024. Sekolah yang dianggap cemerlang termasuk Sekolah Kebangsaan Peradong dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chun Yin. Manakala sekolah yang kurang cemerlang pula diambil dari Sekolah Kebangsaan Felda Pasoh 4 dan Sekolah Kebangsaan Putra.

Instrumen kajian terdiri daripada soalan temu bual yang direka untuk menilai amalan pengajaran guru-guru KAFA di daerah tersebut. Korpus kajian merujuk kepada subjek Lughat al-Qurʾān itu sendiri. Beberapa sampel dipilih daripada populasi kajian di empat sekolah terpilih. Kesemua responden terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab Tahun 5 kerana hanya tahap ini yang menduduki Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara dalam talian dan merekodkan setiap sesi untuk dianalisis. Kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan yang lebih jelas tentang bagaimana guru melaksanakan pengajaran bahasa Arab di sekolah KAFA serta cabaran dan strategi yang digunakan dalam sesi PdP mereka.

1.7 Kerangka Kerja Teoritikal dan Konseptual Kajian

1.7.1 Kerangka Teoritikal

Kerangka teoritikal merujuk kepada asas teori yang digunakan untuk menyokong kajian ini. Pemilihan teori yang tepat membolehkan penyelidik menghuraikan dan menjelaskan fenomena yang dikaji secara lebih mendalam. Bagi kajian ini, terdapat dua teori utama yang dijadikan sandaran, iaitu:

i) Teori Konstruktivisme Sosial (Vygotsky, 1978)

Teori ini menekankan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial dan sokongan berperingkat (*scaffolding*). Dalam konteks PdP bahasa Arab, guru berperanan menyediakan bimbingan yang sesuai agar murid dapat bergerak daripada tahap penguasaan semasa ke tahap yang lebih tinggi. Penggunaan strategi seperti soal jawab, aktiviti berkumpulan dan pengulangan isi pelajaran merupakan bentuk sokongan pembelajaran yang selaras dengan teori ini.

ii) Teori Behaviorisme – Pembelajaran Berulang (Skinner, 1957)

Teori ini menjelaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui proses pengukuhan (*reinforcement*) dan pengulangan. Dalam kajian ini, amalan seperti kaedah latih tubi, ulangkaji bab lepas dan latihan bertulis merupakan aplikasi langsung teori behaviorisme yang membantu meningkatkan penguasaan asas kosa kata dan tatabahasa murid.

Kedua-dua teori ini saling melengkapi: teori konstruktivisme menekankan aspek interaksi sosial dalam pembelajaran, manakala teori behaviorisme memberi fokus kepada aspek pengulangan dan pengukuhan. Gabungan kedua-duanya membentuk asas kukuh bagi memahami amalan PdP bahasa Arab di sekolah KAFA.

1.7.2 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian dibangunkan berdasarkan objektif kajian, dapatan literatur dan teori yang digunakan. Ia menggambarkan hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji serta memberi hala tuju kepada keseluruhan penyelidikan. Bagi kajian ini, kerangka konseptual memberi tumpuan kepada tiga komponen utama:

i) Struktur Kurikulum Bahasa Arab KAFA

Merangkumi susunan kandungan dan tahap pengajaran (asas → pertengahan → lanjutan). Kurikulum ini menjadi input utama yang mempengaruhi keberkesanan PdP.

ii) Amalan PdP Guru Bahasa Arab

Kaedah dan strategi yang digunakan guru dalam mengajar termasuk latih tubi, soal jawab, ulangkaji, nyanyian dan aktiviti berkumpulan. Amalan PdP dianggap sebagai faktor yang menunjukkan keberkesanan pembelajaran murid.

iii) Tahap Penguasaan Murid KAFA

Merujuk kepada pencapaian murid dalam empat kemahiran utama iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Tahap peguasaan ini dilihat sebagai hasil daripada pengaruh kurikulum dan amalan PdP guru.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini menunjukkan bahawa struktur kurikulum menyediakan asas pembelajaran, amalan PdP guru berfungsi sebagai perantara yang menterjemahkan kurikulum ke dalam proses pengajaran dan akhirnya memberi kesan kepada tahap penguasaan murid dalam bahasa Arab.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA, menilai tahap penguasaan subjek bahasa Arab dalam kalangan

pelajar sekolah rendah di daerah Jelebu, serta mengkaji amalan PdP guru-guru KAFA di kawasan yang sama. Dapatan kajian akan menunjukkan kekuatan dan kelemahan pelajar dalam subjek bahasa Arab KAFA berdasarkan skor Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) bagi tahun 2022, 2023 dan 2024. Selain itu, kajian ini juga akan mencadangkan beberapa langkah dan tindakan bagi menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Diharapkan dapatan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) secara khusus, serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara amnya untuk menambahbaik mutu pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA di Negeri Sembilan. Selain itu, bagi sekolah KAFA di negeri lain, kajian ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur untuk menilai prestasi pelajar mereka dan mengenal pasti aspek yang perlu diperbaiki.

1.9 Definisi Operasi Kajian

Tahap penguasaan dalam konteks kajian ini ialah proses penyelidikan yang dilakukan bagi melihat amalan pengajaran guru-guru bahasa Arab di sekolah yang cemerlang di daerah Jelebu dalam menguasai subjek bahasa Arab KAFA. Proses ini menggunakan instrumen temu bual yang kemudiannya analisis dibuat berdasarkan data diperoleh. Dapatan ini mengambil responden mengikut tahap pencapaian sekolah tersebut berdasarkan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

Istilah KAFA dalam kajian ini merujuk kepada ‘Kelas Pengajian al-Quran dan Fardu Ain’ atau lebih dikenali dengan singkatan nama sebagai ‘KAFA’. Program ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah bermula daripada tahun 1 sehinggalah ke tahun 5 yang berdaftar dengan ‘Agensi Pelaksana’ iaitu Pihak Berkuasa Agama Negeri dengan menggunapakai kurikulum, buku teks, peperiksaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dan mengikut jadual atau waktu PdP yang ditetapkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pihak Berkuasa Agama Negeri dalam konteks kajian ini ialah merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

1.9.1 Tahap Penguasaan

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2021) mentakrifkan ‘tahap’ sebagai ‘peringkat’ atau ‘tingkat’. Manakala, ‘penguasaan’ pula sebagai ‘menguasai’ atau ‘menguasakan’. Maka, dapat dirumuskan bahawa maksud tahap penguasaan ialah peringkat para pelajar menguasai sesuatu perkara dalam kajian ini.

1.9.2 Subjek Bahasa Arab

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2021), subjek ditakrifkan sebagai ‘pokok perbincangan’, ‘tajuk’ atau sesuatu perkara, manakala bahasa pula ditakrifkan sebagai ‘cara individu bercakap atau menulis menggunakan kata-kata yang disusun mengikut tatabahasa’. Arab pula ditakrifkan sebagai ‘Bahasa al-Quran yang dituturkan’. Maka, maksud subjek Bahasa Arab dalam kajian ini merujuk kepada bahasa yang dipelajari oleh pelajar.

1.9.3 KAFA

KAFA adalah akronim bagi ‘Kelas al-Quran dan Fardu Ain’. DBP (2021) mentakrifkan kelas sebagai ‘bilik atau tempat untuk belajar’, al-Quran sebagai ‘panduan manusia untuk dunia dan akhirat yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya’, manakala Fardu Ain ialah ‘perkara wajib yang dilakukan oleh seorang Muslim, seperti solat dan berpuasa di bulan Ramadan’. Maka, maksud KAFA dalam kajian ini ialah tempat di mana para pelajar menuntut ilmu.

1.9.4 Pelajar Sekolah

DBP (2021) menyatakan bahawa pelajar ialah ‘individu yang sedang belajar dan berguru’, manakala sekolah pula ditakrifkan sebagai ‘tempat untuk menerima dan memberi pembelajaran’. Justeru, pelajar sekolah dalam kajian ini merujuk kepada individu yang dikaji tahap penguasaan mereka dalam subjek bahasa Arab di sekolah KAFA.

1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab satu telah membentangkan asas penting bagi kajian ini bermula dengan pengenalan kepada kepentingan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran serta kedudukannya dalam Pendidikan Islam di Malaysia, khususnya melalui kurikulum KAFA. Bab ini juga menerangkan latar belakang kajian yang menekankan isu tahap penguasaan murid, seterusnya menghuraikan pernyataan masalah yang menjadi asas kepada pembentukan objektif dan soalan kajian.

Selain itu, kepentingan kajian telah dikupas bagi menjelaskan sumbangan penyelidikan ini terhadap aspek teori, amalan PdP dan dasar pendidikan. Kerangka kerja teoritikal dan konseptual pula telah dijadikan panduan bagi menghubungkan kurikulum, amalan PdP guru, dan tahap penguasaan murid, manakala skop kajian dan definisi operasional telah diperincikan bagi memastikan ruang lingkup kajian lebih jelas dan tidak berlaku kekeliruan.

Oleh itu, bab satu ini telah menyediakan asas yang kukuh untuk memahami keseluruhan kajian, manakala bab dua akan membincangkan sorotan literatur secara lebih mendalam dengan merujuk kepada teori, kajian lepas serta perbincangan kritis yang berkaitan dengan PdP bahasa Arab di sekolah KAFA.

BAB 2
SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sorotan literatur bukan sekadar menghimpunkan dapatan daripada penyelidikan terdahulu, tetapi berperanan sebagai analisis kritis terhadap kekuatan dan kelemahan kajian lepas yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Dengan meneliti literatur, penyelidik dapat memahami secara lebih mendalam tentang topik yang dibincangkan, mengenal pasti jurang pengetahuan yang masih belum diterokai, serta membina asas yang kukuh untuk menjustifikasikan keperluan kajian baharu. Dalam konteks pendidikan bahasa Arab di sekolah KAFA, kajian literatur menjadi amat penting kerana ia membolehkan penyelidik meneliti sama ada pendekatan, kaedah dan strategi yang digunakan dalam penyelidikan terdahulu benar-benar relevan dengan keperluan murid dan realiti bilik darjah. Kajian ini juga berfungsi untuk menambah pengetahuan tentang isu penguasaan murid, menjelaskan bagaimana penyelidikan semasa mampu memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu dan memastikan penyelidikan yang dijalankan tidak bersifat pengulangan semata-mata, sebaliknya membawa nilai tambah yang signifikan kepada bidang kajian.

2.2 Pendidikan Bahasa Arab

2.2.1 Misi

Dalam konteks Pendidikan bahasa Arab, misi yang digariskan merangkumi usaha bersepadu untuk membangunkan pelajar secara holistik melalui penguasaan pelbagai aspek utama. Antara fokus utama misi ini ialah meningkatkan keupayaan pelajar dalam memahami dan mentafsir teks-teks keagamaan yang menjadi asas kepada penghayatan ajaran Islam. Pada masa yang sama, misi ini turut menekankan kepentingan penguasaan kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan, agar pelajar dapat mengaplikasikan bahasa tersebut secara efektif dalam konteks akademik, sosial dan keagamaan. Di samping itu, pelaksanaan misi ini juga bertujuan memperkukuh kefahaman pelajar terhadap nilai-

nilai budaya dan keagamaan yang terkandung dalam tradisi Arab-Islam, sekali gus membentuk generasi pelajar yang bukan sahaja mahir berbahasa, tetapi juga memiliki jati diri, sahsiah dan keperibadian yang berlandaskan nilai-nilai Islam (Mohd Nor et al., 2021; Nor Hadisah Mohamed Shalikin, 2024).

Penguasaan bahasa Arab dalam konteks falsafah pendidikan Islam kebangsaan mempunyai visi utama untuk melahirkan insan seimbang dan harmoni yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia serta berdaya saing global melalui Lughat al-Qurʾān yang sistematik dan berteraskan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), di mana pendidikan bertujuan membentuk individu yang beriman, bertakwa dan mampu menghayati wahyu Ilahi secara mendalam sehingga mencapai kecemerlangan akademik serta spiritual pada tahun 2027 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023; Perancangan Strategik Bahasa Arab 2023-2025).

2.2.2 Visi

Dalam konteks Pendidikan bahasa Arab, visi yang dirumuskan bukan sahaja tertumpu kepada aspek penguasaan bahasa semata-mata, bahkan turut mencakupi usaha yang menyeluruh bagi meningkatkan kemampuan pelajar dalam memahami dan menafsirkan teks-teks keagamaan yang menjadi sumber utama ajaran Islam. Selain itu, misi ini juga memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran komunikasi secara lisan dan tulisan dalam bahasa Arab agar pelajar mampu menggunakannya sebagai medium interaksi yang berkesan dalam pelbagai situasi, sama ada di peringkat akademik mahupun sosial. Di samping itu, penerapan misi ini turut bertujuan memperkukuh kefahaman pelajar terhadap nilai-nilai budaya dan keagamaan yang terkandung dalam tradisi Arab-Islam, sekali gus membentuk jati diri dan sahsiah yang seimbang selaras dengan tuntutan pendidikan Islam (Mohd Nor et al., 2021; Nor Hadisah Mohamed Shalikin, 2024).

Visi pembelajaran ini merangkumi pemantapan kurikulum berasaskan kompetensi yang mengintegrasikan kemahiran berbahasa Arab dengan nilai-nilai Islam, memupuk minat pelajar terhadap komunikasi asas dan budaya Arab melalui pendekatan interaktif seperti program J-QAF (Jawi, Quran, Arab, Fardu Ain), serta menjalin kerjasama dengan *stakeholder* untuk transformasi pendidikan yang selaras dengan falsafah Islam yang menekankan pembangunan potensi holistik, berfikir kritis dan aplikasi ilmu dalam kehidupan seharian (Ku Fatahiyah, Hanis Najwa dan Farah Nur-

Rashida, 2022; Zaini, 2019). Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa sebagai alat memahami al-Quran, tetapi juga membentuk generasi muslim yang berpengetahuan agama tinggi, menghindari sekularisme dan menyumbang kepada kemajuan ummah melalui model pengajaran berasaskan falsafah pendidikan Islam yang menyeluruh (Mustari, Jasmi, Muhammad, dan Yahya, 2012).

2.2.3 Kepentingan Bahasa Arab

Lina Husniyah telah menulis jurnal yang bertajuk 'Urgensi Bahasa Arab dalam Pendidikan Islam' (2024) dalam *'Maliki Interdiscplinary Journal (MIJ)'*. Beliau menyatakan bahawa betapa pentingnya bahasa Arab digunakan dalam PdP. Kepentingan bahasa dapat dilihat daripada peranannya yang amat penting dalam kehidupan manusia. Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi, malah memainkan peranan ideasional, interpersonal, sosial dan tekstual. Kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada bahasa kerana keduanya saling berkait rapat ibarat dua sisi mata wang yang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan itu, kemampuan berbahasa menjadi salah satu ciri utama penciptaan manusia dan hanya manusia yang memiliki bahasa dalam bentuk yang sejati.

Dalam konteks Pendidikan Islam, bahasa Arab mempunyai kedudukan yang istimewa kerana ia merupakan bahasa al-Quran dan menjadi medium utama penyampaian ajaran Islam. Ilmu agama yang menjadi landasan kehidupan individu termasuk dalam pembentukan akhlak, sangat bergantung pada kefahaman bahasa Arab.

Hal ini menjadikan bahasa Arab berperanan besar dalam memudahkan penguasaan ilmu agama serta pengembangan kecakapan berbahasa. Islam sendiri menekankan kepentingan ilmu pengetahuan melalui aktiviti membaca, sebagaimana yang difirmankan Allah SWT dalam surah al-A'laq ayat 1:

Firman Allah SWT:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksudnya:

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk).

(Al-A'laq: 1)

Dengan penguasaan bahasa Arab, seseorang mampu memperoleh pengetahuan yang lebih luas serta meningkatkan keupayaan berfikir. Hal ini turut ditegaskan oleh Sayyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb yang menyeru umat Islam agar mempelajari bahasa Arab sebagai satu keutamaan.

Bahasa Arab juga memainkan peranan penting dalam kurikulum Pendidikan Islam. Ia bukan sahaja bertujuan untuk membantu pelajar membaca dan memahami al-Quran, tetapi juga memberi akses kepada hadis, sejarah Islam dan karya-karya ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022; Abdul Rahim, 2021). Oleh itu, pengajaran bahasa Arab lazimnya diperkenalkan sejak peringkat awal pendidikan bagi memastikan pelajar dapat menguasai asas yang kukuh. Kepentingan bahasa Arab dalam pendidikan dapat dilihat melalui beberapa dimensi utama iaitu akses kepada pengetahuan dan kesusasteraan. Bahasa Arab merupakan bahasa bagi pelbagai karya agung dalam bidang agama, kesusasteraan dan ilmu pengetahuan. Penguasaan bahasa ini membolehkan pelajar memahami sumber-sumber ilmu tanpa bergantung sepenuhnya kepada terjemahan (Nor Hashimah Jalaluddin, 2020; Ibn Khaldun International Institute, 2021).

Selain itu, pemahaman budaya dan sejarah juga dapat juga berkait rapat kerana bahasa Arab merupakan elemen penting dalam memahami budaya dan sejarah Arab-Islam. Mempelajari bahasa ini dapat membantu pelajar menghargai warisan peradaban Islam dengan lebih mendalam (UNESCO, 2021; Mustapha, 2021).

Seterusnya, meningkatkan kemahiran komunikasi dengan menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa sekunder kerana bahasa Arab dituturkan oleh jutaan manusia di seluruh dunia, penguasaan bahasa Arab membuka peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan masyarakat dari pelbagai negara dan latar budaya (Al-Busaidi, 2020).

Peluang kerjaya juga akan lebih meluas dan bertambah. Hal ini adalah kerana kemahiran berbahasa Arab memberi nilai tambah dalam kerjaya, khususnya dalam bidang pendidikan, diplomasi, perniagaan, media dan penyelidikan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2023; Rahman, 2021).

Dalam skop pendidikan agama khususnya tertuju bagi umat Islam, penguasaan Bahasa Arab merupakan kunci dalam memahami al-Quran, hadis dan ibadah, sekali gus memperkukuh kefahaman serta penghayatan agama (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2021; Al-Ghazali, 2020).

Justeru, pengajaran bahasa Arab dalam sistem pendidikan mempunyai signifikansi yang besar. Ia tidak hanya terbatas pada aspek bahasa, tetapi turut melibatkan pemahaman sejarah, budaya dan nilai-nilai Islam yang relevan dengan perkembangan zaman. Melalui pendidikan bahasa Arab yang berkualiti, pelajar bukan sahaja dapat menguasai kemahiran berbahasa, tetapi juga menjadi individu yang berilmu, berakhlak serta menghargai kepelbagaian budaya dan agama di peringkat global (Al-Attas, 2020; UNESCO, 2022; Abdullah, 2023).

2.3 Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)

2.3.1 Visi

Visi Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) seperti yang digariskan oleh Bahagian Pendidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah peneraju pengurusan Pendidikan Islam di Malaysia. Visi ini menegaskan KAFA sebagai landasan penting dalam memperkukuh Pendidikan Islam di peringkat asas, khususnya dalam melahirkan generasi muslim yang memahami asas-asas ilmu agama, berakhlak mulia dan mampu menghayati ajaran Islam secara menyeluruh. Dalam konteks ini, PdP bahasa Arab dalam KAFA dilihat sebagai salah satu instrumen utama untuk merealisasikan visi tersebut kerana Bahasa Arab merupakan medium utama dalam memahami al-Quran dan tradisi keilmuan Islam (Mohd Fadzly Hj Miswan, 2025).

2.3.2 Misi

Misi Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang digariskan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ialah memperkukuhkan tadbir urus Pendidikan Islam melalui pendekatan ‘Rahmah’ ke arah kesejahteraan ummah. Misi ini menggambarkan komitmen KAFA untuk melaksanakan pengajaran Pendidikan Islam dengan sistematik, menyeluruh dan berorientasikan nilai rahmah. Berdasarkan sudut bahasa Arab, misi ini selaras dengan usaha melahirkan pelajar yang mampu memahami teks-teks Islam dengan betul, menguasai kemahiran asas berbahasa serta mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat (Mohd Nor et al., 2021).

2.3.3 Objektif

Objektif utama Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah untuk memberi asas Pendidikan Islam yang kukuh kepada murid sekolah rendah melalui pendekatan pengajaran al-Quran, Fardu Ain, bahasa Arab, sirah, akidah, akhlak dan ibadah. Objektif ini menekankan usaha membentuk pelajar yang seimbang dari aspek pengetahuan agama, pengamalan ibadah, serta pembinaan sahsiah. Justeru, bahasa Arab dalam KAFA bukan sahaja diajar sebagai bahasa komunikasi, tetapi sebagai satu wasilah untuk menghubungkan pelajar dengan sumber wahyu dan ilmu Islam yang asli (Mohd Nor et al., 2021).

2.4 Amalan Pengajaran

2.4.1 Model Pengajaran dan Pembelajaran (PdP

Mohd Ismail Mustari Karjo, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya (2012) dalam jurnal mereka bertajuk *'Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab'* yang dibentangkan pada International Seminar on Teacher and Islamic Education (SEAPPI2012) menekankan kepentingan reka bentuk pengajaran dalam pembangunan teknik dan bahan bantu mengajar. Selari itu, kajian oleh Mohd (2025) turut meneliti strategi bertutur dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui kaedah pengulangan, hafazan dan perbualan langsung.

Secara ringkas, model atau reka bentuk pengajaran boleh ditakrifkan sebagai proses sistematik yang melibatkan perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian dalam pengajaran. Terdapat pelbagai model pengajaran yang menawarkan pendekatan dan perspektif berbeza yang secara langsung memberi impak kepada guru dan pelajar dalam keseluruhan proses PdP bahasa Arab. Antaranya ialah Model Inkuiri, Model Latihan Terus, Model Pengajaran Taba, Model Pengajaran Sim dan Model Pengajaran Robert Glaser.

i) Model Pengajaran Robert Glaser

Model Pengajaran Robert Glaser dibangunkan berasaskan suatu proses sistematik yang memberi penekanan kepada empat komponen utama pengajaran iaitu perancangan, pelaksanaan, penilaian serta penyampaian maklum balas.

ii) Model Pengajaran Sim

Model Sim menekankan bahawa hubungan yang positif antara guru dan murid perlu dibina sejak awal kerana itulah asas kepada interaksi yang sihat dan seterusnya membantu mewujudkan suasana PdP yang berkesan. Selain itu, model ini juga memberi perhatian kepada faktor persekitaran, khususnya memastikan bilik darjah berada dalam keadaan yang kondusif serta selaras dengan latar belakang sosioekonomi dan budaya para pelajar.

iii) Model Pengajaran Taba

Model Pengajaran Taba menekankan bahawa bahan pengajaran perlu disusun secara sistematik supaya dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Dalam model ini, pengurusan dan penyusunan maklumat dilihat sebagai elemen paling penting dalam proses PdP. Menurut model tersebut, pelajar perlu melakukan operasi kognitif terhadap bahan pengajaran atau ketika memilih konsep melalui empat peringkat utama, iaitu:

a. Menyusun data atau fakta dengan mengenal pasti persamaan dan perbezaan,
b. Menggolong dan mengklasifikasikan fakta ke dalam kategori tertentu serta memberikan label.
c. Membuat generalisasi dengan merumuskan hubungan antara kategori.
d. Mengaplikasikan generalisasi yang diperoleh dalam situasi pembelajaran yang relevan.

iv) Model Latihan Terus

Model ini dibangunkan khusus untuk merangsang pembelajaran pelajar, terutamanya dalam aspek pengetahuan berprosedur yang memerlukan pengajaran secara langkah demi langkah. Fokus utama model ini adalah memastikan pelajar memerhati demonstrasi yang ditunjukkan oleh guru terlebih dahulu, sebelum mereka melaksanakan semula proses pembelajaran tersebut.

v) Model Inkuiri

Model ini merangkumi keseluruhan proses soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan jawapan atau membuat kesimpulan daripada sesuatu persoalan atau masalah yang dikemukakan. Melalui aktiviti soal selidik ini, pelajar digalakkan untuk mengenal pasti soalan bermasalah, membentuk hipotesis, merancang dan melaksanakan aktiviti kajian atau siasatan, kemudian memperoleh jawapan serta merumuskan dapatan yang diperoleh.

2.4.2 Konsep Pendekatan Dalam PdP Bahasa Arab

Mohd Ismail Mustari Karjo, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya (2012) dalam jurnal mereka bertajuk '*Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab'* yang dibentangkan pada International Seminar on Teacher and Islamic Education (SEAPPI2012) menekankan kepentingan pembangunan model pengajaran dalam proses PdP bahasa Arab. Kajian ini juga berkait rapat dengan kajian Ab Majid (2021) yang membina model kreativiti TPACK menggunakan data daripada 530 guru bahasa Arab di Malaysia, selari dengan evolusi kaedah pengajaran kepada integrasi teknologi pedagogi. Kesemua penulis menekankan bahawa terdapat beberapa konsep utama yang sering digunakan dalam proses PdP, iaitu:

i) Konsep Pendekatan

Pendekatan dalam pendidikan seharusnya dibina berasaskan model, prinsip atau teori pembelajaran yang tertentu. Secara ringkas, pendekatan merujuk kepada set teori

pembelajaran yang dijadikan asas dan diamalkan dalam pengajaran sesuatu mata pelajaran, selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

ii) Konsep Strategi

Strategi PdP ialah perancangan kaedah serta teknik mengajar yang digunakan untuk mencapai objektif jangka panjang bagi sesuatu pendekatan. Pemilihan dan pengurusan strategi yang tepat akan membantu memastikan objektif tersebut dicapai dengan lebih berkesan.

iii) Konsep Kaedah

Kaedah merujuk kepada siri tindakan guru yang dilaksanakan secara sistematik untuk mencapai objektif pembelajaran yang khusus dalam jangka masa pendek. Dalam konteks Pd), khususnya dalam bidang pembelajaran bahasa, terdapat pelbagai kaedah yang sering digunakan seperti kaedah penyelidikan, kaedah sokratif, kaedah induktif, kaedah dapatan dan kaedah projek.

iv) Konsep Teknik

Teknik merujuk kepada unit kecil dalam sesuatu kaedah, dan biasanya dapat dikenal pasti melalui tingkah laku guru semasa melaksanakan PdP. Teknik juga boleh dilihat melalui aktiviti yang dijalankan serta kemahiran guru mengurus proses PdP. Antara teknik pengajaran yang biasa digunakan ialah teknik bercerita untuk menarik minat pelajar terhadap isi pelajaran, dan teknik menyoal yang membantu meningkatkan kefahaman.

Dalam PdP bahasa Arab khususnya, pelbagai teknik yang sesuai boleh diaplikasikan seperti hafazan, latih tubi, tunjuk cara, syarahan, soal jawab dan bercerita. Penggunaan pelbagai teknik ini bertujuan untuk menarik minat, mengekalkan perhatian, serta membangkitkan rasa ingin tahu pelajar agar objektif pembelajaran dapat dicapai.

Justeru, teknik pengajaran perlu disesuaikan dengan isi pelajaran, minat, umur, latar belakang pelajar, penggunaan bahan bantu mengajar serta kaedah yang dipilih. Selain itu, pemilihan teknik yang sesuai juga bergantung kepada tahap dan aras kemahiran bagi objektif pembelajaran.

2.4.3 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Mohd Ismail Mustari Karjo, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya telah menghasilkan sebuah jurnal bertajuk *'Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab'* (2012) dalam Conference: International Seminar on Teacher and Islamic Education (SEAPPI2012). Tesis ini pula mempunyai kaitan rapat dengan kajian GAExcellence (2023–2025) yang membincangkan cabaran dalam aspek tatabahasa, pertuturan dan strategi digital, dengan sokongan subjek Pendidikan Islam. Menurut kesemua penulis, terdapat beberapa konsep yang sering digunakan dalam proses PdP, antaranya ialah:

i) Kaedah Nahu Terjemah (al-Qawāʿid wa al-Tarjamah)

Kaedah ini memberi tumpuan kepada kemahiran membaca, menulis dan menterjemah dengan bahasa ibunda digunakan sebagai perantaraan dalam pengajaran bahasa asing, khususnya bahasa Arab. Dalam kaedah ini, terjemahan dijadikan pendekatan utama dan penekanan yang kuat diberikan kepada pengajaran tatabahasa sebagai ukuran kesahan bahasa. Guru pula sering merujuk kepada penggunaan nahu dalam ayat yang diajarkan kepada pelajar, namun tanpa memberi penekanan terhadap kemahiran berkomunikasi.

ii) Kaedah Langsung (al-mubāsyarah)

Kaedah ini mengetepikan penggunaan penterjemahan dan bahasa ibunda dalam pengajaran bahasa Arab, sebaliknya menekankan perbandingan, penggunaan sinonim atau penghuraian bagi menggambarkan konsep yang dipelajari, serta menolak pembelajaran berasaskan nahu kerana dianggap tidak menyumbang secara langsung kepada penguasaan kemahiran bahasa Arab.

iii) Kaedah Dengar dan Tutur (al-Samʻiyyah asy-Syafawiyyah)

Proses pembelajaran bahasa Arab perlu dilakukan secara berperingkat bermula dengan pendengaran, diikuti percakapan, kemudian pembacaan dan akhirnya penulisan,

iaitu sama seperti proses kanak-kanak mempelajari bahasa ibunda yang bermula dengan mendengar, seterusnya bertutur, membaca dan menulis.

iv) Kaedah Saringan (al-Intiqā'iyyah)

Setiap kaedah pembelajaran bahasa Arab mempunyai keistimewaan, kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri, justeru tiada satu pun kaedah yang boleh dianggap paling berkesan atau sebaliknya tidak berguna sepenuhnya, sebaliknya ketiga-tiga kaedah saling melengkapi antara satu sama lain dan pemilihannya perlu disesuaikan dengan objektif, kumpulan pelajar, guru serta aktiviti yang dijalankan.

2.5 Kajian Bahasa Arab

Kajian mengenai bahasa Arab telah banyak dijalankan oleh pengkaji dalam dan luar negara kerana bahasa ini bukan sahaja penting dari sudut agama, malah mempunyai nilai strategik sebagai bahasa antarabangsa. Abdullah (2018) menekankan bahawa penguasaan bahasa Arab memberi kelebihan kepada pelajar dalam memahami sumber utama Islam, khususnya al-Quran dan hadis, selain memperkukuhkan jati diri Muslim. Di Malaysia, bahasa Arab dijadikan salah satu subjek teras dalam kurikulum KAFA, sejajar dengan hasrat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2021) untuk memperkukuhkan Pendidikan Islam dalam kalangan generasi muda.

Bahasa Arab merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perkembangan bahasa ini telah lama wujud dalam dunia pendidikan di Tanah Melayu, seiring dengan kedatangan awal agama Islam ke rantau ini (Marzuqi, 1977). Penggunaan buku-buku dan kitab yang ditulis dalam bahasa Arab berkembang pesat, bahkan telah menjadi amalan utama masyarakat Islam Melayu pada masa tersebut. Pendidikan Islam serta amalan membaca kitab jawi turut diajar di institusi tradisional seperti pondok dan madrasah (Osman Khalid, 1993).

Menurut Abdullah (1987), PdP bahasa Arab di Tanah Melayu pada peringkat awalnya sangat dipengaruhi oleh ajaran agama Islam, kerana masyarakat ketika itu beranggapan bahawa sesiapa yang mempelajari bahasa Arab adalah seorang Muslim. Sehubungan itu, motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa ini amat rapat kaitannya dengan pendidikan agama Islam. Hubungan ini turut tercermin dalam ‘Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia’ yang menekankan nilai-nilai murni seperti agama,

Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral sebagai teras pembentukan sahsiah pelajar. Dalam konteks kajian ini, bahasa Arab dianggap sebagai sebahagian daripada Pendidikan Islam dan terus menjadi asas penting dalam mempelajari agama Islam yang sentiasa berkembang (Tajul Arifin & Nora'ini, 1992).

Sejarah juga menunjukkan bahawa bahasa Arab diiktiraf sebagai bahasa ilmu yang tersebar luas ke seluruh dunia sejak zaman awal Islam sehingga hari ini. Hampir keseluruhan khazanah ilmu Islam telah didokumentasikan dalam bahasa Arab. Oleh itu, pelbagai bidang ilmu, tamadun dan budaya Islam dari Timur masih memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap bahasa ini bagi membolehkan ia dipelajari dengan tepat (Abdul Ghani, 1999).

Walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan bahasa Arab di Malaysia, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar melayu masih sederhana. Meskipun kurikulum yang digubal mantap dan para pendidik memiliki kelayakan yang sewajarnya, faktor tersebut sahaja masih belum memadai. Sokongan tambahan diperlukan untuk membantu pendidik melaksanakan proses PdP dengan lebih berkesan, khususnya melalui dorongan dan motivasi dalaman pelajar (Kamarulzaman Abdul Ghani, 2010).

Pelajar sering menghadapi pelbagai cabaran dalam menguasai bahasa Arab. Gawi (2020) menekankan bahawa kebimbangan bahasa *(foreign language anxiety)* membataskan pelajar daripada berkomunikasi dengan lancar. Aziz (2019) pula menyatakan bahawa kekurangan pendedahan bahasa dalam persekitaran luar bilik darjah turut melemahkan penguasaan pelajar. Tambahan pula, aspek linguistik seperti tatabahasa dan sebutan yang kompleks menjadi halangan kepada penguasaan bahasa (Ibrahim, 2020).

Selain faktor pelajar, peranan guru dalam menentukan keberkesanan PdP turut menjadi fokus utama. Ahmad (2021) mendapati bahawa penggunaan pendekatan kreatif seperti nyanyian, permainan bahasa dan kad imbas meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian oleh Ibrahim (2020) menegaskan bahawa pendekatan komunikatif mampu membantu pelajar menggunakan bahasa secara lebih praktikal. Walau bagaimanapun, Yusof (2017) mendapati masih terdapat guru yang mengutamakan kaedah tradisional seperti terjemahan yang kurang menarik perhatian pelajar.

Dalam konteks sekolah KAFA, Hassan (2019) melaporkan bahawa murid di sekolah bandar menunjukkan pencapaian lebih tinggi berbanding murid luar bandar

kerana faktor kemudahan dan sokongan pembelajaran yang lebih baik. Sementara itu, Rahman (2022) mendapati tahap penguasaan bahasa Arab murid KAFA secara keseluruhan berada pada tahap sederhana, khususnya dalam kemahiran menulis. Penemuan-penemuan ini menunjukkan bahawa masih terdapat ruang besar untuk meningkatkan keberkesanan pendekatan pengajaran bahasa Arab di sekolah rendah KAFA.

Secara keseluruhannya, penguasaan bahasa Arab dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk persekitaran pembelajaran, sikap pelajar, kebolehan guru, serta pendekatan PdP yang digunakan. Walaupun terdapat pelbagai usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran, jurang keberkesanan pendekatan masih wujud, khususnya di sekolah rendah KAFA. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti pendekatan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru KAFA di daerah Jelebu, dengan harapan dapat menyumbang kepada pengayaan literatur dalam bidang pendidikan bahasa Arab di Malaysia.

2.6 Kajian Amalan Pengajaran

Amalan pengajaran guru merupakan salah satu faktor utama yang menentukan keberkesanan sesuatu proses pembelajaran. Dalam konteks PdP bahasa Arab, peranan guru bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi turut membentuk suasana pembelajaran yang boleh meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar. Menurut Ahmad (2021), keberkesanan pengajaran bahasa Arab banyak bergantung pada kreativiti guru dalam memilih pendekatan, sama ada secara tradisional atau inovatif.

Kajian Yusof (2017) pula mendapati masih terdapat guru yang mengamalkan pendekatan tradisional seperti kaedah terjemahan dan syarahan sahaja. Kaedah ini sering dianggap kurang menarik, malah boleh menyebabkan pelajar menjadi pasif. Sebaliknya, pendekatan yang lebih interaktif dan komunikatif seperti yang dihuraikan oleh Ibrahim (2020), mampu memberi pengalaman pembelajaran yang lebih menyeronokkan serta membantu pelajar menggunakan bahasa Arab dengan lebih praktikal.

Selain itu, penggunaan bahan bantu mengajar turut mempengaruhi keberkesanan amalan pengajaran. Ahmad (2021) menunjukkan bahawa kaedah seperti nyanyian, permainan bahasa dan kad imbas dapat meningkatkan minat serta penglibatan pelajar dalam kelas. Dapatan ini selari dengan kajian Hassan (2019) yang mendapati

murid di sekolah bandar lebih terdedah kepada pelbagai aktiviti pengayaan berbanding murid di sekolah luar bandar, sekali gus menunjukkan wujud perbezaan daripada segi pelaksanaan amalan pengajaran.

Walau bagaimanapun, Rahman (2022) melaporkan bahawa tahap penguasaan murid dalam bahasa Arab masih berada pada tahap sederhana, khususnya dalam kemahiran menulis, walaupun pelbagai pendekatan telah digunakan. Ini menunjukkan amalan pengajaran yang diamalkan masih memerlukan penambahbaikan agar lebih sesuai dengan keperluan murid di sekolah rendah KAFA.

Farrah Wahida Che Ros, Zamri Arifin dan Shamsul Azhar Yahya telah menulis sebuah jurnal bertajuk '*Tinjauan Semasa Tahap Pemahaman dan Penguasaan Pelajar Sekolah Rendah KAFA: Prospek Pembangunan Bahan Bantuan Mengajar di Era Revolusi Industri 4.0'* (2022) dalam 'BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences'. Penulis menjelaskan bahawa penulisan ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tahap pemahaman dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA.

Sehubungan itu, mereka turut menggariskan beberapa faktor yang boleh diberi fokus dalam menilai pemahaman dan penguasaan bahasa Arab pelajar KAFA, antaranya pengajaran guru, faktor pemahaman, faktor penguasaan dan sikap pelajar. Keterangannya adalah seperti berikut:

a) Pengajaran Guru

Para penulis menyatakan bahawa dalam sesuatu proses pembelajaran, kepelbagaian kaedah pengajaran memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan proses PdP berjalan dengan baik, khususnya dalam pengajaran bahasa Arab yang merupakan bahasa asing bagi pelajar sekolah KAFA. Hal ini kerana penggunaan kaedah yang pelbagai dapat menarik minat pelajar dan membantu mereka untuk lebih fokus sepanjang sesi pengajaran. Guru juga boleh mengaplikasikan pelbagai bahan bantu mengajar supaya pengajaran di dalam kelas menjadi lebih menarik dan berkesan. Namun begitu, faktor seperti prasarana yang kurang mencukupi, tempoh masa yang singkat serta sebahagian guru yang merupakan lepasan akademik sederhana berbanding sekolah harian perlu diberi pertimbangan.

Selain itu, para penulis turut menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu melancarkan proses pengajaran dengan lebih teratur. Oleh

itu, mereka menyarankan agar guru-guru KAFA memberikan lebih usaha untuk mencari pelbagai idea dalam proses pengajaran, terutamanya bagi membantu pelajar yang lemah memahami bahasa Arab.

b) Faktor Pemahaman

Dalam jurnal ini, penulis telah menyatakan bahawa disebabkan ada berlaku kekurangan daripada segi kekangan masa, maka pemahaman pelajar sekolah KAFA adalah sepenuhnya bergantung kepada pengajaran guru dan sukatan yang diajar. Semasa proses pengajaran berlangsung, interaksi dua hala antara pelajar dengan guru perlulah berlaku bagi menghasilkan keberkesanan dalam proses tersebut. Sebagai contoh dalam proses pembelajaran bahasa Arab, guru akan menterjemahkan perkataan bahasa Arab tersebut kepada bahasa Melayu dan akan pelajar akan lebih mudah memahami konteks yang diajar, sekaligus hubungan pembelajaran antara dua hala benar-benar berlaku.

Implikasi daripada proses pengajaran tersebut juga adalah pelajar akan dapat mempelajari perkataan-perkataan yang biasa dipakai dalam kehidupan seharian seperti lafaz-lafaz dalam solat agar mudah difahami dan dihayati dalam mengerjakan ibadah tersebut. Oleh yang demikian, pemahaman pelajar dalam mempelajari bahasa Arab adalah bergantung kepada guru-guru yang terlibat serta menggunakan pelbagai kaedah yang berkesan dan menarik minat pelajar itu sendiri.

c) Faktor Penguasaan

Bagi faktor penguasaan bahasa Arab dalam KAFA, penulis jurnal menyatakan bahawa terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi tahap penguasaan pelajar. Antara faktor yang diketengahkan ialah minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Apabila pelajar mempelajari sesuatu yang tidak diminati, kesungguhan mereka akan berada pada tahap yang rendah dan mereka cenderung melakukan aktiviti lain di dalam kelas selain menumpukan perhatian kepada proses pengajaran yang sedang berlangsung.

Selain itu, penguasaan pelajar juga boleh terjejas apabila gaya pengajaran guru tidak selari dengan gaya pembelajaran pelajar. Pelajar yang bersikap pasif terhadap pembelajaran bahasa Arab biasanya tidak memberi fokus kepada apa yang diajar

semasa PdP. Akibatnya, pelajar mula menganggap bahasa Arab sebagai subjek yang sukar untuk dipelajari dan seterusnya menjadi kurang bermotivasi untuk mengambil bahagian dalam proses pembelajaran.

Seterusnya, penulis turut menyatakan bahawa pelajar mungkin tidak dapat mengikuti aktiviti PdP dengan baik apabila penyampaian isi kandungan oleh guru terlalu laju dan cepat. Keadaan ini memberi kesan terutamanya kepada pelajar yang pemalu untuk bertanya semasa PdP berlangsung. Oleh itu, guru perlu sentiasa berinteraksi dengan pelajar supaya mereka tidak berasa janggal dan lebih selesa untuk terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

d) Sikap Pelajar

Para penulis dalam jurnal tersebut menyatakan bahawa keberkesanan aktiviti PdP bahasa Arab tidak hanya bergantung kepada penggunaan bahan mengajar dan peranan guru semata-mata, malah sikap dan motivasi pelajar turut memainkan peranan yang sangat penting. Hal ini kerana terdapat segelintir pelajar yang bersikap pasif dalam kelas. Mereka tidak memberikan sebarang respons terhadap pembelajaran dan cenderung melakukan aktiviti sendiri. Oleh itu, guru perlu menarik minat dan perhatian pelajar semasa PdP dengan menggunakan bahan mengajar yang lebih kreatif dan berkesan.

Selain itu, dalam jurnal ini para penulis turut mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan tahap pemahaman pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab pada masa hadapan. Antara cadangan yang telah dikemukakan ialah:

i) Inovasi Melalui Proses Pedagogi

Inovasi pedagogi ialah satu konsep yang membawa kemahiran atau cara baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dengan menggunakan sedikit bahan serta memanfaatkan intelektual secara lebih kreatif. Antara inovasi yang diketengahkan ialah penciptaan sebuah perisian berkonsepkan permainan kata melalui penggunaan teknologi. Perisian ini diinspirasikan daripada permainan atas talian yang semakin masyhur pada masa kini, khususnya dalam kalangan pelajar.

Dalam perisian ini, para penulis menjelaskan bahawa tujuan utamanya adalah untuk menarik minat pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beberapa ciri menarik turut disediakan, antaranya pencarian perkataan tanpa had bilangan, serta dilengkapi dengan gambar, sebutan dan terjemahan. Walau bagaimanapun, penggunaan perisian ini perlu dipantau oleh guru supaya tidak disalahgunakan.

ii) Penggunaan Sistem *Internet of Things (IoT)*

Para penulis menyatakan bahawa penggunaan *Internet of Things (IoT)* pada zaman kini tidak asing lagi kerana ia menghubungkan antara teknologi dan perlatan yang diguna pakai manusia kini. Oleh itu, dalam sistem pendidikan guru dan pelajar didedahkan dengan perisian-perisian yang sesuai dengan kaedah yang lebih mudah dan efektif. Antaranya ialah Google Meet, Webex dan seumpamanya. Dengan menggunakan perisian tersebut aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan dimana sahaja dan pelajar mungkin lebih aktif semasa proses pembelajaran berlangsung.

iii) Sistem Penilaian Pengukuran Tahap Pemahaman

Para penulis menyatakan dalam jurnal mereka penilaian pengukuran merupakan satu sistem untuk mengukur samada pelajar menguasai atau tidak sepenuhnya ilmu yang dipelajari. Dalam cadangan ini, penulis telah membahagi kepada dua bahagian iaitu penilaian pengukuran melalui tahap pemahaman pelajar ketika sesi sepanjang pembelajaran berlangsung dengan membuat satu sesi soal jawab kepada pelajar. Bahagian kedua pula adalah dengan menilai pelajar pada ujian atau peperiksaan akhir tahun.

Oleh itu, guru yang mengajar bahasa Arab KAFA perlulah menilai setiap pelajar itu. Jika keputusan yang diperoleh tidak mencapai tahap yang baik, maka pelaksaan PdP perlulah ditambah baik lagi dengan menukar strategi yang lebih baik dan efektif.

Daripada kajian-kajian lepas, jelas bahawa amalan pengajaran guru bahasa Arab sangat mempengaruhi pencapaian pelajar. Walaupun terdapat guru yang telah mengaplikasikan kaedah kreatif dan inovatif, masih wujud kekangan seperti pergantungan kepada kaedah tradisional, kekurangan bahan bantu mengajar serta perbezaan konteks bandar dan luar bandar. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneliti

dengan lebih mendalam amalan pengajaran bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah rendah KAFA, bagi mengenal pasti strategi terbaik yang boleh dipraktikkan.

2.7 Kajian Pelaksanaan KAFA

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) diwujudkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi memastikan murid Islam mendapat pendidikan asas al-Quran, Akidah, Ibadah, Akhlak dan Bahasa Arab. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia JAKIM (2021), KAFA berperanan sebagai sistem pendidikan sokongan kepada sekolah rendah kebangsaan dalam memperkukuhkan kefahaman agama generasi muda. Kurikulum KAFA memberi penekanan kepada penguasaan ilmu asas Islam dengan pendekatan rahmah ke arah kesejahteraan ummah, di samping menyasarkan peningkatan tahap literasi al-Quran dan penguasaan asas bahasa Arab.

Beberapa kajian telah dilakukan berkaitan pelaksanaan KAFA di Malaysia. Hassan (2019) mendapati sekolah KAFA di kawasan bandar cenderung mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding sekolah luar bandar, khususnya daripada segi penguasaan bahasa Arab dan penggunaan bahan bantu mengajar. Hal ini disebabkan oleh faktor kemudahan, sokongan ibu bapa serta pendedahan murid kepada aktiviti pengajaran. Sementara itu, kajian oleh Rahman (2022) menunjukkan tahap penguasaan bahasa Arab murid KAFA secara keseluruhan berada pada tahap sederhana, terutamanya dalam kemahiran menulis.

Selain pencapaian murid, peranan guru dalam sistem KAFA turut dikaji. Ahmad (2021) melaporkan bahawa keberkesanan pengajaran di KAFA sangat bergantung pada kreativiti guru dalam menggunakan kaedah interaktif seperti nyanyian, permainan bahasa dan penggunaan kad imbas. Namun, Yusof (2017) mendapati masih terdapat guru KAFA yang menggunakan kaedah tradisional semata-mata, sekali gus membataskan penglibatan aktif murid.

Siti Maria Ibrahim (2017) dalam tesisnya yang bertajuk *'Pengajaran Guru Bahasa Arab di Sekolah KAFA Integrasi: Satu Kajian Kes Gaya Pengajaran Grasha di Daerah Hulu Langat, Selangor'* (2017: 21-31) menjelaskan bahawa KAFA mempunyai enam perkara yang perlu diambil perhatian dalam pelaksanaannya. Pertama, objektif KAFA. Kedua, sistem KAFA. Ketiga, kurikulum KAFA. Keempat, pelaksanaan Kurikulum KAFA). Kelima, Kelas KAFA Integrasi di Negeri Selangor. Keenam, sukatan pelajaran bahasa Arab di KAFA Integrasi. Dalam kajiannya, penulis telah

menjelaskan bahawa pelaksanaan KAFA telah difokuskan kepada beberapa objektif yang utama. Antaranya adalah seperti berikut:

a) Memastikan semua murid Islam yang tamat pengajian sekolah rendah dalam negara ini mencapai tahap pendidikan dan pengetahuan agama Islam yang seragam, khususnya dalam kemahiran membaca al-Quran dan beramal dengan perkara-perkara fardu yang telah diperintahkan oleh Allah SWT.
b) Memperkukuhkan asas Pendidikan Islam yang diajar dalam sekolah kebangsaan dalam kalangan pelajar daripada darjah 1 sehinggalah darjah 6 iaitu kanak-kanak yang berumur antara umur 7 sehingga 12 tahun.
c) Mewujudkan satu sistem kelas KAFA yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh negeri.

Dengan adanya objektif ini, perlaksanaan KAFA akan lebih efektif dalam menghasilkan para pelajar yang dapat mengamalkan perkara asas dalam Islam serta melaksanakan perkara fardu dengan baik dan sempurna. Kemudiannya, penulis menjelaskan bahawa penguasaan dan kefahaman pelajar dalam pembelajaran KAFA akan dinilai melalui satu sistem peperiksaan yang dikenali sebagai Ujian Penilaian Kelas KAFA atau UPKK. Peperiksaan ini akan dilaksanakan kepada pelajar tahun 5 sahaja di seluruh Malaysia. Antara matlamat pelaksanaan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) ini dilakukan adalah seperti berikut:

a) Menilai tahap kemahiran dan kebolehan pelajar daripada sudut pembacaan dan hafazan al-Quran, amal ibadah dan penghayatan cara hidup Islam.
b) Menilai tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar berkaitan aspek ‘Fardu Ain’.
c) Menilai tahap keberkesanan amalan asas cara hidup Islam dalam kalangan pelajar.
d) Menilai kemahiran pelajar dalam membaca dan menulis Jawi, menilai keupayaan, kecekapan dan kemahiran murid membaca dan menulis bahasa Arab.

Seterusnya, penulis menyatakan bahawa ‘Kurikulum Integrasi KAFA’ adalah berdasarkan sukatan pelajaran yang telah digubal oleh Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor. Unit Kurikulum di bawah Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam (PPPI) turut menggariskan falsafah KAFA dalam sistem pendidikan iaitu ‘Pengajian al-Quran dan Fardu Ain’ merupakan satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk murid ke arah memperkembangkan fitrah individu selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah. Usaha ini bertujuan melahirkan muslim yang terdidik dengan al-Quran dan al-Sunnah, kukuh iman dan amalnya kepada Allah, serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam.

Selain itu, penulis juga menyatakan bahawa setiap sekolah KAFA di seluruh Malaysia perlu menggunakan kurikulum yang telah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini kerana kurikulum KAFA tersebut disusun untuk memantapkan dan memudahkan pelajar KAFA mempelajari pengajian al-Quran dan Fardu Ain. Kurikulum KAFA juga merangkumi beberapa mata pelajaran yang sesuai dipelajari oleh pelajar berumur 7 hingga 12 tahun. Antara subjek yang dipelajari ialah:

a) Tilawah al-Quran.
b) 'Ulum al-Syari'ah
c) Sirah Rasulullah.
d) Lughat al-Qurʾān.
e) Jawi dan Khat.
f) Akhlak Islam.

Penulis juga ada menyebut tentang sukatan pelajaran bahasa Arab yang dipelajari dalam KAFA Integrasi. Ianya merangkumi sukatan pelajaran tahun 1 hingga tahun 6 yang didaftarkan dibawah Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bani Hidayat Mohd Shafir dan Norhayati Fatmi Talib telah menulis *‘Amalan Pengajaran dan Pembelajaran dan Tahap Profesiomalisme Guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Jakim’* (2018) dalam ‘Jurnal Penyelidikan Pendidikan jilid 21/2018’. Dalam jurnal ini satu kajian berbentuk tinjauan menggunakan kaedah soal

selidik dilakukan terhadap guru KAFA. Hal ini kerana adalah untuk menilai amalan pengajaran dan pembelajaran dan profesionalisme setiap guru yang mengajar KAFA.

Dalam jurnal ini, Bani Hidayat Mohd Shafir dan Norhayati Fatmi Talib telah memfokuskan kepada beberapa objektif utama antaranya ialah:

a) Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam strategi pengajaran PdP Pendidikan Islam.

b) Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam penggunaan bahan bantu mengajar dalam PdP.

c) Mengenalpasti tahap guru KAFA dalam penggunaan kaedah pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah.

d) Mengenalpasti perbezaan tahap profesionalisme guru KAFA berdasarkan zon dan pengalam mengajar.

Seterusnya, dapatan kajian daripada soal selidik yang dijalankan telah diasingkan mengikut objektif yang ditetapkan. Bagi objektif pertama iaitu untuk meneliti strategi pengajaran, penulis mendapati bahawa strategi pengajaran guru KAFA dalam PdP Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi. Bagi objektif kedua pula, penulis mendapati bahawa penilaian guru KAFA terhadap kekerapan penggunaan bahan bantu mengajar dalam PdP berada pada tahap sederhana rendah.

Kemudian, bagi objektif ketiga yang menilai kekerapan kaedah dalam PdP, penulis memperoleh skor min pada tahap sederhana rendah. Manakala bagi objektif terakhir iaitu menilai profesionalisme guru KAFA, skor min yang diperoleh berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, berdasarkan skor yang diperoleh dalam jurnal tersebut, penulis menyimpulkan bahawa guru KAFA dan pelajar perlu terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pembelajaran yang lebih efektif.

Kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa KAFA mempunyai peranan yang besar dalam membentuk asas pendidikan Islam di Malaysia. Namun begitu, isu berkaitan keberkesanan pengajaran dan pencapaian murid masih menjadi cabaran. Justeru, penelitian semula terhadap pendekatan PdP bahasa Arab dalam konteks KAFA amat diperlukan bagi memastikan objektif pendidikan Islam dapat dicapai.

2.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan beberapa aspek penting yang berkaitan dengan kajian penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA, khususnya bagi subjek Lughat al-Qurʾān. Perbincangan dimulakan dengan penerangan berkaitan konsep dan pelaksanaan KAFA yang merangkumi visi, misi, objektif, kurikulum serta sistem penilaian melalui Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK). Perbincangan ini menunjukkan bahawa KAFA memainkan peranan penting dalam memperkukuh pendidikan Islam dan penguasaan asas bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah.

Selain itu, bab ini turut menghuraikan kepentingan bahasa Arab dalam pendidikan Islam serta hubungannya dengan pembelajaran al-Quran, hadis dan ilmu-ilmu Islam yang lain. Dalam bab ini juga, pengkaji telah membincangkan beberapa teori, pendekatan dan amalan pengajaran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Perbincangan berkaitan amalan pengajaran guru dilihat penting kerana keberkesanan kaedah pengajaran mampu mempengaruhi tahap penguasaan dan minat pelajar terhadap subjek Lughat al-Qurʾān.

Di samping itu, pengkaji turut meneliti beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab, penguasaan pelajar KAFA serta faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam subjek bahasa Arab. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, didapati masih terdapat kelemahan dalam aspek penguasaan membaca, menulis, memahami dan membina ayat dalam kalangan pelajar KAFA. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat jurang kajian yang perlu diterokai, khususnya berkaitan amalan pengajaran guru bahasa Arab di daerah Jelebu, Negeri Sembilan.

Oleh itu, hasil sorotan kajian dalam bab ini menjadi asas penting kepada pengkaji untuk membina kerangka kajian serta menentukan metodologi yang sesuai bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Bab seterusnya akan membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini secara lebih terperinci.

BAB 3
METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian di sebalik penulisan ini dilakukan. Kemudian diperincikan dengan analisis kajian yang telah dijalankan. Proses ini juga akan membincangkan mengenai bentuk instrumen kajian dan responden yang terlibat. Selain itu, bab ini akan membahaskan beberapa peringkat analisis data yang telah dilaksanakan.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif berbentuk kajian kes kerana pendekatan ini membolehkan penyelidik memperoleh kefahaman yang lebih mendalam tentang isu penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid KAFA. Data kajian pula dikumpulkan melalui temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada penyelidik untuk meneliti dengan lebih terperinci amalan pengajaran guru, tahap penguasaan murid serta cabaran yang dihadapi.

3.3 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah KAFA di daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Pemilihan lokasi dibuat berdasarkan prestasi peperiksaan UPKK bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 serta kesediaan sekolah untuk memberi kerjasama dalam proses pengumpulan data. Empat buah sekolah ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tahap cemerlang dan kurang cemerlang. Berikut merupakan sekolah-sekolah yang terlibat:

a) Sekolah Kebangsaan Peradong

b) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chun Yin

c) Sekolah Kebangsaan Felda Pasoh 4

d) Sekolah Kebangsaan Putra

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada guru bahasa Arab KAFA di daerah Jelebu. Bagi tujuan kajian kes tersebut, empat orang guru bahasa Arab telah dipilih sebagai sampel menggunakan 'Kaedah Persampelan Bertujuan' *(purposive sampling)*. Kaedah ini digunakan kerana pemilihan responden dibuat berdasarkan pengalaman mereka mengajar, khususnya kepada pelajar tahun lima yang menduduki peperiksaan UPKK, serta kesediaan mereka untuk memberikan maklumat yang lebih mendalam berkaitan isu kajian.

3.5 Metodologi Kajian Setiap Objektif

3.5.1 Mengkaji struktur kurikulum subjek Bahasa Arab di sekolah KAFA

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap dokumen kurikulum KAFA, sukatan pelajaran, buku teks, dokumen standard pengajaran serta bahan-bahan berkaitan subjek Lughat al-Qurʾān. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti kandungan kurikulum, susunan topik, objektif pembelajaran dan pelaksanaan subjek Bahasa Arab di sekolah KAFA. Data dianalisis secara deskriptif melalui penelitian terhadap kandungan dokumen yang berkaitan dengan struktur kurikulum Bahasa Arab KAFA.

3.5.2 Menganalisis tahap penguasaan subjek Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap peperiksaan UPKK bagi subjek Lughat al-Qurʾān. Selain itu, pengkaji turut meneliti latihan dan hasil kerja pelajar bagi melihat tahap penguasaan kemahiran membaca, menulis, memahami dan membina ayat dalam bahasa Arab. Data dianalisis

secara deskriptif untuk mengenal pasti tahap pencapaian pelajar serta kelemahan utama dalam penguasaan subjek Bahasa Arab.

3.5.3 Menilai amalan pengajaran Bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA di daerah Jelebu

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Pemerhatian dijalankan semasa proses PdP bagi melihat pendekatan, teknik dan kaedah pengajaran guru bahasa Arab di dalam kelas. Temu bual pula dijalankan bersama guru-guru bahasa Arab KAFA bagi mendapatkan maklumat secara lebih mendalam berkaitan pengalaman, amalan dan cabaran pengajaran yang dihadapi. Selain itu, pengkaji turut meneliti dokumen seperti rancangan pengajaran harian dan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti tema-tema utama berkaitan amalan pengajaran guru bahasa Arab di sekolah KAFA daerah Jelebu.

3.6 Instrumen Kajian

Protokol temu bual ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A: Soalan Pembuka, Bahagian B: Latar Belakang Guru, Bahagian C: Amalan Pengajaran Bahasa Arab dan Bahagian D: Soalan Penutup. Pembahagian ini bertujuan memastikan aliran soalan lebih tersusun, bermula dengan 'Soalan Mesra' *(rapport building)* sehingga kepada soalan utama kajian.

Bahagian A: Soalan Pembuka

Tujuan bahagian ini adalah untuk mewujudkan suasana mesra dan memberi kefahaman awal kepada responden tentang tujuan temu bual.

a) Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih di atas kesudian ustaz/ustazah meluangkan masa untuk ditemu bual, berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan saya.

b) Saya sedang menjalankan proses kajian mengenai *'Pendekatan Pengajaran Subjek Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah KAFA'*. Jadi, temu bual ini merupakan sebahagian daripada proses tersebut.

Bahagian B: Latar Belakang Responden

Bahagian ini bertujuan mengenal pasti profil guru, sekolah dan konteks pengajaran.

a) Mohon ustaz/ustazah perkenalkan nama dan umur.
b) Apakah nama sekolah yang ustaz/ustazah ajar dan berapa lama ustaz/ustazah sudah mengajar subjek ini?
c) Adakah sekolah tersebut terletak di kawasan bandar atau luar bandar?

Bahagian C: Amalan Pengajaran Bahasa Arab

Bahagian ini merupakan fokus utama temu bual untuk mengenal pasti pendekatan dan kaedah PdP yang diamalkan oleh guru.

a) Boleh ustaz/ustazah berikan tiga contoh aktiviti pendekatan pengajaran yang sering digunakan di sekolah?
b) Pada pandangan ustaz/ustazah, apakah ciri-ciri guru yang mempunyai pendekatan pengajaran yang baik? Boleh beri satu contoh.

Bahagian D: Soalan Penutup

Bahagian ini bertujuan mendapatkan refleksi dan cadangan daripada guru untuk penambahbaikan amalan PdP bahasa Arab.

a) Apakah harapan dan cadangan ustaz/ustazah untuk meningkatkan lagi kualiti pendekatan pengajaran guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab di sekolah rendah KAFA?

b) Terima kasih ustaz/ustazah kerana sudi ditemu bual untuk kajian ini.

'Instrumen Temu Bual Separa Berstruktur' yang digunakan dalam kajian ini dibina dengan merujuk dan mengadaptasi item-item soalan daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Soalan temu bual telah diolah semula agar sesuai dengan konteks sekolah rendah KAFA di daerah Jelebu, namun masih mengekalkan asas kandungan seperti yang digunakan dalam penyelidikan terdahulu. Dengan pengadaptasian daripada kajian lepas iaitu kajian yang bertajuk *'Amalan Pengajaran Subjek Tasawwur Islam Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah'* yang ditulis oleh Siti Norhana binti Abu Hamis (2018), instrumen ini diyakini mempunyai asas kesahan yang kukuh serta mampu menghasilkan data yang relevan dengan objektif kajian. Kesahan soalan temu bual ini telah disahkan oleh tiga orang pakar yang dpilih oleh pengkaji seperti mana yang dilampirkan didalam bahagian lampiran.

Jadual 3.1
Soalan Temu Bual

Bahagian	Tujuan	Soalan/Skrip Temu Bual
Bahagian A: Soalan Pembuka	Mewujudkan suasana mesra dan memberi kefahaman awal tentang tujuan temu bual.	Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih di atas kesudian ustaz/ustazah meluangkan masa untuk ditemu bual, berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan saya. Saya dalam proses menjalankan kajian mengenai pendekatan pengajaran subjek bahasa Arab dalam kalangan guru sekolah rendah KAFA. Jadi, temu bual ini merupakan sebahagian daripada proses tersebut.
Bahagian B: Latar Belakang Responden	Mengenal pasti profil guru, sekolah dan konteks pengajaran.	Mohon ustaz/ustazah perkenalkan nama dan umur. Apakah nama sekolah yang ustaz/ustazah ajar dan berapa lama mengajar subjek ini? Adakah sekolah tersebut terletak di kawasan bandar atau luar bandar?

Bahagian	Tujuan	Soalan/Skrip Temu Bual
Bahagian C: Amalan Pengajaran Bahasa Arab	Meneliti pendekatan, kaedah dan amalan pengajaran guru.	Boleh ustaz/ustazah berikan tiga contoh aktiviti pendekatan pengajaran yang sering digunakan di sekolah? Pada pandangan ustaz/ustazah, apakah ciri-ciri guru yang mempunyai pendekatan pengajaran yang baik? Boleh beri satu contoh.
Bahagian D: Soalan Penutup	Bahagian ini bertujuan mendapatkan refleksi dan cadangan daripada guru untuk penambahbaikan amalan PdP bahasa Arab.	Apakah harapan dan cadangan ustaz/ustazah untuk meningkatkan lagi kualiti pendekatan pengajaran guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab di sekolah rendah KAFA? Terima kasih ustaz/ustazah kerana sudi ditemu bual untuk kajian ini.

3.7 Prosedur Kajian

Pada peringkat awal, penyelidik menyediakan cadangan kajian, instrumen temu bual, serta senarai semak pemerhatian dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu. Instrumen yang dibangunkan telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab untuk memastikan kesesuaian isi kandungan, kejelasan soalan dan kebolehgunaan instrumen tersebut. Setelah itu, penyelidik memperoleh surat kebenaran daripada pihak universiti dan memohon keizinan rasmi daripada JHEAINS bagi menjalankan kajian di sekolah-sekolah KAFA yang terpilih. Sila rujuk Lampiran untuk melihat salinan surat kebenaran tersebut.

3.7.1 Fasa Perancangan

Pada peringkat awal, penyelidik menyediakan cadangan kajian, instrumen temu bual dan senarai semak pemerhatian dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas. Instrumen yang dibangunkan telah disemak oleh pakar dalam bidang pendidikan bahasa Arab bagi memastikan kesesuaian isi kandungan, kejelasan soalan dan kebolehgunaan instrumen. Setelah itu, penyelidik mendapatkan surat kebenaran daripada pihak universiti dan memohon keizinan rasmi daripada pihak JHEAINS untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah KAFA yang terpilih. Sila rujuk di bahagian lampiran untuk melihat surat kebenaran berikut.

3.7.2 Fasa Pemilihan Responden

Selepas mendapat kebenaran rasmi, penyelidik memilih guru-guru bahasa Arab KAFA yang berpengalaman dan bersedia memberi kerjasama sebagai responden menggunakan 'Kaedah Persampelan Bertujuan' *(purposive sampling)*. Pemilihan ini dilakukan berdasarkan kriteria tertentu, iaitu pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun, penglibatan aktif dalam PdP bahasa Arab serta kesediaan untuk ditemu bual.

3.7.3 Fasa Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilaksanakan melalui tiga kaedah utama, iaitu temu bual dan analisis dokumen.

a) Temu bual dijalankan secara atas talian dengan setiap guru yang dipilih bagi mendapatkan maklumat terperinci tentang pengalaman, pendekatan PdP dan cabaran yang dihadapi. Semua sesi temu bual dirakam dengan kebenaran responden.

b) Analisis dokumen melibatkan semakan terhadap rekod pencapaian murid dalam peperiksaan UPKK bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 serta modul pengajaran bahasa Arab KAFA untuk mendapatkan data sokongan.

3.7.4 Fasa Pengurusan Data

Selepas data dikumpulkan, rakaman temu bual ditranskripsi sepenuhnya, manakala nota pemerhatian dan dokumen disusun serta dikodkan mengikut kategori tertentu. Semua data disimpan secara selamat dengan mematuhi etika penyelidikan, termasuk kerahsiaan identiti responden dan sekolah.

3.7.5 Fasa Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses ini melibatkan pembacaan berulang terhadap transkrip, pengkodan awal, pengelompokan kod kepada

tema utama dan penafsiran data bagi menjawab persoalan kajian. Data daripada temu bual, pemerhatian dan dokumen dibandingkan untuk memastikan kesahan dapatan.



Rajah 3.1 Analisis Data

3.8 Etika Kajian

Etika kajian dipatuhi dengan memastikan semua responden diberi maklumat jelas tentang tujuan kajian, kerahsiaan maklumat terjamin, serta persetujuan bertulis diperoleh sebelum data dikumpulkan. Identiti sekolah dan guru yang terlibat dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan akademik.

3.9 Kesimpulan

Fokus kajian ini ialah amalan PdP guru subjek bahasa Arab KAFA di daerah Jelebu. Kajian lapangan dijalankan di sekolah-sekolah yang mencatat prestasi cemerlang dan kurang cemerlang dalam subjek 'Lughat al-Qurʾān' berdasarkan skor UPKK pada tahun 2022, 2023 dan 2024. Bagi sekolah yang cemerlang, sampel diambil daripada Sekolah Kebangsaan Peradong dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chun Yin, manakala bagi sekolah yang kurang cemerlang, sampel diambil daripada Sekolah Kebangsaan Felda Pasoh 4 dan Sekolah Kebangsaan Putra.

Instrumen kajian terdiri daripada borang temu bual yang mengandungi soalan-soalan yang direka khas untuk menilai amalan PdP guru subjek bahasa Arab KAFA di daerah Jelebu. Korpus subjek bahasa Arab KAFA merujuk kepada subjek Lughat al-Qurʾān itu sendiri. Sampel kajian dipilih daripada populasi guru bahasa Arab yang berpengalaman mengajar subjek tersebut di sekolah terpilih.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep PdP bahasa Arab dalam sistem pendidikan sekolah KAFA, mengenal pasti struktur kurikulum subjek bahasa Arab, serta meneliti amalan PdP guru subjek bahasa Arab di daerah Jelebu. Dapatan kajian dijangka dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dalam subjek ini berdasarkan skor UPKK selama tiga tahun berturut-turut. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan langkah-langkah dan tindakan yang boleh diambil untuk menangani masalah yang dihadapi oleh pelajar. Hasil kajian diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak sekolah, JHEAINS serta KPM dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran subjek bahasa Arab di sekolah-sekolah KAFA, Negeri Sembilan. Bagi sekolah-sekolah KAFA, di daerah lain, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menilai prestasi pelajar mereka.

BAB 4
DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini membentangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui analisis data yang telah dijalankan berdasarkan kaedah penyelidikan yang diterangkan dalam Bab 3. Segala hasil dapatan yang dipaparkan adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang telah digariskan dan seterusnya menilai pencapaian objektif kajian yang telah dinyatakan dalam Bab 1. Dapatan ini merupakan asas penting bagi memahami tahap pencapaian, pandangan serta pengalaman responden terhadap isu kajian yang dikemukakan.

Penyusunan perbincangan dalam bab ini dilakukan secara sistematik mengikut urutan persoalan kajian dan objektif kajian bagi memastikan setiap dapatan yang dikemukakan dapat diteliti dengan jelas. Selain itu, analisis yang dijalankan turut memberikan gambaran menyeluruh tentang kecenderungan data yang diperoleh, melalui analisis kualitatif. Justeru, Bab 4 ini menjadi bahagian penting dalam menilai keberkesanan metodologi kajian serta memberikan jawapan yang jelas kepada persoalan kajian yang telah dibentuk pada peringkat awal.

4.2 Struktur Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah KAFA

Struktur kurikulum bahasa Arab di sekolah KAFA dirangka secara sistematik berasaskan Sukatan Pelajaran KAFA yang disusun oleh JAKIM dengan penekanan kepada penguasaan empat kemahiran asas bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum ini dibahagikan mengikut tahap pembelajaran daripada Tahun 1 hingga Tahun 5, dengan penyusunan subtopik yang bersesuaian, bermula daripada penguasaan asas huruf dan kosa kata mudah sehinggalah kepada kemahiran berkomunikasi, memahami teks serta membina ayat yang lebih baik. Oleh itu, berikut akan disenaraikan silibus dan topik yang telah diajarkan mengikut tahun:

4.2.1 Silibus Tahun 1

PdP silibus bahasa Arab tahun 1 KAFA adalah diajarkan perkara-perkara asas dalam bahasa Arab. Buku Teks ini telah dibahagikan kepada lima subtopik yang utama:

a) ***الوحدة الأولى***

b) ***الوحدة الثانية***

c) ***الوحدة الثالثة***

d) ***الوحدة الرابعة***

e) ***الوحدة الخامسة***

Dalam subtopik pertama, الوحدة الأولى, murid diperkenalkan dengan huruf hijaiyah secara berturutan bermula daripada huruf أ hingga ي. Proses pengajaran bukan hanya tertumpu pada pengenalan huruf semata-mata, tetapi turut melibatkan latihan sebutan huruf mengikut baris asas, iaitu fathah (atas), kasrah (bawah) dan dhammah (depan). Murid akan mendengar sebutan huruf daripada guru dan mengulanginya bagi memastikan mereka dapat menyebut dengan tepat. Kaedah pendengaran dan pengulangan ini membantu murid membina hubungan antara bentuk huruf dan bunyinya dengan lebih jelas.

Selain itu, silibus ini menekankan kemahiran menulis huruf dalam dua bentuk iaitu tunggal dan bersambung. Murid dilatih menulis huruf secara berulang bagi membiasakan mereka dengan bentuk huruf yang berubah mengikut kedudukan dalam perkataan sama ada di awal, tengah atau akhir. Aktiviti ini bukan sahaja membantu dari sudut kemahiran motor halus, tetapi juga mengukuhkan kefahaman murid tentang struktur penulisan Arab yang ditulis dari kanan ke kiri. Pembelajaran ini juga lebih berkesan apabila disokong dengan aktiviti pengayaan seperti kad imbasan, latihan lembaran kerja dan permainan mudah untuk membantu murid mengenal huruf secara lebih praktikal dan menyeronokkan.

Secara keseluruhannya, pembelajaran huruf hijaiyah pada peringkat ini bertujuan memastikan murid benar-benar menguasai bentuk, sebutan dan tulisan huruf sebelum memasuki pembelajaran seterusnya yang melibatkan perkataan dan struktur ayat. Dengan asas huruf yang kukuh, murid akan lebih bersedia untuk membaca teks

mudah, membina perkataan ringkas dan mengembangkan kemahiran bahasa Arab mereka pada tahap yang lebih tinggi.

Jadual 4.1
Subtopik Pertama Tahun 1

Komponen	**Perincian Pembelajaran**
Pengenalan Huruf Hijaiyah	• Mengenal huruf أ hingga ي (29 huruf). • Membezakan bentuk huruf tunggal.
Sebutan dan Makharij Huruf	• Cara menyebut huruf dengan tepat. • Sebutan mengikut baris asas (fathah, kasrah dan dhammah). • Latih tubi membaca dan mendengar sebutan.
Huruf dalam Bentuk Tulisan	• Menulis huruf hijaiyah dengan betul. • Latihan menulis tunggal, bersambung awal, tengah dan akhir. • Penguasaan tulisan kemas & arah penulisan kanan ke kiri.
Padanan Huruf & Bunyi	• Mengecam huruf melalui gambar atau objek. • Menyebut huruf yang didengar daripada guru.
Latihan Pengecaman & Bacaan Ringkas	• Membaca gabungan huruf mudah tanpa baris kompleks. • Pengecaman perkataan ringkas yang mengandungi huruf yang dipelajari.
Pentaksiran	• Menyebut huruf dengan betul. • Menulis huruf tunggal dan bersambung. • Membaca huruf dengan baris asas. • Mengenal huruf dalam perkataan.

Dalam subtopik kedua bahasa Arab, iaitu الوحدة الثانية, silibus memberi tumpuan kepada kemahiran asas berkomunikasi melalui pengajaran cara menyapa dan berinteraksi dengan orang lain menggunakan bahasa Arab. Fokus utama pembelajaran pada subtopik ini adalah untuk membolehkan murid menguasai frasa sapaan harian yang mudah tetapi sering digunakan dalam komunikasi asas. Antara frasa yang diperkenalkan termasuklah ungkapan salam seperti السلام عليكم dan jawapannya وعليكم السلام. Melalui latihan ini murid bukan sahaja didedahkan kepada penggunaan bahasa Arab dalam situasi harian, tetapi juga memahami nilai adab dan budaya memberi salam yang menjadi amalan dalam kehidupan Muslim.

Selain itu, pembelajaran turut merangkumi sapaan asas lain seperti ucapan selamat pagi, penghargaan dan ucapan terima kasih. Pendedahan kepada frasa-frasa ini berperanan membantu murid membina keupayaan berkomunikasi secara mudah dan

sopan ketika berinteraksi dengan guru, rakan sebaya atau individu lain. PdP bagi subtopik ini biasanya melibatkan latihan mendengar, mengulang sebutan dan melakonkan situasi ringkas untuk membiasakan murid dengan penggunaan frasa tersebut dalam konteks sebenar. Aktiviti berbentuk dialog, simulasi perbualan dan permainan peranan *(role-play)* menjadi antara kaedah yang sesuai bagi memastikan murid bukan sekadar menghafal ayat, tetapi turut memahami konteks penggunaannya. Pendekatan pengajaran dalam subtopik ini dapat membantu murid membina asas komunikasi bahasa Arab yang praktikal, seterusnya meningkatkan keyakinan mereka untuk bercakap dan berinteraksi dalam kelas. Kemahiran menyapa merupakan langkah awal kepada pembelajaran komunikasi lisan yang lebih kompleks pada peringkat seterusnya seperti bertanya khabar, memperkenalkan diri dan berinteraksi dalam situasi sosial.

Secara keseluruhan, subtopik الوحدة الثانية menjadi medium penting dalam membentuk asas percakapan murid, memperkenalkan penggunaan bahasa Arab dalam konteks kehidupan sebenar dan menanam keberanian berkomunikasi sejak awal pembelajaran.

Jadual 4.2
Subtopik Ke-2 Tahun 1

Aspek Pembelajaran	**Kandungan**
Kemahiran Utama	• Kemahiran menyapa dan berinteraksi menggunakan bahasa Arab asas.
Frasa yang Diperkenalkan	• Assalamualaikum dan salam sejahtera ke atas kamu • Sapaan selamat pagi, ucapan terima kasih dan frasa asas sosial.
Kaedah Pembelajaran	• Latihan mendengar dan mengulang sebutan. • Guru menyebut, murid meniru untuk mendapatkan sebutan yang betul. • Aktiviti lakonan ringkas dan dialog bertema.
Aktiviti Pengukuhan	• Perbualan ringkas berpasangan. • Nyanyian atau kad imbasan frasa. • Latihan role-play situasi memberi salam & membalas salam.
Hasil Pembelajaran	• Murid dapat menyebut salam dengan betul. • Murid mampu membalas sapaan dalam bahasa Arab. • Murid berani berinteraksi menggunakan frasa ringkas.

Aspek Pembelajaran	Kandungan
Kepentingan Subtopik	• Membina asas komunikasi lisan bahasa Arab dan menyemai adab memberi salam dalam kehidupan seharian.

Dalam subtopik ketiga, الوحدة الثالثة, pelajar diajar mendengar dan melakonkan semula perbualan-perbualan ringkas dalam bahasa Arab. Fokus utama pembelajaran adalah untuk melatih murid menggunakan frasa asas dalam komunikasi harian, termasuk memperkenalkan diri, bertanya mengenai umur, tempat tinggal, nama dan bertanya khabar. Melalui aktiviti lakonan ini, murid bukan sahaja menghafal dialog, tetapi turut memahami konteks penggunaan perkataan yang sering digunakan dalam perbualan harian. Kaedah pengajaran melibatkan latihan mendengar sebutan guru, mengulanginya secara lisan dan seterusnya melakonkan situasi dialog dalam kumpulan atau secara pasangan. Aktiviti ini membantu murid membina keyakinan untuk bercakap dalam bahasa Arab, memahami struktur ayat ringkas dan menggunakan perkataan secara tepat dalam konteks sebenar. Secara keseluruhannya, subtopik ini bertujuan membina asas komunikasi lisan yang praktikal, sekaligus menyediakan murid untuk berinteraksi dalam bahasa Arab dengan lebih yakin pada peringkat pembelajaran seterusnya.

Jadual 4.3
Subtopik Ke-3 Tahun 1

Aspek Pembelajaran	Kandungan
Kemahiran Utama	• Mendengar, bertutur dan melakonkan dialog ringkas.
Perbualan yang Dipelajari	• Bertanya nama, umur dan tempat tinggal. • Menyatakan khabar (كيف حالك؟). • Dialog sosial harian mudah.
Kaedah PdP	• Latihan mendengar audio atau sebutan guru. • Lakonan dialog dan role-play. • Latihan pasangan atau berkumpulan.
Aktiviti Pengukuhan	• Hafalan dialog pendek. • Simulasi situasi sebenar. • Kad dialog atau latihan perbualan.
Hasil Pembelajaran	• Murid boleh berinteraksi secara asas menggunakan dialog ringkas dalam Bahasa Arab.

Dalam subtopik yang keempat الوحدة الرابعة, pelajar akan mengenali panggilan-panggilan dalam keluarga sebagai contoh perkataan ayah dalam bahasa Arab akan disebut أب. Tidak terkecuali ahli keluarga yang lain untuk ibu, atuk dan lain-lain lagi. Selain itu, dalam subtopik ini juga ditekankan penggunaan اسم إشارة iaitu kata tunjuk. Penggunaan untuk ini dan itu dalam bahasa arab turut diajarkan.

Jadual 4.4
Subtopik Ke-4 Tahun 1

Aspek Pembelajaran	**Kandungan**
Kemahiran Utama	• Perbendaharaan kata ahli keluarga dan penggunaan اسم إشارة.
Perkataan Dipelajari	• أب (ayah), أم (ibu), جد (datuk), جدة (nenek) dan ahli keluarga lain.
Penguasaan Tatabahasa	• Pengenalan اسم إشارة (kata tunjuk) هذا atau هذه untuk 'ini' atau 'itu'.
Kaedah PdP	• Latihan sebutan & padanan gambar. • Penulisan dan latihan perkataan. • Aktiviti menunjuk objek atau orang sambil menyebut.
Aktiviti Pengukuhan	• Kad keluarga mini. • Aktiviti 'siapa saya?' bertema ahli keluarga. • Latihan bina ayat mudah menggunakan اسم إشارة.
Hasil Pembelajaran	• Murid dapat mengenal, menyebut dan menggunakan kata tunjuk dalam konteks ahli keluarga.

Akhir sekali, dalam subtopik yang kelima الوحدة الخامسة, subtopik ini memberi fokus kepada pembelajaran nombor asas bahasa Arab dari 1 hingga 10. Murid bukan sahaja mengenal angka tetapi juga sebutan serta penulisan nombor dalam bentuk perkataan Arab. Latihan ini membantu murid membezakan simbol nombor (١-١٠) dengan ejaan (واحد – عشرة) serta menggunakannya dalam latihan mengenal kuantiti. Aktiviti bimbingan berperingkat akan memantapkan memori visual dan bunyi murid terhadap nombor bahasa Arab.

Jadual 4.5
Subtopik Ke-5 Tahun 1

Aspek Pembelajaran	**Kandungan**
Kemahiran Utama	• Mengenal, menyebut dan menulis nombor 1–10 dalam bahasa Arab.
Nombor Dipelajari	• Digit: ١– ١٠ Perkataan: واحد، اثنان، ثلاثة… عشرة
Kaedah PdP	• Latihan sebutan dan meniru guru. • Penulisan nombor dan padanan kuantiti. • Permainan kiraan asas.
Aktiviti Pengukuhan	• Lembaran kiraan objek. • Bingo nombor atau kad nombor. • Kuiz sebutan dan nombor rawak.
Hasil Pembelajaran	• Murid boleh mengenal, membaca, menyebut dan menulis nombor 1–10 dalam bahasa Arab.

Keseluruhan silibus bahasa Arab Tahun 1 KAFA dirancang untuk membina asas kemahiran bahasa Arab secara bertahap dan menyeluruh. Bermula dengan penguasaan huruf hijaiyah dalam الوحدة الأولى, murid diperkenalkan kepada bentuk, sebutan dan penulisan huruf secara tunggal dan bersambung. Subtopik kedua, الوحدة الثانية, menekankan kemahiran menyapa dan berinteraksi menggunakan frasa asas dalam kehidupan harian. Dalam الوحدة الثالثة, murid melatih kemahiran mendengar dan melakonkan perbualan ringkas yang melibatkan pertanyaan nama, umur, tempat tinggal dan khabar, bagi mengukuhkan keyakinan bercakap dalam bahasa Arab. Subtopik keempat, الوحدة الرابعة, memperkenalkan perkataan ahli keluarga dan penggunaan kata tunjuk (اسم إشارة), manakala الوحدة الخامسة memberi fokus kepada penguasaan nombor asas 1 hingga 10, termasuk sebutan, tulisan dan padanan kuantiti.

Secara keseluruhannya, silibus ini bertujuan membina asas literasi bahasa Arab yang kukuh melalui kombinasi latihan mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pendekatan berperingkat ini membolehkan murid menguasai kemahiran asas bahasa Arab dengan lebih sistematik, sekaligus menyediakan mereka untuk pembelajaran bahasa Arab yang lebih kompleks pada peringkat seterusnya.

Jadual 4.6
Keseluruhan Subtopik Tahun 1

Bil	Subtopik	Kandungan Pembelajaran
1	الوحدة الأولى	• Mempelajari asas huruf hijaiyah dari أ hingga ي. • Cara sebutan huruf mengikut baris. • Latihan mendengar sebutan huruf daripada guru. • Menulis huruf secara bersambung dan tidak bersambung.
2	الوحدة الثانية	• Pembelajaran sapaan dan interaksi dalam bahasa Arab. • Contoh: السلام عليكمdan jawapan وعليكم السلام. • Ucapan selamat pagi & terima kasih dalam bahasa Arab.
3	الوحدة الثالثة	• Mendengar serta melakonkan perbualan ringkas dalam bahasa Arab. • Perbualan berkaitan umur, tempat tinggal, nama & bertanya khabar.
4	الوحدة الرابعة	• Mengenal perkataan berkaitan ahli keluarga (contoh: أب = ayah). • Perkataan untuk ibu, atuk dan sebagainya. • Pengenalan اسم إشارة (kata tunjuk) seperti *ini* dan *itu*.
5	الوحدة الخامسة	• Mempelajari nombor asas bahasa Arab 1–10. • Nombor dalam bentuk digit, perkataan dan latihan penulisan.

4.2.2 Silibus Tahun 2

Dalam silibus PdP tahun 2 KAFA terdapat lapan subtopik yang dipelajari dalam buku teks ini.

a) ***الجسم السليم***

b) ***وجهي الجميل***

c) ***فمي النظيف***

d) ***أحب أن أكتب وألون***

e) ***ماذا في مقلمتي؟***

f) ***ماذا في حقيبتي؟***

g) ***فصلي الجميل***

h) ***فصلي النظيف***

Dalam subtopik pertama الجسم السالیم yang bermaksud ‘badan yang sihat’, murid Tahun 2 diperkenalkan kepada pelbagai kosa kata asas berkaitan anggota tubuh badan manusia dalam bahasa Arab, di mana proses pembelajaran bukan sekadar menamakan bahagian tubuh seperti الرأس (kepala), اليد (tangan) dan بطن (perut) tetapi turut menekankan aspek sebutan yang tepat, kefahaman makna serta penggunaannya dalam struktur ayat mudah. Penerapan pembelajaran ini secara langsung membantu murid membina asas komunikasi yang kukuh dalam bahasa Arab melalui aktiviti pengenalan, latihan sebutan serta gabungan kata dalam konteks harian, seterusnya menjadi platform awal pembentukan literasi bahasa Arab di peringkat rendah KAFA.

Jadual 4.7
Subtopik Pertama Tahun 2

Bil	**Anggota Tubuh Badan**	
1	Kepala	رَأسٌ
2	Bahu	كتف
3	Perut	بطن
4	Tangan	يد
5	Kaki	رجل

Subtopik kedua pula ialah وجهي الجميل yang membawa maksud ‘wajahku yang cantik’, di mana murid didedahkan dengan kosa kata khusus yang berkaitan anggota muka seperti الأنف (hidung), الفم (mulut), الأذن (telinga) dan الخد (pipi), serta dilatih untuk mengenal, menyebut dan menggunakannya dalam ayat mudah. Fokus pembelajaran bukan hanya tertumpu pada pengingatan istilah semata-mata, tetapi juga pada keupayaan murid mengenali fungsi bahagian muka melalui aktiviti interaktif seperti menunjukkan anggota pada diri sendiri, menyebut secara berulang, serta membuat latihan pengelasan gambar. Pendekatan ini secara tidak langsung membantu murid membina kefahaman yang lebih jelas terhadap organ muka dalam bahasa Arab dan meningkatkan kemahiran mereka berkomunikasi menggunakan frasa asas dalam konteks yang lebih bermakna.

Jadual 4.8
Subtopik Ke-2 Tahun 2

Bil	Wajah Manusia	
1	Rambut	شعر
2	Mata	عين
3	Hidung	أنف
4	Telinga	اذن
5	Pipi	خد

Subtopik ketiga iaitu فمي النظيف yang bermaksud ‘mulutku yang bersih’ memberi penekanan kepada pembelajaran kosa kata yang berkaitan dengan anggota mulut dan amalan penjagaan kebersihan diri. Dalam topik ini, murid bukan sahaja mempelajari perkataan asas seperti الفم (mulut), الأسنان (gigi) dan اللسان (lidah), malah mereka turut digalakkan memahami kepentingan menjaga kebersihan mulut melalui aktiviti pembelajaran seperti lagu, dialog ringkas dan latihan sebutan. Pendekatan ini membantu murid mengaitkan bahasa Arab dengan kehidupan seharian, sekali gus mengukuhkan ingatan terhadap kosa kata melalui penggunaan dalam konteks yang realistik, serta menanam nilai kebersihan dan kesihatan diri selari dengan objektif pembentukan sahsiah murid KAFA.

Jadual 4.9
Subtopik Ke-3 Tahun 2

Bil	Mulut	
1	Mulut	فم
2	Lidah	لسان
3	Gigi	أسنان

Dalam subtopik keempat أحب أن أكتب وألون yang bermaksud ‘saya suka menulis dan mewarna’, murid mempelajari aktiviti menulis huruf dan mewarna gambar dalam bahasa Arab. Dalam masa yang sama, murid turut diperkenalkan dengan alat tulis seperti pensel dan pensel warna serta cara menyebutnya dengan betul. Di dalam subtopik ini juga, murid belajar mengenal nombor dalam bahasa Arab melalui latihan mengira bilangan pensel atau pensel warna yang digunakan atau dibeli oleh pelajar, berdasarkan dialog dan gambar yang terdapat dalam buku teks. Melalui aktiviti ini, murid bukan sahaja dapat menguasai perkataan tentang alat tulis dan warna, tetapi juga

dapat mempraktikkan sebutan nombor dengan betul semasa membuat latihan menulis dan mewarna.

Jadual 4.10
Subtopik Ke-4 Tahun 2

Bil	Warna (Arab)	Maksud
1	أحمر	Merah
2	أزرق	Biru
3	أخضر	Hijau
4	أصفر	Kuning
5	أسود	Hitam
6	وردي	Merah Jambu

Dalam subtopik yang kelima iaitu ماذا في مقلمتي؟ yang bermaksud 'apakah yang terdapat dalam bekas pensel saya?', murid mempelajari jenis-jenis alat tulis yang biasa digunakan di sekolah seperti pensel, pemadam, pembaris, gunting dan sebagainya dalam bahasa Arab. Dalam topik ini, murid juga belajar mengenal nama alat tulis tersebut serta menyebutnya dengan sebutan yang betul. Selain itu, murid turut didedahkan dengan latihan mengira bilangan alat tulis dalam bekas pensel mereka dan menyebut nombor tersebut dalam bahasa Arab berdasarkan contoh dalam buku teks. Aktiviti ini dapat membantu murid mengenal perkataan baharu dengan lebih mudah serta mempraktikkannya dengan mengira dan menyebut jumlah alat tulis yang mereka ada.

Jadual 4.11
Subtopik Ke-5 Tahun 2

Bil	Alat tulis	Maksud
1	قلم	Pensel
2	ممحاة	Pemadam
3	مسطرة	Pembaris
4	مقراض	Gunting

Dalam subtopik yang keenam iaitu ماذا في حقيبتي؟ yang bermaksud 'apa yang ada dalam beg sekolah saya?', murid mempelajari pelbagai barang keperluan yang sering dibawa ke sekolah dalam bahasa Arab, seperti beg sekolah, buku, kertas, pensel dan

lain-lain. Murid juga diajar nama-nama barang tersebut dengan sebutan yang betul serta cara membezakan setiap item. Selain itu, pelajar turut belajar mengira bilangan setiap barang yang mereka ada dan menyebut nombor tersebut dalam bahasa Arab. Aktiviti ini membantu murid mengaitkan kosa kata dengan kehidupan harian mereka di sekolah, meningkatkan penguasaan perkataan, serta membolehkan mereka mempraktikkan ayat mudah menggunakan nama barang dan nombor dalam konteks sebenar.

Jadual 4.12
Subtopik Ke-6 Tahun 2

Bil	Barang (Arab)	Maksud
1	حقيبة	Beg Sekolah
2	كتاب	Buku
3	ورقة	Kertas
4	قلم	Pensel
5	ممحاة	Pemadam

Seterusnya, dalam subtopik yang ketujuh iaitu فصلي الجميل yang bermaksud ‘kelasku yang cantik’, murid mempelajari pelbagai alatan yang terdapat di dalam kelas dalam bahasa Arab seperti kerusi, meja, papan tulis dan lain-lain. Dalam topik ini, murid diajar untuk mengenal dan menyebut nama alatan tersebut dengan betul. Selain itu, pelajar juga diperkenalkan dengan perbezaan penggunaan kata tunjuk berdasarkan jantina alatan, iaitu untuk lelaki dan perempuan, supaya mereka dapat menggunakan ayat yang tepat ketika menunjukkan atau menyebut sesuatu barang di dalam kelas. Aktiviti ini membantu murid menguasai kosa kata yang berkaitan dengan kelas, memahami penggunaan kata tunjuk, dan dapat mempraktikkannya dalam ayat mudah semasa pembelajaran.

Jadual 4.13
Subtopik Ke-7 Tahun 2

Bil	Alatan (Arab)	Maksud	Kata Tunjuk
1	كرسي	Kerusi	هذا
2	مكتب	Meja	هذا
3	سبورة	Papan Putih	هذه
4	كتاب	Buku	هذا
5	قلم	Pensel	هذا

Akhir sekali, dalam subtopik yang kelapan iaitu فصلي النظيف yang bermaksud ‘kelasku yang bersih’, murid mempelajari pelbagai alatan di dalam kelas yang berkaitan dengan kebersihan dan susunan kelas, seperti kipas, penyapu, pintu dan lain-lain dalam bahasa Arab. Seperti dalam subtopik sebelumnya, pelajar juga diajar untuk menyebut nama alatan dengan sebutan yang betul dan membezakan penggunaan kata tunjuk berdasarkan jantina alatan, sama ada untuk lelaki atau perempuan. Aktiviti ini membantu murid mengaitkan perkataan baharu dengan situasi sebenar di dalam kelas, memahami penggunaan kata tunjuk dengan tepat, serta mempraktikkan ayat mudah semasa menyatakan barang atau alatan yang wujud di kelas mereka.

Jadual 4.14
Subtopik Ke-8 Tahun 2

Bil	Alatan (Arab)	Maksud	Kata Tunjuk
1	مروحة	Kipas	هذه
2	مكنسة	Penyapu	هذه
3	باب	Pintu	هذا
4	سلة	Tong Sampah	هذه

Kesimpulannya, lapan subtopik dalam silibus Tahun 2 KAFA memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada murid untuk menguasai asas bahasa Arab melalui topik-topik yang dekat dengan kehidupan harian mereka. Bermula dengan subtopik الجسم السالیم dan وجهي الجميل, murid belajar mengenal anggota tubuh badan dan muka serta sebutannya dengan betul. Subtopik فمي النظيف menekankan kepentingan menjaga kebersihan mulut. Seterusnya, melalui أحب أن أكتب وألون, murid mengasah kemahiran menulis, mewarna dan mengira nombor sambil mengenal warna dan alat tulis. Dalam ماذا في حقيبتي؟ dan ماذا في مقلمتي؟, murid mempelajari pelbagai alat tulis dan barang keperluan sekolah, serta mengira bilangan setiap item menggunakan nombor dalam bahasa Arab. Subtopik فصلي الجميل dan فصلي النظيف pula memberi penekanan kepada persekitaran kelas, termasuk mengenal alatan dalam kelas, membezakan kata tunjuk untuk lelaki dan perempuan, serta memahami kepentingan kebersihan. Kesemua aktiviti ini dijalankan secara interaktif melalui latihan, dialog dan pengiraan yang membolehkan murid mempraktikkan kosa kata, nombor dan ayat mudah dalam situasi harian mereka, sekali gus membantu membina asas bahasa Arab yang kukuh di peringkat rendah KAFA.

4.2.3 Silibus Tahun 3

Dalam usaha meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami dan menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian, silibus Tahun 3 telah disusun dengan lebih tersusun dan bertema bagi membantu pelajar menguasai kosa kata serta struktur bahasa secara berperingkat. Dalam silibus PdP Tahun 3 KAFA terdapat tujuh subtopik yang dipelajari pelajar, iaitu:

a) ***الملابس***

b) ***الألوان***

c) ***الأيام***

d) ***الأوقات***

e) ***الأفعال 1***

f) ***الأفعال 2***

g) ***الفاظ العقود***

Dalam subtopik pertama iaitu الملابس yang bermaksud pakaian, murid mempelajari jenis-jenis pakaian dalam bahasa Arab. Pakaian yang dipelajari merupakan pakaian harian yang sering digunakan dalam kehidupan seharian seperti بنطلون (seluar panjang), قميص (baju), حذاء (kasut) dan beberapa jenis pakaian yang lain. Murid akan diperkenalkan dengan sebutan dan maksud bagi setiap pakaian serta diajar menyebutnya dengan betul melalui latihan membaca, menyebut dan mengulangi perkataan. Selain itu, murid juga dilatih membina ayat mudah menggunakan perkataan pakaian yang telah dipelajari supaya mereka dapat menggunakannya dalam perbualan dan penulisan ringkas. Pendekatan ini membantu murid mengingati perkataan pakaian dengan lebih mudah serta mempraktikkannya semasa pembelajaran.

Jadual 4.15
Subtopik Pertama Tahun 3

Bil	Pakaian (Arab)	Maksud
1	بنطلون	Seluar Panjang
2	قميص	Kemeja
3	حذاء	Kasut
4	فستان	Gaun
5	جوارب	Stokin
6	بلوزه	Blaus

Subtopik yang kedua adalah الألوان yang bermaksud warna-warna. Dalam subtopik ini, pelajar akan belajar sebelas warna asas dalam bahasa Arab. Antara warna yang dipelajari ialah biru, merah, hijau, kuning, hitam, putih, coklat, merah jambu, ungu, kelabu dan oren. Pelajar akan menyebut dan mengeja nama warna dengan betul serta mengenalinya melalui gambar.

Selain itu, pelajar akan menggunakan warna tersebut dalam membina ayat mudah, contohnya menyebut warna pada objek seperti baju merah, bola biru, kerusi hijau dan lain-lain. Aktiviti ini membantu murid lebih memahami penggunaan warna dalam komunikasi harian. Pelajar juga akan melakukan latihan mewarna gambar mengikut arahan mudah dalam bahasa Arab agar mereka lebih seronok dan cepat ingat.

Jadual 4.16
Subtopik Ke-2 Tahun 3

Bil	Warna (Arab)	Maksud
1	أَزْرَقُ	Biru
2	أَحْمَرُ	Merah
3	أَخْضَرُ	Hijau
4	أَصْفَرُ	Kuning
5	أَسْوَدُ	Hitam
6	أَبْيَضُ	Putih
7	بُنِّيٌّ	Coklat
8	وَرْدِيٌّ	Merah Jambu
9	بَنَفْسَجِيٌّ	Ungu
10	رَمَادِيٌّ	Kelabu
11	بُرْتُقَالِيٌّ	Oren

Subtopik yang ketiga adalah الأيام yang bermaksud ‘hari’. Dalam subtopik ini, pelajar akan mempelajari sebutan hari dalam bahasa Arab bermula daripada hari Isnin sehingga ke hari Ahad. Perbendaharaan kata ini penting sebagai asas untuk pelajar membuat ayat berkaitan rutin harian dan aktiviti setiap hari. Sebutan hari dalam b ahasa Arab adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 4.17
Subtopik Ke-3 Tahun 3

الأيام	يوم الإثنين	يوم الثلاثاء	يوم الأربعاء	يوم الخميس	يوم الجمعة	يوم السبت	يوم الأحد
Hari	Hari Isnin	Hari Selasa	Hari Rabu	Hari Khamis	Hari Jumaat	Hari Sabtu	Hari Ahad

Subtopik yang keempat adalah الأوقات yang bermaksud ‘waktu-waktu’. Dalam subtopik ini, pelajar mempelajari tentang keadaan waktu asas dalam kehidupan seharian. Waktu yang diperkenalkan bukan merujuk kepada penggunaan jam, tetapi merujuk kepada waktu umum seperti waktu siang dan malam. Perbendaharaan kata ini membantu pelajar memahami situasi waktu dalam pembinaan ayat mudah. Berikut merupakan senarai waktu yang dipelajari:

Jadual 4.18
Subtopik Ke-4 Tahun 3

الأوقات	ظهر	صباح	نهار	ليل	غدا	أمس	مساء
Waktu	Tengahari	Pagi	Siang	Malam	Esok	Semalam	Petang

Subtopik yang kelima dan keenam ialah 1 الأفعال dan 2 الأفعال yang memberi fokus kepada pembelajaran kata kerja dalam bahasa Arab. Melalui dua subtopik ini, pelajar diperkenalkan dengan penggunaan kata kerja dalam bentuk lampau (الفعل الماضي) serta kata kerja dalam bentuk sedang berlaku atau kini (الفعل المضارع). Kata kerja yang digunakan pula merupakan kata kerja asas yang biasa digunakan dalam kehidupan harian agar mudah difahami dan diaplikasikan oleh pelajar.

Antara contoh kata kerja yang diperkenalkan termasuklah makan, minum, berdiri, membaca, pergi dan menulis, yang mana bentuk kata kerja ini akan digunakan dalam pembinaan ayat mudah. Aktiviti latihan seperti membina ayat ringkas dan padanan kata turut membantu pelajar memahami perbezaan antara kata kerja lampau dan kata kerja kini.

Jadual 4.19
Subtopik Ke-5 dan 6 Tahun 3

Bil	الفعل الماضي	الفعل المضارع	Maksud
1	أَكَلَ	يَأْكُلُ	Makan
2	شَرِبَ	يَشْرَبُ	Minum
3	قَامَ	يَقُومُ	Berdiri
4	قَرَأَ	يَقْرَأُ	Membaca
5	ذَهَبَ	يَذْهَبُ	Pergi
6	كَتَبَ	يَكْتُبُ	Menulis

Subtopik yang terakhir dalam pembelajaran Tahun 3 ialah الفاظ العُقود, iaitu pembelajaran berkaitan nombor dalam bahasa Arab. Jika pada Tahun 1 dan 2 pelajar telah mempelajari asas nombor 1 hingga 10, maka pada Tahun 3 skop ini dikembangkan dengan lebih luas meliputi lingkungan nombor dari 1 hingga 100. Dalam subtopik ini, pelajar akan diajar cara menyebut nombor, menulis angka, serta menulisnya dalam bentuk perkataan bahasa Arab.

Pendekatan ini membantu pelajar mengenal nombor dengan lebih sistematik dan mampu menggunakannya dalam latihan, pembinaan ayat ringkas serta aktiviti berkaitan bilangan. Pembelajaran ini juga penting sebagai persediaan untuk topik bahasa Arab yang lebih tinggi pada tahun berikutnya.

Jadual 4.20
Subtopik Ke-7 Tahun 3

Bil	Nombor	Terjemahan Bahasa Arab
1	10	عَشَرَة
2	20	عِشْرُونَ
3	30	ثَلَاثُونَ
4	40	أَرْبَعُونَ
5	50	خَمْسُونَ
6	60	سِتُّونَ
7	70	سَبْعُونَ
8	80	ثَمَانُونَ
9	90	تِسْعُونَ
10	100	مِائَة

Secara keseluruhannya, silibus PdP bahasa Arab Tahun 3 KAFA dirangka bagi meningkatkan penguasaan asas bahasa pelajar secara berperingkat melalui tujuh subtopik utama yang merangkumi perbendaharaan kata, pembinaan ayat dan latihan kefahaman. Setiap subtopik memainkan peranan dalam mendedahkan pelajar kepada tema pembelajaran yang lebih luas berbanding tahun sebelumnya, seperti pakaian, warna, hari, waktu serta penggunaan kata kerja dalam bentuk lampau dan kini. Di samping itu, pembelajaran nombor turut dikembangkan sehingga lingkungan 1 hingga 100 agar pelajar lebih mahir dalam menyebut dan menulis nombor dalam bahasa Arab.

Melalui keseluruhan subtopik ini, pelajar bukan sahaja dapat menambah kosa kata baharu, tetapi juga belajar menggunakannya dalam ayat ringkas dan situasi harian. Hal ini menjadikan proses pembelajaran lebih sistematik serta membantu pelajar membina asas komunikasi bahasa Arab dengan lebih baik. Dengan penerapan latihan, dialog dan aktiviti berkaitan, pembelajaran bahasa Arab Tahun 3 mampu memberi manfaat besar dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran berbahasa pelajar secara lebih berkesan.

4.2.4 Silibus Tahun 4

Bahasa Arab terus diberikan penekanan dalam kurikulum KAFA sebagai mata pelajaran yang membina kemahiran komunikasi asas dalam kehidupan seharian. Bagi Tahun 4, silibus PdP telah disusun secara sistematik mengikut tema untuk memastikan pelajar dapat menguasai kosa kata, pembinaan ayat, nombor dan penggunaan kata kerja dengan lebih baik. Dalam silibus Tahun 4, terdapat lapan subtopik utama yang dipelajari, iaitu:

a) ***الأوقات***
b) ***الأيام***
c) ***الشهور الميلادية***
d) ***الشهور الهجرية***
e) ***في البيت***
f) ***حول المدرسة***
g) ***الأفعال***

h) ***الأرقام والأعداد***

Subtopik yang pertama ialah الأوقات, yang memfokuskan pembelajaran waktu atau jam dalam bahasa Arab. Berbeza dengan Tahun 3, di mana pelajar mempelajari waktu siang dan malam secara umum, Tahun 4 menekankan jam sebenar, seperti pukul 1, pukul 2 dan seterusnya. Selain itu, pelajar juga diajar penggunaan tepat, suku dan setengah jam dalam bahasa Arab. Semua minit dan jam diajar mengikut sistem 12 jam untuk memudahkan pelajar memahami konsep waktu harian.

Melalui aktiviti membaca jam pada gambar, menyebut waktu dengan tepat dan membina ayat mudah berkaitan jam, pelajar dapat mempraktikkan kosa kata dengan lebih berkesan. Pendekatan ini membantu pelajar menguasai penggunaan jam dalam bahasa Arab dengan betul serta dapat diaplikasikan dalam situasi harian seperti memberitahu waktu atau merancang aktiviti.

Jadual 4.21
Subtopik Pertama Tahun 4

Bil	Jam	Terjemahan Bahasa Arab
1	1:00	الساعة الواحدة
2	2:00	الساعة الثانية
3	3:00	الساعة الثالثة
4	4:00	الساعة الرابعة
5	5:00	الساعة الخامسة
6	6:00	الساعة السادسة
7	7:00	الساعة السابعة
8	8:00	الساعة الثامنة
9	9:00	الساعة التاسعة
10	10:00	الساعة العاشرة
11	11:00	الساعة الحادية عشرة
12	12:00	الساعة الثانية عشرة

Subtopik yang kedua ialah الأيام, yang merupakan kesinambungan daripada pembelajaran Tahun 3. Murid akan mempelajari hari-hari dalam seminggu dalam bahasa Arab, bermula daripada hari Isnin sehingga Jumaat. Fokus utama dalam subtopik ini adalah untuk membantu murid mengenal nama hari, menyebut dengan betul dan membina ayat mudah berkaitan aktiviti harian mereka.

Melalui latihan membaca, menyebut dan menyusun jadual harian menggunakan bahasa Arab, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan ini dalam komunikasi seharian serta meningkatkan kefahaman mereka terhadap penggunaan hari dalam konteks masa. Aktiviti ini juga boleh digabungkan dengan subtopik waktu untuk membina ayat seperti "Saya pergi sekolah pada hari Isnin pukul 7 pagi" dalam bahasa Arab.

Jadual 4.22
Subtopik Ke-2 Tahun 4

الأيام	يوم الإثنين	يوم الثلاثاء	يوم الأربعاء	يوم الخميس	يوم الجمعة	يوم السبت	يوم الأحد
Hari	Hari Isnin	Hari Selasa	Hari Rabu	Hari Khamis	Hari Jumaat	Hari Sabtu	Hari Ahad

Subtopik yang ketiga ialah الشهور الميلادية, yang bermaksud bulan-bulan kelahiran. Dalam subtopik ini, pelajar akan mempelajari 12 bulan dalam setahun bermula daripada Januari sehingga Disember. Pembelajaran ini bertujuan supaya murid dapat mengenal nama bulan dalam bahasa Arab, menyebutnya dengan tepat dan menggunakannya dalam ayat mudah berkaitan tarikh atau kelahiran.

Melalui latihan membaca, menyebut, dan menyusun bulan mengikut urutan, murid dapat mengaplikasikan pengetahuan ini dalam kehidupan harian, seperti menyatakan bulan kelahiran, jadual aktiviti atau sambutan tertentu.

Jadual 4.23
Subtopik Ke-3 Tahun 4

Bil	**الشهور**	**Bulan**
1	يناير	Januari
2	فبراير	Februari
3	مارس	Mac
4	إبريل	April
5	مايو	Mei
6	يونيو	Jun
7	يوليو	Julai
8	أغسطس	Ogos
9	سبتمبر	September
10	أكتوبر	Oktober
11	نوفمبر	November
12	ديسمبر	Disember

Subtopik yang keempat ialah الشهور الهجرية, yang bermaksud bulan-bulan hijrah. Bulan-bulan hijrah digunakan dalam kalendar Islam dan penting untuk memahami tarikh-tarikh penting seperti puasa, Hari Raya dan peristiwa Islam yang lain.

Dalam subtopik ini, pelajar akan belajar nama bulan hijrah dalam bahasa Arab, menyebutnya dengan betul dan mengenal urutan bulan mengikut kalendar Islam. Pembelajaran ini membolehkan murid menggunakan bulan hijrah dalam ayat mudah berkaitan aktiviti keagamaan atau sambutan penting. Berikut adalah senarai bulan hijrah:

Jadual 4.24
Subtopik Ke-4 Tahun 4

Bil	الشهور	Bulan
1	محرم	Muharram
2	صفر	Safar
3	ربيع الأول	Rabiulawal
4	ربيع الأخير	Rabiulakhir
5	جمادى الأولى	Jamadilawal
6	جمادى الأخرة	Jamadilakhir
7	رجب	Rejab
8	شعبان	Syaaban
9	رمضان	Ramadan
10	شوال	Syawal
11	ذو العقدة	Zulkaedah
12	ذو الحجة	Zulhijah

Dalam subtopik yang kelima, pelajar akan diajarkan mengenai البيت yang bermaksud di rumah. Dalam subtopik ini, pelajar akan belajar alatan-alatan yang terdapat di dalam rumah di dalam bahasa arab. Alatan-alatan juga telah dibahagikan mengikut bahagian rumah antaranya adalah di bilik tidur, di ruang tamu dan di ruang makan. Antara alatan yang diajarkan adalah bantal, katil, langsir dan lain-lain lagi.

Jadual 4.25
Subtopik Ke-5 Tahun 4

Bil	Bahasa Arab	Terjemahan
1	غرفة	Bilik
2	مطبخ	Dapur
3	سرير	Katil
4	كرسي	Kerusi
5	نافذة	Tingkap

Dalam subtopik yang keenam, pelajar diajarkan mengenai حول المدرسة iaitu mengenai persekitaran atau di sekeliling sekolah. Dalam topik ini pelajar diajarkan kemudahan-kemudahan atau fasiliti yang terdapat di sekolah dalam bahasa arab. Antara kemudahan atau fasiliti tersebut adalah kelas, pejabat, padang dan lain-lain lagi.

Jadual 4.26
Subtopik Ke-6 Tahun 4

Bil	Bahasa Arab	Terjemahan
1	فصْل	Kelas
2	مكتبة	Perpustakaan
3	سبورة	Papan Tulis
4	مكتب	Meja
5	كرسي	Kerusi

Subtopik ketujuh ialah الأفعال, yang bermaksud kata kerja. Pelajar diajar seperti yang dilakukan di Tahun 3, iaitu penggunaan kata kerja mengikut masa lampau (الفعل الماضي) dan masa kini atau sedang berlaku (الفعل المضارع).

Bezanya di Tahun 4 ialah, fokus diberikan kepada penggunaan kata kerja dalam pembinaan ayat mudah. Pelajar diajar menyusun kata kerja bersama subjek untuk membentuk ayat yang lengkap dan mudah difahami. Kata kerja yang digunakan masih merujuk kepada aktiviti harian seperti makan, minum, pergi, menulis, membaca dan berdiri. Aktiviti ini membantu murid memahami perbezaan masa kata kerja sambil membina ayat yang betul dalam konteks harian.

Subtopik kelapan ialah الأرقام والأعداد, yang bermaksud nombor dan bilangan dalam bahasa Arab. Berbeza dengan Tahun 3, di mana pelajar mempelajari nombor dari 1 hingga 100, Tahun 4 meluaskan lagi pembelajaran nombor sehingga 1000.

Dalam subtopik ini, pelajar akan belajar cara menulis nombor dan sebutannya dalam bahasa Arab, serta menggunakannya dalam ayat mudah berkaitan bilangan dan kuantiti. Aktiviti ini membantu murid mengenal nombor dengan lebih sistematik, memahami urutan bilangan serta menggunakannya dalam komunikasi harian seperti menyatakan umur, bilangan barang atau harga.

Jadual 4.27
Subtopik Ke-8 Tahun 4

Bil	Nombor	Terjemahan Bahasa Arab
1	100	مِائَة
2	200	مِائَتَان
3	300	ثَلاَثُمِائَة
4	400	أَرْبَعُمِائَة
5	500	خَمْسُمِائَة
6	600	سِتُّمِائَة
7	700	سَبْعُمِائَة
8	800	ثَمَانُمِائَة
9	900	تِسْعُمِائَة
10	1000	أَلْف

Secara keseluruhannya, silibus PdP bahasa Arab Tahun 4 KAFA dirangka untuk memperluas dan memperkukuh penguasaan pelajar dalam kosa kata, pembinaan ayat, nombor dan penggunaan kata kerja. Lapan subtopik yang dipelajari memberi pendedahan yang lebih mendalam dan praktikal kepada murid berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Subtopik الأوقات dan الأيام membantu murid memahami waktu dan hari dalam kehidupan harian, termasuk penggunaan jam, suku dan setengah jam serta urutan hari dalam seminggu. Subtopik الشهور الميلادية dan الشهور الهجرية pula memudahkan pelajar mengenal bulan-bulan dalam kalendar Masihi dan Hijrah, sekali gus dapat digunakan dalam menyatakan tarikh atau peristiwa penting.

Subtopik في البيت dan حول المدرسة memperkenalkan pelajar kepada persekitaran rumah dan sekolah, termasuk nama bilik, perabot, alat dan tempat di sekolah sambil membina ayat mudah untuk mengaitkan perkataan dengan situasi sebenar. Seterusnya, subtopik الأفعال menekankan penggunaan kata kerja mengikut masa lampau dan kini, dengan fokus pada pembinaan ayat lengkap dan mudah difahami. Akhir sekali, subtopik

الأرقام والأعداد memperluaskan penguasaan pelajar dalam nombor daripada 1 hingga 1000, membolehkan mereka menulis, menyebut dan menggunakan nombor dalam ayat sehari-hari.

Kesemua subtopik ini dilaksanakan melalui aktiviti membaca, menulis, menyebut, latihan ayat dan interaksi dalam konteks kehidupan sebenar. Dengan pendekatan ini, murid dapat menguasai bahasa Arab secara berperingkat, meningkatkan kefahaman kosa kata, penggunaan ayat dan nombor serta membina asas komunikasi yang lebih mantap. Silibus Tahun 4 ini menyediakan pelajar untuk menghadapi pembelajaran yang lebih kompleks pada tahun berikutnya dengan keyakinan dan kemahiran bahasa yang lebih baik.

4.2.5 Silibus Tahun 5

Dalam silibus PdP bahasa Arab Tahun 5 KAFA, fokus pembelajaran diringkaskan kepada tiga subtopik utama yang memberi penekanan kepada penguasaan kosa kata khusus serta penggunaannya dalam situasi harian. Walaupun bilangan subtopik lebih sedikit berbanding tahun sebelumnya, kandungannya disusun dengan lebih terperinci agar pelajar dapat memahami dan mengaplikasikan perkataan dengan lebih tepat dalam pembinaan ayat. Subtopik yang dipelajari adalah seperti berikut:

a) ***الحيوانات***
b) ***المأكولات والمشروبات***
c) ***في المطبخ***

Silibus bahasa Arab KAFA tahun 5 adalah lebih memfokuskan kepada penghafalan perkataan-perkataan baru dalam bahasa Arab yang bertujuan untuk menambah kosa kata pelajar. Subtopik yang pertama bagi silibus Tahun 5 ialah الحيوانات yang membawa maksud haiwan-haiwan. Seperti kesinambungan pembelajaran dari tahun sebelumnya, subtopik ini menekankan penguasaan kosa kata yang berkaitan dengan persekitaran pelajar. Dalam subtopik ini, pelajar akan mempelajari beberapa perkataan baharu berkaitan haiwan dalam bahasa Arab. Semua haiwan ini dibahagikan kepada lima kategori utama bagi memudahkan pemahaman, iaitu haiwan buas, haiwan jinak, burung, binatang laut dan serangga. Setiap perkataan yang dipelajari akan

digunakan dalam pembinaan ayat mudah agar pelajar terbiasa menggunakan kosa kata tersebut dalam konteks sebenar.

Jadual 4.28
Subtopik Pertama Tahun 5

Kategori	Bahasa Arab	Maksud
Haiwan Buas	قرد	Monyet
	ثعبان	Ular
	فيل	Gajah
	دب	Beruang
	نمر	Harimau
	تمساح	Buaya
	أسد	Singa
Haiwan Jinak	بقرة	Lembu
	كلب	Anjing
	ماعز	Kambing
	أرنب	Arnab
	بط	Itik
	ديک	Ayam
Burung	عصفور	Burung Pipit
	حمامة	Burung Merpati
	ببغاء	Burung Kakak Tua
Binatang Laut	سرطان	Ketam
	حوت	Ikan Paus
Serangga	جرادة	Belalang
	فراشة	Rama-rama

Subtopik kedua dalam silibus Tahun 5 ialah المأكولات والمشروبات yang bermaksud makanan-makanan dan minuman-minuman. Seperti pembelajaran tahun sebelumnya, subtopik ini menekankan penguasaan kosa kata asas yang mudah dan berkait rapat dengan kehidupan harian pelajar. Dalam subtopik ini, perkataan-perkataan yang dipelajari dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu makanan dan minuman. Semua makanan dan minuman yang diperkenalkan adalah jenis yang biasa ditemui dan sering digunakan dalam kehidupan seharian. Pelajar juga didedahkan dengan cara menyebut perkataan tersebut dengan betul serta penggunaannya dalam ayat yang mudah agar lebih difahami dalam komunikasi harian.

Jadual 4.29
Subtopik Ke-2 Tahun 5

Kategori	Perkataan Arab	Maksud
Minuman	بوظة	Aiskrim
	شاي بارد	Teh Sejuk
	شاي ساخن	Teh Panas
	عصير البرتقالي	Jus Oren
	قهوة باردة	Kopi Sejuk
	قهوة ساخنة	Kopi Panas
	ماء بارد	Air Sejuk
Makanan	أرز	Nasi
	كعك	Kek
	خبز	Roti
	مكرونة	Mee
	خضراوات	Sayur-Sayuran
	لحم	Daging
	دجاج	Ayam
	سمك	Ikan

Subtopik yang terakhir bagi silibus Tahun 5 ialah في المطبخ yang bermaksud di dapur. Seperti kesinambungan pembelajaran pada tahun-tahun sebelumnya, subtopik ini memberi fokus kepada penguasaan kosa kata baharu yang berkaitan dengan persekitaran rumah, khususnya di bahagian dapur. Dalam subtopik ini, pelajar akan mempelajari pelbagai jenis peralatan dapur yang sering digunakan dalam kehidupan harian. Setiap perkataan baharu ini perlu dihafal oleh pelajar bagi menambah bilangan kosa kata dalam bahasa Arab. Selain itu, perkataan-perkataan tersebut juga akan digunakan dalam latihan pembinaan ayat mudah agar pelajar dapat memahami dan menggunakan istilah tersebut dengan betul dalam membuat ayat.

Jadual 4.30
Subtopik Ke-3 Tahun 5

Bil	Bahasa Arab	Maksud
1	ملعقة	Sudu
2	شوكة	Garfu
3	فنجان	Cawan
4	كوب	Gelas
5	صحن	Pinggan

Bil	Bahasa Arab	Maksud
6	مغرقة	Senduk
7	مقلاة	Kuali
8	سكين	Pisau
9	غار	Tong Gas
10	موقد	Dapur Gas
11	قدر	Periuk
12	إبريق	Cerek
13	غلاية	Pemanas Air
14	خلاط	Alat Pengisar
15	فرن	Ketuhar
16	ثلاجة	Peti Sejuk

4.2.6 Kesimpulan Silibus Tahun 1 Hingga Tahun 5

Secara keseluruhannya, struktur kurikulum bahasa Arab di sekolah KAFA dibangunkan secara berperingkat daripada Tahun 1 hingga Tahun 5 dengan penekanan kepada penguasaan asas bahasa yang progresif. Pada peringkat awal iaitu Tahun 1 dan Tahun 2, pengajaran difokuskan kepada pengenalan huruf hijaiyah, nombor, kosa kata asas serta ayat mudah yang berkaitan dengan kehidupan seharian murid. Seterusnya, bermula Tahun 3 hingga Tahun 4, kurikulum diperluaskan kepada tema-tema khusus seperti haiwan, keluarga, masa dan persekitaran, di samping pengenalan tatabahasa ringkas bagi membentuk kefahaman struktur ayat. Memasuki Tahun 5, murid didedahkan kepada topik yang lebih kompleks termasuk penggunaan kata arah, kata sifat, jam dan waktu serta pembinaan ayat yang lebih teratur. Penyusunan ini jelas menunjukkan bahawa kurikulum bahasa Arab KAFA dirancang secara bertahap untuk memastikan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dicapai secara menyeluruh. Hal ini selaras dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengenal pasti struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA, yang terbukti mempunyai aliran berasaskan perkembangan kognitif dan kebolehan berbahasa murid.

4.3 Tahap Penguasaan Pelajar di Daerah Jelebu

Bagi menjawab objektif kajian kedua, tahap penguasaan pelajar terhadap struktur kurikulum bahasa Arab perlu dilihat dengan lebih jelas. Oleh itu, kajian ini meneliti sejauh mana pelajar benar-benar memahami apa yang telah dipelajari sepanjang proses PdP. Untuk mendapatkan gambaran yang tepat, pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPKK dijadikan sebagai rujukan utama kerana keputusan peperiksaan ini mencerminkan tahap pemahaman mereka terhadap kandungan yang diajar. Melalui keputusan tersebut, kita dapat melihat sekolah mana yang menunjukkan pencapaian baik, sederhana atau memerlukan perhatian tambahan. Semua keputusan peperiksaan bagi sekolah-sekolah di daerah Jelebu disusun dan dipaparkan dalam jadual di bawah untuk memudahkan proses perbandingan dan analisis.

Jadual 4.31
Analisis Keputusan UPKK

Kategori Sekolah	Nama Sekolah	2022	2023	2024	Purata 3 Tahun	Tahap Pencapaian
Cemerlang	SK Peradong	1.78	1.36	1.68	1.61	Cemerlang
	SJKC Chun Yin	2.58	0.00	2.00	2.29	Cemerlang
Kurang Memuaskan	SK Felda Pasoh 4	3.30	3.19	3.50	3.33	Kurang Cemerlang
	SK Putra	3.40	3.88	0.00	3.64	Kurang Cemerlang

Analisis keputusan peperiksaan UPKK bagi subjek bahasa Arab KAFA di daerah Jelebu bagi tahun 2022 hingga 2024 memperlihatkan variasi pencapaian yang jelas antara sekolah cemerlang dan sekolah yang kurang cemerlang. Sekolah Kebangsaan Peradong menunjukkan prestasi yang konsisten dengan gred purata 1.78 pada tahun 2022, menurun kepada 1.36 pada tahun 2023 (lebih baik), dan sedikit meningkat kepada 1.68 pada tahun 2024. Purata keseluruhan sepanjang tiga tahun ialah 1.61, sekali gus meletakkannya dalam kategori cemerlang.

Sekolah Jenis Kebangsaan Chun Yin pula merekodkan gred purata 2.58 pada tahun 2022, tiada calon pada tahun 2023, dan kembali mencatatkan gred purata 2.00 pada tahun 2024. Walaupun terdapat ketidakkonsistenan disebabkan ketiadaan calon,

purata keseluruhan pencapaiannya ialah 2.29, yang masih dikategorikan sebagai cemerlang.

Bagi kategori kurang cemerlang, Sekolah Kebangsaan Felda Pasoh 4 mencatatkan gred purata 3.30 pada tahun 2022, sedikit menurun kepada 3.19 pada 2023, namun meningkat semula kepada 3.50 pada tahun 2024, dengan purata keseluruhan 3.33. Sekolah Kebangsaan Putra pula memperlihatkan prestasi yang lebih mencabar dengan gred purata 3.40 pada tahun 2022, meningkat kepada 3.88 pada tahun 2023 (paling lemah antara semua sekolah), dan tiada calon pada tahun 2024. Purata keseluruhan pencapaiannya ialah 3.64 yang juga berada dalam kategori kurang cemerlang.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa sekolah yang berada dalam kategori cemerlang berjaya mengekalkan prestasi bahasa Arab KAFA pada tahap baik sepanjang tempoh tiga tahun, manakala sekolah yang berada pada tahap kurang memuaskan menunjukkan pola gred purata yang tinggi, menandakan kelemahan berterusan dalam penguasaan pelajar. Jurang pencapaian ini memberikan gambaran bahawa faktor keberkesanan pedagogi, motivasi pelajar dan sokongan pihak sekolah memberi kesan signifikan terhadap tahap penguasaan bahasa Arab KAFA. Justeru, intervensi yang bersifat menyeluruh perlu dilaksanakan untuk membantu sekolah yang kurang memuaskan agar jurang pencapaian dapat dikurangkan.

4.4 Amalan Pengajaran Guru KAFA

Dalam bahagian ini akan tertumpu kepada perbincangan terhadap laporan dapatan kajian yang sebenar. Dapatan kajian merupakan hasil bagi menjawab persoalan kajian dan juga objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab satu. Hasil daripada kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif.

Dalam fasa pengumpulan data kajian ini telah melibatkan dua guru dari sekolah KAFA yang cemerlang di daerah Jelebu sebagai responden utama dan dua orang guru dari sekolah KAFA yang mendapat pencapaian yang kurang cemerlang sebagai responden sokongan. Sebarang maklumat sulit akan dirahsiakan dan tidak akan dinyatakan dalam dapatan kajian ini. Sumber dapatan kajian yang utama adalah diperoleh melalui temu bual yang dilakukan secara atas talian.

Bagi menjaga kerahsiaan penulisan bab ini, pengkaji meletakkan label tertentu bagi setiap responden.

a) Guru A merujuk kepada responden yang pertama dari sekolah yang cemerlang.

b) Guru B merujuk kepada responden yang kedua dari sekolah yang cemerlang.

c) Guru C merujuk kepada responden yang ketiga dari sekolah yang kurang cemerlang.

d) Guru D merujuk kepada responden yang keempat dari sekolah yang kurang cemerlang

4.4.1 Latar Belakang Responden

Seramai dua orang guru telah dipilih sebagai responden utama kajian kes ini. Mereka terdiri daripada guru-guru kelas agama petang di sekolah rendah daerah Jelebu. Mereka telah dilantik khusus dalam mengajar subjek bahasa Arab kepada murid-murid yang mengambil bahasa Arab di sekolah. Selain itu, responden utama telah berkhidmat lebih daripada lima tahun sebagai seorang guru bahasa Arab. Hal ini menunjukkan mereka mempunyai banyak pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Arab. Pemilihan mereka sebagai responden utama adalah kerana pencapaian mereka yang membawa sekolah mereka mendapat kedudukan cemerlang dalam UPKK.

Selain itu, dua orang guru yang lain telah dipilih sebagai responden sokongan dalam kajian kes ini. Mereka terdiri daripada guru-guru kelas agama petang di sekolah rendah di daerah Jelebu. Mereka juga merupakan guru yang dikhususkan untuk mengajar murid-murid dalam subjek bahasa Arab. Kedua-dua responden ini juga telah berkhidmat lebih dari lima tahun sebagai seorang tenaga pengajar. Mereka dipilih untuk dijadikan perbandingan atas sebab pencapaian sekolah mereka dalam UPKK yang kurang cemerlang.

4.4.1.1 Guru A

Guru A merupakan responden utama daripada sekolah yang cemerlang dalam kajian kes ini. Sesi temu bual secara atas talian telah dilakukan untuk melihat sejauhmanakah dapatan objektif kajian dapat dihasilkan.

Guru A ialah seorang guru perempuan Pendidikan Islam dan bahasa Arab berumur 42 tahun. Beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Peradong, Negeri Sembilan dan telah mengajar subjek Pendidikan Islam dan bahasa Arab selama dua puluh tahun

bermula dari tahun 2005. Sekolah tersebut merupakan sekolah luar bandar dan terletak di daerah Jelebu, Negeri Sembilan.

4.4.1.2 Guru B

Guru B merupakan responden utama daripada sekolah yang cemerlang dalam kajian kes yang dijalankan ini. Sesi temu bual secara atas talian telah dilaksanakan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkkan.

Guru B ialah seorang guru lelaki yang berumur di lingkungan umur 30-an. Beliau mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chun Yin, Negeri Sembilan. Beliau telah mengajar subjek bahasa Arab selama 5 tahun bermula pada tahun 2020. Sekolah tersebut merupakan sekolah luar bandar dan terletak di daerah Jelebu, Negeri Sembilan.

4.4.1.3 Guru C

Guru C merupakan responden sokongan daripada sekolah yang kurang cemerlang dalam kajian kes ini. Responden ini juga turut dijalankan sesi temu bual secara atas talian bagi menambah sokongan dalam melihat sejauhmanakah objektif kajian kes ini.

Guru C ialah seorang guru lelaki yang berumur dalam lingkungan 50-an. Beliau telah berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Putra, Negeri Sembilan selama lima belas tahun. Beliau juga merupakan guru yang dikhususkan dalam mengajar subjek bahasa Arab. Sekolah tersebut merupakan sekolah luar bandar di daerah Jelebu dan juga mempunyai sebahagian daripadanya murid dari kalangan orang asli.

4.4.1.4 Guru D

Responden sokongan yang kedua juga dipilih daripada sekolah yang kurang cemerlang dalam kajian kes ini. Responden ini juga turut dilakukan sesi temu bual secara atas talian.

Guru D ialah seorang guru perempuan yang berumur dua puluh lapan tahun. Beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Felda Pasoh 4, Negeri Sembilan dan telah mengajar subjek bahasa Arab selama lima tahun. Sekolah tersebut merupakan sekolah luar bandar dan terletak di daerah Jelebu, Negeri Sembilan.

4.4.2 Amalan Pengajaran

Dapatan kajian kes ini merujuk kepada data yang diperoleh bagi menjawab persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, serta bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Data diperoleh daripada pengakuan responden kajian, iaitu Guru A, Guru B, Guru C dan Guru D melalui sesi temu bual yang dijalankan secara atas talian.

Hasil dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian utama berdasarkan prestasi sekolah dalam UPKK. Bahagian pertama merangkumi data daripada sekolah yang memperoleh keputusan cemerlang, manakala bahagian kedua melibatkan data daripada sekolah yang mencatat keputusan kurang cemerlang dalam UPKK. Pembahagian ini bertujuan untuk membandingkan amalan pengajaran guru serta mengenal pasti faktor yang menyumbang kepada perbezaan prestasi pelajar.

a) Sekolah Yang Cemerlang

i) Guru A

Amalan pengajaran yang telah dipraktikkan oleh Guru A telah direkodkan melalui sesi temu bual dan berikut merupakan beberapa respon atau jawapan yang telah diberikan melalui sesi temu bual tersebut:

> *Saya telah menggunakan tiga jenis amalan pengajaran dan pembelajaran sepanjang bertahun saya berkhidmat di sekolah ini dan bagi saya ianya sangat efektif kepada murid-murid yang saya kendali, antaranya ialah setiap kali saya selesai mengajarkan silibus bahasa Arab yang saya mahu pada hari tersebut, saya akan terus memberikan kepada murid-murid saya latih tubi mengikut silibus pada hari tersebut. Latih tubi tersebut diberikan dalam dua cara iaitu dengan saya menulis dipapan putih ataupun saya printkan daripada computer. Seterusnya, ada hari kelas berlangsung saya akan menyuruh para pelajar untuk membawa kamus dari rumah atau dipinjam dari perpustakaan untuk mencari perkataan-perkataan bahasa Arab di dalam kamus tersebut. Akhir sekali, pada tiap kali sebelum ujian yang penting berlangsung saya akan memberikan kepada murid kertas-kertas soalan peperiksaan tahun-tahun yang lepas untuk dijawab oleh pelajar.*

(Guru A, 2025)

Kaedah yang pertama adalah kaedah latih tubi yang telah diberikan oleh Guru A ini adalah salah satu cara yang juga digunakan mengikut Model Latihan Terus. Selepas sahaja Guru A menerangkan dan mengajarkan silibus beliau terus memberikan pelajar latih tubi untuk menunjukkan pelajar proses bagaimana ilmu yang diperolehi itu digunakan dengan betul. Menurut Mohd Ismail Mustari, Kamarul Azmi Jasmi, Azhar Muhammad dan Rahmah Yahya (Januari 2012) model ini adalah menekankan aspek pemerhatian guru kepada pelajar terhadap apa yang diajarkan kepada mereka dan dilakukan semula melalui latihan. Selain itu, teori sosial juga telah digunapakai dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran ini. Dalam teori ini para pelajar akan melihat kepada apa yang telah diajarkan oleh guru dan dapat terus ditiru dan dipraktikkan oleh pelajar melalui latih tubi yang diberi lantas dapat memberikan kesan yang optimum kepada pelajar.

Kaedah kedua yang telah digunakan adalah dengan cara pencarian perkataan-perkataan baru bahasa Arab melalui penggunaan kamus bahasa Arab. Kaedah ini adalah kaedah yang mengikut kepada teori kognitif. Dalam konsep teori kognitif ini para pelajar adalah diuji dalam proses penyelesaian masalah dan celik akal iaitu dengan membuat pencarian dan penemuan secara sendiri. Dengan cara pencarian perkataan-perkataan baru melalui penggunaan kamus para pelajar akan lebih dapat menyimpan dan menyusun maklumat dalam ingatan.

Kaedah yang ketiga pula adalah dengan membuat latihan menjawab soalan-soalan peperiksaan tahun-tahun yang sebelumnya. Kaedah ini adalah merupakan prinsip yang sama sebagaimana kaedah yang pertama. Dengan cara latihan secara terus dan berterusan dapat memberikan kesan yang sangat memberangsangkan kerana pelajar kerap membuat soalan dalam konteks yang sama berkali-kali maka kebiasaan dalam menjawab soalan juga dapat membantu pelajar secara tidak sedar mengetahui jawapan yang diperlukan.

ii) Guru B

Amalan pengajaran bagi Guru B juga telah direkodkan dengan melakukan sesi temu bual secara atas talian. Berikut merupakan rekod data yang telah diperolehi daripada sesi temu bual tersebut:

Kaedah saya mengajar bahasa arab ni, bahasa arab ni bagi saya selepas kita mengajar tu kita kene banyakkan soal jawab dengan anak murid supaya kita boleh menilai sejauh mana yang mereka bole dapat apa yang kita ajar. Selain itu, kita boleh beri latihan tubi, selepas mengajar kita kene banyakkan latihan tubi bagi dia menulis apa yang kita ajar. Selepas itu, sebelum nak memulakan topik lain, kene ingatkan balik topik sebelum ini, bahasa arab kene banyak mengingat, berfikir, banyak hafal dan yang penting kene sering bertanya setiap kali nak mengajar bagi ada komunikasi dua hala. Dengan itu kita boleh kesan anak murid kita dapat ke tak apa yang kita ajar sebelum-sebelum ni.

(Guru B, 2025)

Hasil temu bual yang dijalankan menunjukkan bahawa kaedah soal jawab merupakan salah satu pendekatan yang kerap digunakan oleh guru B dalam sesi pengajaran beliau. Menurut responden, kaedah ini dapat menarik perhatian pelajar kerana mereka lebih aktif apabila dilibatkan secara langsung dalam perbincangan. Guru B juga berpendapat bahawa soal jawab dapat membantu mengenal pasti tahap kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran yang telah disampaikan. Mengikut kaedah Model Pengajaran Sim, proses pengajaran yang melibatkan interaksi antara guru dan murid dapat menghasilkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan proses pengajaran dapat dicapai ke tahap yang optimum. Dengan cara ini, guru B dapat menyesuaikan penerangan seterusnya mengikut keperluan murid, di samping melatih mereka berfikir secara kritis dan pantas.

Selain itu, temu bual bersama Guru B turut mendedahkan bahawa kaedah latihan tubi sering diaplikasikan. Menurut responden, latihan tubi yang dijalankan secara berulang-ulang membolehkan pelajar lebih cekap dan yakin dalam menyelesaikan soalan. Malah, Guru B berpendapat bahawa melalui kaedah ini pelajar lebih mudah mengingati langkah dan teknik yang betul serta dapat mengurangkan kesalahan yang berulang. Bagi Guru B, latihan tubi juga dianggap sebagai kaedah yang sesuai untuk pelajar yang lemah kerana mereka mendapat peluang berulang kali mencuba sehingga berjaya menguasai sesuatu kemahiran. Menurut Model Latihan Terus kaedah seperti ini dapat merangsang pelajar untuk segera mengikut dan meniru apa yang diajar guru dengan lebih baik.

Seterusnya, dapatan temu bual juga mendapati Guru B lebih cenderung untuk memulakan kelas dengan sesi ulangkaji ringkas sebelum masuk ke topik baharu. Guru

B berpandangan bahawa ulangkaji ini membantu mengingatkan semula isi pelajaran yang telah dipelajari, sekali gus menyediakan murid dengan asas yang lebih kukuh untuk menerima pengetahuan seterusnya. Ulangkaji sebelum kelas turut berfungsi sebagai pengukuhan dan mampu meningkatkan keyakinan pelajar untuk mengikuti pembelajaran.

b) Sekolah Yang Kurang Cemerlang

i) Guru C

Amalan pengajaran Guru C yang dikategorikan dalam sekolah yang kurang cemerlang juga telah direkodkan. Ianya telah dilaksanakan dengan melakukan sesi temu bual secara atas talian. Berikut merupakan rekod data yang telah diperolehi dari sesi temu bual tersebut.

> *Cara pengajaran bahasa Arab yang saya lakukan di sekolah ini dengan tiga cara, yang pertama adalah dengan penggunaan flashcard, yang kedua menyanyi dan yang ketiga adalah dengan melakukan aktiviti berkumpulan.*

(Guru C, 2025)

Hasil temu bual bersama Guru C menunjukkan bahawa penggunaan *flashcard* merupakan salah satu kaedah yang dianggap sangat membantu dalam proses pengajaran bahasa Arab. Guru C menyatakan bahawa bahan bantu mengajar ini memudahkan pelajar mengenal perkataan baharu dengan lebih cepat kerana maklumat dipersembahkan dalam bentuk visual yang ringkas dan menarik. Responden juga menegaskan bahawa *flashcard* dapat meningkatkan daya ingatan pelajar kerana mereka dapat mengaitkan perkataan dengan imej secara langsung. Hal ini juga diterangkan dalam konsep Teknik yang mana tingkah laku guru yang pelbagai dapat lebih menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab.

Selain itu, dapatan temu bual mendapati kaedah menyanyi lagu bahasa Arab turut menjadi pilihan Guru C sebagai pendekatan yang kreatif dan menyeronokkan. Menurut Guru C, aktiviti menyanyi lagu dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dan struktur ayat dalam bahasa Arab dengan lebih mudah melalui irama yang berulang-ulang. Responden juga menekankan bahawa lagu memberi kesan positif terhadap emosi

pelajar kerana ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang santai dan tidak menekan. Malah, pelajar dilihat lebih bersemangat untuk mengulangi perkataan dan frasa apabila ia digabungkan dengan melodi yang mudah diingati. Justeru, kaedah ini dianggap sesuai digunakan bagi meningkatkan motivasi serta penguasaan asas bahasa Arab di kalangan pelajar.

Seterusnya, aktiviti berkumpulan juga dikenal pasti sebagai kaedah penting yang diamalkan oleh Guru C untuk menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan pelajar. Berdasarkan temu bual, Guru C berpandangan bahawa aktiviti berkumpulan dapat melatih pelajar bekerjasama, berbincang dan bertukar pandangan antara satu sama lain dalam menyelesaikan tugasan bahasa Arab. Menurut Model Inkuiri, pelajar akan mengenal pasti masalah, membuat hipotesis dan berunding antara satu sama lain untuk mendapatkan jawapan dan membuat rumusan hasil daripada perbincangan tersebut. Responden menegaskan bahawa aktiviti seperti ini membantu pelajar yang lemah kerana mereka mendapat sokongan daripada rakan-rakan yang lebih mahir. Pada masa yang sama, Guru C mendapati aktiviti berkumpulan menjadikan kelas lebih aktif, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan memfokuskan kepada pelajar.

ii) Guru D

Amalan pengajaran bagi Guru D juga telah direkodkan dengan melakukan sesi temu bual secara atas talian. Berikut merupakan rekod data yang telah diperolehi daripada sesi temu bual tersebut.

> *Antara aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang saya lakukan di sekolah ini adalah bernyanyi sambil menunjukkan perkataan bahasa Arab, yang kedua cari pasangan dan lakonkan semula perbualan dalam bahasa Arab. Yang ketiga adalah dengan menjawab teka teki gambar dan perkataan bahasa Arab*

(Guru D, 2025)

Hasil temu bual bersama Guru D menunjukkan bahawa kaedah nyanyian sambil menunjukkan perkataan bahasa Arab dianggap sangat berkesan dalam membantu pelajar menguasai kosa kata baharu. Menurut Guru D, penggabungan melodi dengan

perkataan bertulis membolehkan pelajar lebih mudah mengingat perkataan kerana maklumat diterima melalui deria pendengaran dan penglihatan serentak. Guru D menekankan bahawa teknik ini bukan sahaja menjadikan suasana kelas lebih ceria, tetapi juga mampu menarik minat pelajar yang pada awalnya kurang bermotivasi untuk belajar bahasa Arab. Dalam konsep pendekatan, telah diterangkan bahawa melakukan apa sahaja aktiviti yang dapat mencapai objektif pembelajaran dengan itu dengan aktiviti nyanyian ini dapat membuat pelajar lebih tertarik untuk mempelajari bahasa Arab dan tidak mudah bosan.

Selain itu, dapatan temu bual mendapati bahawa aktiviti mencari pasangan berkomunikasi turut diamalkan oleh Guru D sebagai satu bentuk permainan pendidikan yang menyeronokkan. Menurut Guru D, kaedah ini membantu pelajar menguasai kosa kata melalui aktiviti bersama pasangan mencari padanan antara perkataan dan gambar atau antara perkataan dengan maksudnya. Justeru, kaedah ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran mengenal perkataan, malah turut menggalakkan kerjasama dan persaingan sihat dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, Guru D yang ditemu bual juga menekankan keberkesanan aktiviti lakonan semula perbualan dan teka-teki gambar serta perkataan bahasa Arab dalam kelas. Menurut responden, kaedah lakonan semula membantu pelajar mempraktikkan bahasa Arab dalam situasi yang lebih realistik, sekali gus meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur. Guru D turut menyatakan bahawa aktiviti menjawab teka-teki gambar dan perkataan dapat mencabar minda pelajar untuk mengingat kembali kosa kata yang telah dipelajari dengan cara yang lebih kreatif.

Secara umumnya, pendekatan yang digunakan oleh responden dalam mengajar subjek bahasa Arab dapat dilihat melalui beberapa aspek yang telah diteliti dalam kajian ini. Pendekatan-pendekatan ini merangkumi cara mereka merancang pengajaran, kaedah yang digunakan semasa proses PdP, serta bagaimana mereka membantu murid memahami isi pelajaran dengan lebih berkesan. Bagi memberikan gambaran yang lebih teratur dan mudah difahami, maklumat mengenai amalan pengajaran tersebut telah disusun dan dipaparkan dalam jadual berikut.

Jadual 4.32
Amalan Pengajaran Responden

Guru	Kaedah / Aktiviti	Teori / Model Berkaitan	Tujuan / Kesan kepada Pelajar
Guru A	Latih tubi selepas penerangan	Model Latihan Terus, Teori Sosial	Pelajar meniru cara guru, mempraktikkan ilmu dengan betul, meningkatkan keberkesanan pembelajaran
	Pencarian perkataan melalui kamus	Teori Kognitif	Melatih pelajar berfikir, menyelesaikan masalah, menyimpan & menyusun maklumat dalam ingatan
	Latihan menjawab soalan peperiksaan lepas	Model Latihan Terus	Membiasakan pelajar dengan bentuk soalan, meningkatkan keyakinan dan ketepatan
Guru B	Soal jawab	Model Pengajaran Sim	Pelajar lebih aktif, membantu guru menilai kefahaman, melatih pemikiran kritis
	Latihan tubi berulang	Model Latihan Terus	Pelajar lebih cekap, yakin, mengurangkan kesalahan, sesuai untuk pelajar lemah
	Ulangkaji sebelum topik baharu	-	Mengingat semula isi pelajaran, meningkatkan keyakinan, menyediakan asas kukuh
Guru C	*Flashcard*	Konsep Teknik	Memudahkan pelajar mengenal perkataan baharu secara visual, meningkatkan daya ingatan
	Nyanyian lagu bahasa Arab	-	Suasana pembelajaran santai, meningkatkan motivasi, membantu hafalan kosa kata & ayat
	Aktiviti berkumpulan	Model Inkuiri	Melatih kerjasama, perbincangan, membantu pelajar lemah, menjadikan kelas aktif & menyeronokkan
Guru D	Nyanyian sambil menunjukkan perkataan	Pendekatan (berpusatkan objektif)	Gabungan audio & visual, menarik minat pelajar, menjadikan kelas ceria
	Permainan mencari pasangan	-	Menguasai kosa kata melalui kerjasama & persaingan sihat
	Lakonan semula perbualan	-	Mempraktikkan bahasa dalam situasi realistik, meningkatkan keyakinan bertutur
	Teka-teki gambar & perkataan	-	Melatih ingatan kosa kata dengan cara kreatif

4.4.3 Ciri-ciri Pengajaran Yang Baik

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa harapan dan cadangan telah dikemukakan oleh setiap responden yang menjawab temu bual ini yang juga mengajar subjek bahasa Arab di sekolah rendah KAFA. Hal ini adalah bertujuan bagi meningkatkan lagi kualiti pendekatan PdP. Setiap responden memberikan pandangan yang berbeza mengikut pengalaman dan keperluan PdP yang mereka lalui. Harapan dan cadangan tersebut merangkumi aspek perkongsian ilmu bersama guru lain, penganjuran kursus pendedahan, penambahan masa pengajaran, latihan alternatif untuk guru serta pelaksanaan aktiviti kreatif yang dapat menarik minat murid. Secara keseluruhannya, pandangan ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan dalam memperbaiki mutu PdP bahasa Arab di sekolah rendah KAFA.

Dalam sesi temu bual bersama dengan setiap responden iaitu Guru A, Guru B, Guru C dan Guru D, salah satu soalan yang telah ditanya adalah "Apakah ciri-ciri guru yang mempunyai pendekatan PdP yang baik?". Oleh itu, dalam bahagian ini akan disertakan bersama respon daripada setiap responden yang telah diperolehi.

Menurut Guru A, ciri utama seorang guru yang mempunyai pendekatan PdP yang baik adalah kepekaan terhadap kemampuan murid. Seorang guru perlu memahami tahap penguasaan pelajar agar kaedah pengajaran yang digunakan sesuai dengan kebolehan mereka. Dengan cara ini, guru dapat memastikan setiap murid tidak tercicir dalam pembelajaran dan dapat mengikuti pengajaran dengan lebih berkesan.

Pandangan Guru B pula menekankan bahawa seorang guru yang berkesan ialah guru yang sentiasa mengemaskini pengajaran berdasarkan bahagian yang tidak difahami oleh pelajar. Guru juga perlu kerap memberikan latihan sebagai pengukuhan agar murid dapat menguasai isi pelajaran dengan lebih mantap. Kaedah ini bukan sahaja membantu pelajar memahami kandungan pembelajaran, malah turut melatih mereka untuk lebih yakin dan konsisten dalam menjawab soalan.

Bagi Guru C, ciri penting seorang guru yang mempunyai pendekatan PdP yang baik adalah sifat sabar, penyayang dan kreatif. Kesabaran membolehkan guru melayani pelajar dengan pelbagai tahap kebolehan, sifat penyayang pula menimbulkan rasa selesa dalam kalangan pelajar, manakala kreativiti menjadikan proses pengajaran lebih menarik dan mudah difahami. Kombinasi sifat-sifat ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang positif dan menyeronokkan, sekali gus meningkatkan motivasi pelajar untuk terus belajar.

Sementara itu, Guru D menegaskan bahawa seorang guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan suasana kelas lebih menarik dan tidak membosankan. Dengan variasi kaedah yang digunakan, pelajar lebih terdorong untuk memberi perhatian dan aktif terlibat dalam sesi pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa kepelbagaian pendekatan dapat membantu memenuhi gaya pembelajaran pelajar yang berbeza serta meningkatkan keberkesanan PdP secara menyeluruh.

4.4.4 Pandangan dan Cadangan

Menurut Guru A, antara cadangan untuk meningkatkan kualiti pendekatan pengajaran guru-guru bahasa Arab di sekolah rendah KAFA ialah dengan mengadakan perbincangan bersama guru-guru lain. Melalui perbincangan ini, guru dapat berkongsi pengalaman, bertukar idea serta memperoleh teknik pengajaran yang lebih sesuai dengan tahap kebolehan murid. Langkah ini diharapkan dapat memperkayakan lagi pendekatan PdP dan seterusnya memberi manfaat kepada pelajar.

Bagi Guru B pula, harapan utama adalah agar lebih banyak kursus pendedahan dianjurkan kepada tenaga pengajar. Dengan adanya kursus sebegini, guru dapat menambah pengetahuan, menguasai kaedah pengajaran terkini, serta meningkatkan keberkesanan penyampaian dalam kelas. Hal ini akan memastikan mutu PdP lebih teratur, sistematik dan berkesan dalam menarik minat murid.

Pandangan Guru C menekankan kepentingan penambahan masa PdP. Hal ini kerana tempoh pengajaran yang sedia ada iaitu sekitar satu jam bagi setiap sesi, dianggap terlalu singkat untuk mendalami subjek bahasa Arab. Cadangan kedua Guru C adalah supaya guru diberikan latihan kursus alternatif yang dapat memperkasa kemahiran dan meningkatkan profesionalisme guru. Dengan langkah ini, keberkesanan PdP dapat dipertingkatkan dan kualiti pengajaran dapat dipertahankan.

Sementara itu, Guru D mencadangkan agar guru berusaha meningkatkan minat murid terhadap subjek bahasa Arab dengan pelbagai pendekatan yang lebih kreatif. Antaranya termasuklah menganjurkan bengkel subjek bahasa Arab untuk guru, yang berfungsi sebagai medium perkongsian ilmu serta pengembangan strategi PdP. Selain itu, penggunaan kemudahan bahan bantu mengajar (BBM) serta kuiz atas talian turut dicadangkan bagi menambah baik kreativiti guru. Pendekatan ini diyakini dapat

menjadikan pengajaran lebih interaktif, menyeronokkan dan berkesan dalam meningkatkan pencapaian pelajar.

4.5 Kesimpulan

Secara keseluruhan, analisis kajian kualitatif yang dibentangkan dalam Bab 4 ini telah berjaya menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif yang digariskan dalam Bab 1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru telah menggunakan pelbagai kaedah, pendekatan, dan strategi pengajaran bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid. Selain itu, hasil temu bual turut mendedahkan pandangan, harapan dan cadangan guru dalam usaha memperkukuhkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah KAFA. Oleh itu, dapatan kajian ini memberikan gambaran yang jelas mengenai realiti proses PdP di bilik darjah dan seterusnya menjadi asas penting bagi perbincangan serta cadangan penambahbaikan yang akan dihuraikan dalam Bab 5.

BAB 5
RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab Lima ini membincangkan dapatan kajian berkaitan amalan PdP guru dalam subjek bahasa Arab di sekolah KAFA. Perbincangan dijalankan dengan mengaitkan hasil kajian kepada objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan dalam Bab Satu, sambil membuat perbandingan dengan kajian-kajian terdahulu. Penekanan diberikan kepada kekuatan serta cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan proses PdP, khususnya dalam usaha meningkatkan penguasaan murid terhadap bahasa Arab. Selain itu, bab ini merumuskan kesimpulan menyeluruh berdasarkan tema-tema yang dikenal pasti, serta mengemukakan cadangan praktikal yang boleh diaplikasikan oleh guru, pihak sekolah dan pembuat dasar bagi memperkukuh kualiti PdP bahasa Arab di sekolah KAFA.

5.2 Rumusan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneliti amalan PdP guru bahasa Arab KAFA di sekolah-sekolah rendah di daerah Jelebu, Negeri Sembilan. Kajian melibatkan empat buah sekolah yang terletak di kawasan luar bandar, dengan empat orang guru dipilih sebagai responden utama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya melalui kaedah kajian kes. Pengumpulan data dijalankan menggunakan tiga kaedah utama, iaitu temu bual secara mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen.

Bagi mencapai objektif kajian, semua soalan temu bual dan analisis keputusan dirangka berdasarkan kajian-kajian terdahulu serta diselaraskan dengan objektif dan persoalan kajian seperti berikut:

a) Mengkaji struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA di daerah Jelebu.

b) Menganalisis tahap penguasaan subjek bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu.

c) Menilai amalan pengajaran bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA di daerah Jelebu.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, objektif pertama kajian, iaitu untuk mengkaji pasti struktur kurikulum subjek bahasa Arab di sekolah KAFA di daerah Jelebu, telah berjaya dicapai. Hasil kajian mendapati bahawa struktur kurikulum bahasa Arab KAFA dibangunkan secara sistematik dan berperingkat, merangkumi aspek pengetahuan asas bahasa, kemahiran berbahasa serta penguasaan dalam konteks komunikasi harian. Kurikulum ini disusun mengikut tahap pembelajaran murid, bermula daripada pengenalan huruf, kosa kata, kemahiran membaca dan menulis sehingga penguasaan tatabahasa dan kefahaman teks yang lebih kompleks.

Kajian turut mendapati bahawa kurikulum bahasa Arab KAFA menekankan keseimbangan antara teori dan praktikal. Murid bukan sahaja didedahkan dengan aspek tatabahasa, kosa kata dan nahu, tetapi juga diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran komunikasi melalui aktiviti seperti perbualan, bacaan teks dan hafazan. Struktur kurikulum yang menyeluruh ini bertujuan memastikan murid bukan sahaja mampu memahami teks Arab, tetapi juga dapat mengaplikasikannya dalam ibadah harian dan pemahaman agama.

Secara keseluruhan, rumusan bagi objektif pertama menunjukkan bahawa struktur kurikulum KAFA adalah jelas, tersusun dan relevan dengan matlamat Pendidikan Islam yang lebih luas. Kurikulum ini menjadi asas penting dalam membina penguasaan awal bahasa Arab dalam kalangan murid, sekaligus menjadi landasan untuk pembelajaran di peringkat lebih tinggi. Walau bagaimanapun, hasil kajian juga menunjukkan adanya ruang untuk penambahbaikan terutamanya dari aspek penyelarasan antara sukatan pelajaran dengan kaedah pengajaran guru agar matlamat kurikulum dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Bagi objektif kedua, iaitu menganalisis tahap penguasaan subjek bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah KAFA di daerah Jelebu, dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berbeza mengikut kemahiran bahasa yang dinilai. Secara keseluruhan, tahap penguasaan berada pada tahap sederhana. Sebahagian pelajar menunjukkan keupayaan baik dalam aspek asas seperti pengecaman huruf, sebutan dan pembacaan teks mudah. Namun, apabila melibatkan kemahiran lebih kompleks seperti

penulisan ayat, pembinaan struktur tatabahasa dan kefahaman teks panjang, penguasaan pelajar masih belum memuaskan.

Dapatan juga menunjukkan bahawa perbezaan tahap penguasaan dipengaruhi oleh faktor seperti latar belakang keluarga, sokongan pembelajaran di rumah dan pengalaman terdahulu dalam mempelajari bahasa Arab. Pelajar yang mendapat sokongan tambahan sama ada daripada keluarga atau kelas luar cenderung menunjukkan penguasaan yang lebih baik berbanding mereka yang hanya bergantung kepada sesi pembelajaran di sekolah KAFA.

Selain itu, tahap penguasaan pelajar turut dipengaruhi oleh kaedah pengajaran guru, bahan bantu mengajar dan keberkesanan pendekatan dalam bilik darjah. Guru yang menggunakan kaedah interaktif seperti perbualan, permainan bahasa atau aktiviti kumpulan dilihat berjaya meningkatkan minat pelajar sekaligus memperbaiki penguasaan mereka. Sebaliknya, pendekatan pengajaran yang terlalu berpusatkan guru dan bergantung sepenuhnya kepada hafalan menyebabkan pelajar kurang menguasai kemahiran komunikasi dan penggunaan bahasa secara praktikal.

Secara keseluruhan, rumusan bagi objektif kedua menunjukkan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar KAFA di daerah Jelebu masih sederhana dan memerlukan penambahbaikan berterusan. Walaupun murid menguasai asas bahasa, kemahiran lanjutan seperti penulisan, kefahaman teks panjang dan penggunaan bahasa dalam komunikasi praktikal masih memerlukan perhatian serius. Justeru, usaha memperkukuh penguasaan pelajar perlu dilaksanakan melalui peningkatan kaedah pengajaran, penyediaan bahan pembelajaran sesuai serta sokongan berterusan daripada guru, ibu bapa dan pihak pengurusan KAFA.

Bagi objektif ketiga, iaitu menilai amalan PdP bahasa Arab guru-guru di sekolah KAFA, hasil kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan PdP mempunyai kekuatan tersendiri, namun masih terdapat cabaran yang perlu diberi perhatian. Guru-guru melaksanakan PdP menggunakan pelbagai kaedah tradisional dan moden bagi memastikan murid menguasai asas bahasa Arab. Antara kaedah yang kerap digunakan ialah hafalan, terjemahan, soal jawab dan latihan bertulis. Pada masa sama, terdapat guru yang mengamalkan kaedah interaktif seperti permainan bahasa, penggunaan kad imbas, nyanyian dan lakonan untuk meningkatkan minat murid.

Kajian juga mendapati bahawa amalan PdP guru banyak dipengaruhi oleh pengalaman mengajar, kreativiti guru dan sokongan pihak sekolah. Guru berpengalaman dan terlatih cenderung menggabungkan pelbagai pendekatan PdP,

manakala guru baharu lebih bergantung kepada sukatan pelajaran literal tanpa banyak pengubahsuaian. Walau bagaimanapun, semua guru menunjukkan komitmen tinggi untuk memastikan matlamat pembelajaran tercapai walaupun berdepan kekangan seperti masa PdP terhad, bilangan murid ramai dan tahap penguasaan berbeza dalam satu kelas.

Secara keseluruhan, rumusan bagi objektif ketiga menunjukkan bahawa amalan PdP guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA berada pada tahap memuaskan dengan kepelbagaian kaedah dan pendekatan yang digunakan. Namun, masih terdapat ruang penambahbaikan terutamanya dalam inovasi PdP, penggunaan teknologi pendidikan, dan latihan berterusan agar guru dapat menyesuaikan kaedah pengajaran mengikut keperluan murid yang pelbagai. Kajian ini menekankan bahawa pengukuhan amalan PdP guru adalah elemen penting dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab murid KAFA, sekaligus menyokong matlamat kurikulum dan visi pendidikan Islam secara menyeluruh.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

5.3.1 Perbincangan Dapatan Bagi Objektif Pertama: Mengkaji Struktur Kurikulum Subjek Bahasa Arab Di Sekolah KAFA

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa struktur kurikulum bahasa Arab di sekolah KAFA disusun dengan teratur dan berperingkat. Penyusunan ini bermula daripada penguasaan asas yang paling awal iaitu pengenalan huruf hijaiyyah, sebelum murid didedahkan kepada kosa kata asas, bacaan teks mudah dan penulisan ayat-ayat pendek. Seterusnya, murid dibimbing kepada penguasaan aspek bahasa yang lebih mencabar seperti tatabahasa (nahu dan sarf) serta kefahaman teks yang lebih kompleks.

Pendekatan ini jelas menunjukkan bahawa kurikulum bahasa Arab KAFA tidak dibangunkan secara tergesa-gesa, sebaliknya mengambil kira tahap perkembangan murid dari sudut kognitif dan kebolehan pembelajaran mereka. Murid diberikan masa untuk membina asas yang kukuh sebelum beralih kepada kemahiran bahasa yang lebih tinggi. Hal ini penting bagi memastikan murid tidak berasa terbeban dan mampu mengikuti proses pembelajaran dengan lebih yakin dan berkesan.

Secara ringkas, dapatan kajian berkaitan struktur kurikulum bahasa Arab KAFA dapat dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

Jadual 5.1
Dapatan Kajian Objektif Pertama

Peringkat Pembelajaran	Fokus Kandungan	Huraian Ringkas
Peringkat awal	Pengenalan huruf hijaiyyah	Murid diperkenalkan dengan bentuk dan bunyi huruf sebagai asas membaca
Peringkat asas	Kosa kata asas	Murid mempelajari perkataan-perkataan mudah yang sering digunakan
Peringkat Pertengahan	Bacaan mudah teks	Murid membaca ayat dan teks dengan bimbingan guru
Peringkat seterusnya	Penulisan ayat pendek	Murid mula membina ayat mudah secara bertulis
Peringkat lanjutan	Tatabahasa (nahu dan sarf)	Murid diperkenalkan dengan struktur ayat dan perubahan kata
Peringkat tinggi	Kefahaman teks kompleks	Murid memahami teks yang lebih panjang dan mencabar

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa kurikulum bahasa Arab KAFA disusun secara berperingkat daripada tahap mudah kepada tahap yang lebih mencabar. Setiap peringkat saling berkait dan berfungsi sebagai asas kepada peringkat seterusnya. Susunan ini membantu murid membina kefahaman secara beransur-ansur tanpa tekanan yang berlebihan.

Penemuan kajian ini adalah selari dengan matlamat pendidikan KAFA yang menekankan penguasaan asas bahasa Arab sebagai kunci utama untuk memahami al-Quran dan teks-teks agama Islam. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2022), penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid KAFA, kelas KAFA bukan sekadar untuk tujuan komunikasi, tetapi lebih kepada membantu murid memahami sumber utama ajaran Islam dengan lebih baik. Oleh itu, penguasaan asas bahasa yang kukuh sangat dititikberatkan dalam kurikulum KAFA.

Selain itu, dapatan kajian ini juga konsisten dengan teori konstruktivisme yang dikemukakan oleh Vygotsky (1978), khususnya konsep *scaffolding* atau sokongan pembelajaran secara bertahap. Dalam konteks ini, murid dibantu sedikit demi sedikit mengikut tahap kebolehan mereka. Guru berperanan memberi bimbingan yang sesuai sehingga murid mampu berdikari dalam pembelajaran bahasa Arab. Pendekatan ini jelas dapat dilihat dalam struktur kurikulum KAFA yang bermula dengan asas sebelum berkembang kepada kandungan yang lebih kompleks.

Kajian lepas oleh Abdul Rahman (2019) turut menyokong dapatan ini apabila beliau mendapati bahawa penyusunan kurikulum secara berperingkat dalam pengajaran bahasa Arab sangat penting bagi mengelakkan murid berasa terbeban, terutamanya pada peringkat awal pembelajaran. Kandungan yang terlalu sukar pada peringkat awal boleh menjejaskan minat dan motivasi murid untuk terus belajar bahasa Arab.

Oleh yang demikian, struktur kurikulum bahasa Arab KAFA yang jelas, tersusun dan berperingkat ini boleh dianggap sebagai satu kekuatan utama dalam sistem pendidikan KAFA. Struktur ini bukan sahaja membantu murid menguasai bahasa Arab secara beransur-ansur, malah menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran bahasa Arab yang lebih menyeluruh pada peringkat seterusnya.

5.3.2 Perbincangan Dapatan bagi Objektif Kedua: Menganalisis Tahap Penguasaan Subjek Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid KAFA Di Daerah Jelebu

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid terhadap bahasa Arab berada pada tahap sederhana. Secara umumnya, murid didapati mampu menguasai kemahiran asas bahasa Arab dengan baik, terutamanya dalam aspek mengenal huruf hijaiyyah, menyebut perkataan dengan sebutan yang betul serta membaca teks-teks mudah yang pendek. Kemahiran asas ini menunjukkan bahawa murid mempunyai asas yang mencukupi untuk mengikuti pembelajaran bahasa Arab yang disediakan dalam kurikulum KAFA.

Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati bahawa murid masih menghadapi kesukaran apabila melibatkan kemahiran bahasa Arab yang lebih kompleks. Antaranya ialah kesukaran menulis ayat yang gramatis, memahami teks yang lebih panjang serta mengaplikasikan tatabahasa seperti nahu dan sarf dengan betul dalam komunikasi lisan dan bertulis. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun murid mempunyai asas yang baik, penguasaan mereka masih belum mencapai tahap yang kukuh untuk menggunakan bahasa Arab secara menyeluruh.

Ringkasan tahap penguasaan murid berdasarkan dapatan kajian ditunjukkan dalam jadual berikut.

Jadual 5.2
Dapatan Kajian Objektif Kedua

Aspek kemahiran Bahasa Arab	Tahap penguasaan	Huraian
Pengenalan huruf hijaiyah	Baik	Murid mampu mengenal dan membezakan huruf dengan betul
Sebutan perkataan	Baik	Murid boleh menyebut perkataan asas dengan sebutan yang tepat
Bacaan teks mudah	Baik	Murid boleh membaca ayat dan teks pendek dengan lancar
Penulisan ayat	Sederhana	Murid masih lemah dalam membina ayat yang baik
Kefahaman teks panjang	Sederhana	Murid sukar memahami maksud keseluruhan teks
Aplikasi tatabahasa	Sederhana	Murid kurang tepat menggunakan nahu dan sarf dalam komunikasi

Berdasarkan jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa penguasaan murid adalah lebih kuat dalam kemahiran asas berbanding kemahiran lanjutan. Keadaan ini selari dengan peringkat perkembangan murid sekolah rendah yang masih memerlukan bimbingan berterusan untuk menguasai aspek bahasa yang lebih abstrak dan kompleks.

Penemuan kajian ini juga seiring dengan kajian oleh Hashim dan Mahmud (2020) yang mendapati bahawa pelajar sekolah rendah di Malaysia sering berhadapan dengan cabaran dalam mempelajari bahasa asing, terutamanya dalam aspek penulisan dan komunikasi. Menurut kajian tersebut, penguasaan bahasa asing pada tahap sederhana adalah perkara biasa, khususnya apabila bahasa tersebut tidak digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian murid.

Selain itu, faktor persekitaran seperti latar belakang keluarga dan kurangnya pendedahan kepada bahasa Arab di luar bilik darjah turut mempengaruhi tahap penguasaan murid. Kebanyakan murid hanya menggunakan bahasa Arab semasa sesi pembelajaran di sekolah, manakala di rumah dan persekitaran seharian, mereka lebih banyak menggunakan bahasa ibunda. Keadaan ini menyebabkan peluang untuk mempraktikkan bahasa Arab menjadi terhad, sekali gus menyukarkan murid untuk menguasai kemahiran lanjutan.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid banyak dipengaruhi oleh strategi PdP yang digunakan oleh guru. Guru yang menekankan aktiviti pengulangan, soal jawab serta latihan bertulis didapati berjaya membantu murid menguasai kemahiran asas bahasa Arab dengan lebih baik. Pendekatan ini sesuai untuk mengukuhkan ingatan dan kefahaman murid terhadap asas bahasa.

Namun demikian, tanpa aktiviti sokongan tambahan di luar bilik darjah seperti latihan kendiri, penggunaan bahan digital atau pendedahan kepada bahasa Arab dalam situasi sebenar, murid masih berdepan dengan kesukaran untuk menguasai kemahiran bahasa Arab pada tahap yang lebih tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kurikulum dan KAFA yang dilaksanakan berkesan pada peringkat asas, terdapat keperluan kepada pendekatan tambahan serta sokongan berterusan bagi meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa tahap penguasaan bahasa Arab murid KAFA berada pada tahap sederhana yang memadai sebagai asas pembelajaran. Namun, usaha penambahbaikan secara berterusan perlu dilakukan, terutamanya dalam memperkukuhkan kemahiran lanjutan agar murid dapat menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

5.3.3 Perbincangan Dapatan Bagi Objektif Ketiga: Menilai Amalan Pengajaran Bahasa Arab Guru-guru Di Sekolah KAFA Di Daerah Jelebu.

Jadual 5.3
Dapatan Kajian Objektif Ketiga

Aspek pengajaran	Sekolah cemerlang	Sekolah kurang cemerlang
Kaedah pengajaran	Latih tubi dan ulang kaji secara berterusan	Aktiviti nyanyian dan kerja berkumpulan
Interaksi antara guru dan murid	Sesi soal jawab aktif dan berfokus	Interaksi lebih bersifat umum
Penekanan kandungan	Pengukuhan asas tatabahasa dan kosa kata	Penekanan kepada minat untuk belajar
Susunan pengajaran	Sistematik dan berperingkat	Kurang tersusun dan tidak konsisten
Kesan terhadap murid	Kefahaman asas lebih kukuh	Kefahaman asas kurang mantap

Berdasarkan jadual berikut, jelas menunjukkan bahawa perbezaan utama antara sekolah cemerlang dan kurang cemerlang terletak pada strategi PdP yang diamalkan oleh guru. Guru di sekolah cemerlang lebih menekankan pengulangan dan pengukuhan asas, manakala guru di sekolah kurang cemerlang lebih cenderung kepada aktiviti yang bertujuan meningkatkan minat dan motivasi murid.

Dapatan kajian ini selari dengan teori pembelajaran berulang atau *reinforcement theory* oleh Skinner (1957) yang menekankan kepentingan pengulangan dalam

mengukuhkan pembelajaran dan meningkatkan ingatan jangka panjang. Melalui latih tubi yang berterusan, murid dapat mengingat kosa kata dan struktur ayat dengan lebih baik serta mengurangkan kesalahan yang berulang.

Selain itu, pelaksanaan sesi soal jawab yang aktif juga menyokong pandangan Piaget (1972) yang menegaskan bahawa interaksi memainkan peranan penting dalam pembinaan pengetahuan murid. Melalui soal jawab, murid bukan sahaja mendengar penerangan guru, malah dilatih untuk berfikir, memberi respon dan menyusun jawapan secara lisan dalam bahasa Arab. Pendekatan ini membantu meningkatkan keyakinan murid serta kefahaman mereka terhadap isi pelajaran.

Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan bahawa sekolah kurang cemerlang lebih kerap menggunakan aktiviti seperti nyanyian perkataan bahasa Arab dan aktiviti berkumpulan. Walaupun aktiviti ini dapat menarik minat murid dan mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, ia didapati kurang memberi penekanan kepada penguasaan asas tatabahasa dan kosa kata. Akibatnya, murid mungkin seronok mengikuti, namun masih lemah dalam aspek penguasaan bahasa yang sebenar.

Perbezaan ini menunjukkan bahawa tahap pencapaian murid dalam bahasa Arab bukan semata-mata dipengaruhi oleh minat murid, tetapi lebih bergantung kepada keberkesanan strategi PdP yang digunakan oleh guru. Kajian ini turut menyokong dapatan oleh Mahmud (2021) yang menyatakan PdP yang sistematik dan berulang adalah lebih berkesan dalam memastikan penguasaan asas bahasa berbanding aktiviti yang hanya menekankan keseronokan dan minat murid.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa kejayaan sekolah cemerlang dalam pengajaran bahasa Arab banyak berpunca daripada gabungan pendekatan tradisional seperti latih tubi dan ulang kaji dengan strategi interaktif seperti soal jawab. Pendekatan ini bukan sahaja membantu murid menguasai asas bahasa Arab dengan kukuh, malah menyediakan asas yang penting untuk pembelajaran bahasa Arab pada tahap yang lebih tinggi.

5.4 Amalan Pengajaran Bahasa Arab Terbaik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekolah-sekolah cemerlang di daerah Jelebu memiliki persamaan dari segi amalan pengajaran guru bahasa Arab yang dianggap berkesan dan berupaya meningkatkan tahap pencapaian murid. Antara amalan tersebut ialah pelaksanaan kaedah latih tubi secara konsisten yang memberi penekanan

kepada pengulangan kosa kata, struktur tatabahasa dan corak ayat mudah. Kaedah ini terbukti dapat membantu murid memperkukuh daya ingatan serta mengurangkan kesilapan dalam penggunaan bahasa. Selain itu, guru turut menggunakan sesi soal jawab sebagai strategi pengukuhan pembelajaran, di mana murid digalakkan untuk berfikir secara kritis, memberi respons secara lisan dengan lebih berani, serta mengaplikasikan pengetahuan yang telah dipelajari dalam situasi pembelajaran sebenar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan interaksi dua hala antara guru dan murid, bahkan juga mendorong murid untuk lebih aktif melibatkan diri dalam pembelajaran.

Seterusnya, guru di sekolah cemerlang juga menekankan aktiviti ulangkaji bab yang lepas sebelum memperkenalkan topik baharu, dengan tujuan memastikan murid benar-benar menguasai isi kandungan terdahulu sebagai asas kepada pembelajaran seterusnya. Ulangkaji ini berfungsi sebagai jalinan kesinambungan ilmu yang memudahkan murid memahami topik baharu tanpa meninggalkan kelemahan dalam bab sebelumnya. Amalan pengajaran yang berulang, terancang dan sistematik ini jelas memperlihatkan keberkesanan PdP, kerana ia membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran asas dan seterusnya membina keyakinan diri dalam menggunakan bahasa Arab.

Jadual 5.4
Amalan Pengajaran Terbaik

Amalan pengajaran	**Huraian amalan**	**Kesan terhadap murid**
Kaedah latih tubi secara konsisten	Guru melaksanakan pengulangan kosa kata, struktur tatabahasa dan corak ayat mudah secara berterusan	Membantu memperkukuh daya ingatan murid dan mengurangkan kesilapan penggunaan Bahasa
Sesi soal jawab	Murid digalakkan berfikir secara kritis, memberi respons lisan dan mengaplikasikan pengetahuan dalam pembelajaran	Meningkatkan keyakinan murid serta menggalakkan penglibatan aktif dalam PdP
Interaksi dua hala	Guru dan murid berkomunikasi secara aktif semasa PdP	Mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih interaktif dan berkesan
Aktiviti ulang kaji bab terdahulu	Guru mengulang kaji topik yang telah dipelajari sebelum memperkenalkan topik baharu	Guru mengulang kaji topik yang telah dipelajari sebelum memperkenalkan topik baharu
Pendekatan PdP sistematik dan berstruktur	PdP dirancang secara teratur dan berperingkat	Meningkatkan penguasaan kemahiran asas serta membina keyakinan murid menggunakan bahasa Arab

Secara keseluruhannya, persamaan dalam amalan pengajaran yang diamalkan oleh sekolah cemerlang ini menggambarkan bahawa pendekatan PdP yang bersifat konsisten, berstruktur dan berfokus kepada pengukuhan berulang merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kecemerlangan mereka dalam mata pelajaran bahasa Arab. Kejayaan sekolah ini juga memberikan petunjuk bahawa amalan PdP yang terancang bukan sahaja berupaya memperkukuh pemahaman murid terhadap isi kandungan pelajaran, tetapi juga berperanan dalam membentuk sikap positif murid terhadap pembelajaran bahasa Arab di sekolah KAFA.

5.5 Implikasi Kajian

5.5.1 Implikasi Teori

Kajian ini memberikan sumbangan dari sudut teori dengan memperkukuhkan pemahaman tentang kepentingan pengulangan dan pengukuhan dalam pembelajaran bahasa. Dapatan yang menunjukkan sekolah cemerlang mengamalkan strategi latih tubi, soal jawab dan ulangkaji sebelum topik baharu diperkenalkan adalah selari dengan teori pembelajaran berulang (*reinforcement theory*) yang menekankan pengulangan sebagai asas kepada penguasaan ilmu. Selain itu, dapatan ini juga menyokong konsep *scaffolding* dalam teori konstruktivisme, di mana murid memerlukan bimbingan secara bertahap sebelum menguasai pengetahuan baharu. Oleh itu, kajian ini memperlihatkan bahawa amalan PdP guru bahasa Arab di KAFA bukan sahaja berlandaskan pengalaman praktikal, malah mempunyai asas yang kuat dalam kerangka teori pendidikan bahasa.

5.5.2 Implikasi Amalan

Dari segi amalan, dapatan kajian ini memberikan gambaran jelas bahawa guru-guru bahasa Arab di sekolah KAFA perlu menekankan keseimbangan antara pendekatan tradisional dan pendekatan interaktif. Kaedah latih tubi, soal jawab dan ulangkaji terbukti membantu murid menguasai asas bahasa Arab secara lebih berkesan, manakala aktiviti kreatif seperti nyanyian perkataan dan aktiviti berkumpulan berperanan dalam meningkatkan minat, motivasi dan keterlibatan murid dalam PdP. Oleh itu, implikasi penting kajian ini adalah guru perlu mempelbagaikan strategi PdP supaya penguasaan murid bukan sahaja tertumpu kepada hafalan, tetapi juga melibatkan

kefahaman dan aplikasi dalam komunikasi. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan keperluan latihan berterusan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru KAFA, khususnya dalam penggunaan bahan bantu mengajar moden dan teknologi pendidikan yang mampu menarik perhatian murid serta memperkukuhkan lagi keberkesanan PdP.

5.5.3 Implikasi Polisi

Dapatan kajian ini turut membawa implikasi penting kepada pihak pentadbiran sekolah Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai penyelaras kurikulum KAFA di peringkat nasional. Kajian ini menunjukkan bahawa kecemerlangan sekolah banyak dipengaruhi oleh keseragaman dalam amalan PdP guru. Oleh itu, pihak pengurusan perlu menyediakan garis panduan PdP yang lebih jelas serta menekankan penguasaan amalan terbaik seperti latih tubi, ulangkaji, soal jawab dan kaedah interaktif. Implikasi lain ialah perlunya latihan berkala dalam bentuk kursus, bengkel dan sesi perkongsian amalan terbaik untuk guru-guru KAFA agar mereka lebih bersedia menghadapi cabaran PdP bahasa Arab. Pihak pengurusan sekolah juga digalakkan menyediakan sokongan berbentuk bahan bantu mengajar, teknologi PdP, serta ruang kerjasama guru bagi memastikan amalan PdP yang berkesan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten.

5.6 Cadangan Kajian Akan Datang

Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang boleh diketengahkan bagi tujuan penambahbaikan kajian pada masa hadapan. Pertama, kajian akan datang disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih luas meliputi sekolah KAFA di seluruh negeri atau di peringkat kebangsaan. Hal ini penting bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang amalan PdP bahasa Arab dan tahap penguasaan murid dalam konteks yang lebih pelbagai.

Kedua, kajian lanjutan boleh memberi tumpuan kepada kaedah PdP inovatif dengan menilai keberkesanan penggunaan teknologi pendidikan seperti aplikasi mudah alih, pembelajaran berasaskan multimedia serta platform digital interaktif dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab murid KAFA. Kajian seperti ini berpotensi

memberikan sumbangan besar kepada pembangunan pedagogi yang lebih relevan dengan keperluan generasi masa kini.

Ketiga, penyelidikan akan datang juga boleh menumpukan kepada faktor luaran yang mempengaruhi penguasaan murid, seperti sokongan ibu bapa, latar belakang sosioekonomi, serta pendedahan kepada bahasa Arab di luar bilik darjah. Aspek ini dilihat penting kerana pembelajaran bahasa Arab bukan sahaja bergantung kepada pengajaran guru tetapi turut dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran murid.

Selain itu, cadangan juga boleh diberikan untuk menjalankan kajian berbentuk eksperimen yang menguji keberkesanan kaedah tertentu seperti latih tubi, nyanyian, aktiviti kumpulan atau penggunaan teknologi secara lebih sistematik. Kajian eksperimen sebegini akan dapat memberikan bukti empirikal yang lebih kukuh tentang strategi PdP terbaik yang sesuai digunakan di KAFA.

Akhir sekali, kajian pada masa hadapan boleh memperluaskan fokus kepada pembangunan modul pengajaran bahasa Arab bersepadu yang menggabungkan kaedah tradisional dan moden. Modul ini boleh diuji secara rintis di sekolah-sekolah KAFA untuk menilai keberkesanannya sebelum diperluaskan penggunaannya. Dengan adanya kajian lanjutan dalam aspek ini, diharapkan PdP bahasa Arab di sekolah KAFA dapat diperkukuh secara berterusan, seterusnya meningkatkan pencapaian murid dan menyokong aspirasi Pendidikan Islam di Malaysia.

5.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Bab Lima ini telah membincangkan dapatan kajian berdasarkan objektif yang ditetapkan, merumuskan hasil kajian serta menghuraikan implikasi terhadap teori, amalan dan polisi. Kajian ini telah menjelaskan bahawa struktur kurikulum bahasa Arab KAFA dibina secara sistematik bagi memenuhi keperluan penguasaan asas murid, tahap penguasaan murid berada pada tahap sederhana dengan beberapa cabaran yang perlu ditangani dan amalan PdP guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran. Di samping itu, kajian ini juga telah mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan amalan PdP dan penyelidikan akan datang agar penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid KAFA dapat dipertingkatkan secara berterusan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada bidang pendidikan Islam, khususnya dalam memperkukuhkan PdP bahasa Arab di sekolah KAFA, serta menjadi rujukan berguna

kepada guru, pentadbir dan pihak berkuasa pendidikan agama dalam merancang strategi yang lebih berkesan pada masa hadapan.

RUJUKAN

Ab Majid, M. (2021). Model kreativiti pengajaran guru bahasa Arab di Malaysia. [PDF]. http://injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt_2021/Model%20Kreativiti%20Pengajaran%20Guru%20Bahasa%20Arab%20di%20Malaysia.pdf

Abu Hamis, S. N. (2018). Amalan pengajaran subjek Tasawwur Islam dalam kalangan guru sekolah menengah (Tesis sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ali, N., Rahman, N. E., Awang, N. A., Rahman, A. H., & Embong, A. H. (2023). A Preliminary Study of Arabic Text Reading Skills Instruction Based on Effective Reading Strategies. JETT, 14(3), 228-236.

Abdullah, M. (2018). Penguasaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Jurnal Pendidikan Islam, 33(2), 45–58.

Abdul Halim, M., et al. (2019). Level of Mastery of Arabic Language Subject (Kafa) among KAFA Students in Selangor, Malaysia. International Journal of Education, Psychology, and Counseling, 4(24), 96-108.

Abdul Rahim, A. (2021). Pengajaran bahasa Arab dalam pendidikan Islam di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah, A. H. (2023). The role of Arabic education in shaping holistic students. Journal of Islamic Educational Development, 11(1), 1–14.

Abdul Razif Zaini, Noor Shamshinar Zakaria, Mohd Rofian Ismail, Redzauddin Ghazali et al. (2021). Kompetensi Guru Bahasa Arab Sekolah Rendah di Malaysia Competency of Arabic Teachers in Primary School in Malaysia. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 7, 103-113.

Ahmad, R. (2021). Pendekatan kreatif dalam pengajaran Bahasa Arab di sekolah rendah. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia, 9(1), 77–90.

Ahmed, A., & Mustafa, H. (2018). Assessing the Level of Mastery of the Arabic Language Subject (Kafa) among KAFA Students in Malaysia. Journal of Arabic Language Teaching, 8(2), 23-38.

Affezah Ali, Hamdan Mohd Salleh, Fong, A. C. N & Zukhuriatul Mhd Yusof (2017). Analisa Keperluan Latihan Guru-Guru Sekolah Rendah Agama di Selangor. Persidangan: National Pre-University Seminar 2017, KUIS.

